

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 37

Rabu

4 Julai 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
■ Jerebu Di Malaysia	
- <i>Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)</i>	(Halaman 28)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007	(Halaman 61)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 109)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Penyalahgunaan Kuasa Pegawai Penguat Kuasa DBKL	
- <i>Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 109)
Keengganan TM Melunaskan Hutang Mobikom Sdn. Bhd	
- <i>Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)</i>	(Halaman 112)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 4 Julai 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah strategi untuk membangunkan perindustrian halal bagi menjadikan Malaysia hub logistik halal yang berdaya saing.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:

Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan sektor logistik terus berdaya saing dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hub halal antarabangsa, kerajaan melalui Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) sedang merangka beberapa pelan tindakan untuk membangunkan garis panduan dan standard halal untuk sektor perkhidmatan logistik yang merangkumi perkhidmatan pengendalian, pergudangan, pengangkutan darat dan udara, perkapalan termasuk perkhidmatan kontena dan penyimpanan bilik sejuk dan bilik sejuk beku supaya produk halal tidak dicemari oleh produk bukan halal sebelum sampai kepada pengguna. Sehubungan itu, kerajaan akan memberi sokongan kepada pelabuhan dan syarikat yang membawa kemudahan logistik yang mematuhi standard halal. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih di atas jawapan yang ringkas tetapi padat. Tetapi saya mendengar tadi banyak persiapan-persiapan dan persediaan-persediaan, yang kita hendak dengar adalah pelaksanaan-pelaksanaannya. Sebab sekarang ini Singapura telah mengambil kesempatan daripada konsep yang sama, banyak barang-barang dagangan daripada Malaysia telah di *branding* di Singapura dan dibawa keluar. Dalam konteks ini saya hendak memastikan bahawa kementerian terutama yang bertanggungjawab dari segi hub halal secara global ini benar-benar mencari kaedah-kaedah yang terbaik bukan sahaja dalam bidang pemakanan tetapi juga dalam bidang-bidang yang lain seperti *Islamic finance*, perbankan, dari segi pemakaian - *clothing, life style* produk, ini adalah merupakan perkara yang cukup luas dalam halal hub ini.

Yang saya hendak tahu di sini adalah apakah tindakan-tindakan yang dibuat seperti menyediakan apa yang disebut sebagai internet portal ataupun *online library* untuk membolehkan maklumat dan juga perkara serupa ini diketahui di seluruh dunia. Demikian juga apakah persiapan kita untuk kita memastikan harta intelek berhubung dengan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus soalanlah.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, produk-produk yang dapat dipasarkan di peringkat global supaya kita benar-benar menjadi hab halal dunia. Mohon penjelasan.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita tidak menafikan bahawa Singapura ada juga mengambil kesempatan ke atas barangan hub halal ini, ini tidak termasuk kepada negara yang lain seperti Thailand dan juga Indonesia. Tetapi di peringkat sekarang kita masih lagi mempunyai satu masalah yang perlu diselesaikan iaitu penyeragaman sijil halal yang perlu dilaksanakan oleh pihak JAKIM daripada negeri-negeri dan distandardkan. Jadi dalam hal ini, inilah perkara pertama yang perlu dilaksanakan oleh pihak JAKIM sebelum boleh kita melangkah kepada persiapan-persiapan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi masalah kita yang pertama yang kita akan selesaikan yang dijangkakan insya-Allah pada tahun awal 2008 akan selesai ialah penyeragaman dulu kerana sampai sekarang masih ada lagi sijil-sijil di peringkat negeri yang tidak diiktiraf di peringkat negara. Ini menjadi masalah apabila barangan-barangan halal ini akan dieksport untuk ke luar negara. Berkenaan dengan *internet* portal ini, JAKIM telah membuat penyeliaan tentang hal ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Setiausaha Parlimen ialah jawapan ... [*Dewan ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak suruh Setiausaha Parlimen soal?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawapan dia bagus Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak nampak sangat, mungkin saya salah minta maaf, keseriusan, betul bahasa saya tu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bolehlah, bolehlah tu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya dah dengar halal hab ini dah banyak tahun tapi kita masih seolah-olah belum tertumpu sebenar-benarnya peluang perniagaan makanan halal, pakaian halal dan halal-halal ini Tuan Yang di-Pertua yang memang disukai oleh semua negara, semua bangsa. Bukan Islam sahaja, orang bukan Islam pun suka halal ini, kerana halal ini barangan yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalannya, kementerian mana sebenar-benarnya yang diberikan mandat, tugas, peranan bagi menentukan Malaysia keluar sebagai negara yang mengeluarkan barangan halal. Kementerian mana? Apakah Kementerian Perusahaan, kementerian di bawah MITI, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Usahawan, kementerian mana? Atau Kementerian Pertanian? Dan apakah kerajaan tidak boleh serius dengan mengeluarkan peruntukan, galakan dan sebagainya supaya benar-benar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, bagi Setiausaha Parlimen jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, supaya benar-benar Tuan Yang di-Pertua ya. Supaya benar-benar negara kita ini akan terserlah di mata dunia sebagai benar-benar negara yang mengeluarkan produk-produk halal. Jadi saya minta kerajaan biar serius dalam perkara ini. Saya yakin Setiausaha Parlimen akan menjawab, "*Terima kasih Sri Gading kerana soalan yang baik*". Begitulah selalunya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan ketawa]*

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading dengan soalan yang sungguh baik. Saya jawab salam Yang Berhormat dulu, Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Sebenarnya Yang Berhormat, kerajaan memang serius dalam industri hab halal ini dan kalau Yang Berhormat hendak tahu kementerian mana yang bertanggungjawab, sebenarnya ia merupakan beberapa kementerian dan bukan satu kementerian sahaja.

■1010

Akta Perihal Dagangan Halal ini berada di bawah KPDNHEP, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Apabila kita bercakap tentang pemasaran, ianya dibuat di bawah MATRADE ataupun Kementerian Perdagangan dengan kerjasama juga di bawah Kementerian Pertanian, iaitu Jabatan Haiwan yang terpaksa masuk sebagai jawatankuasa, kerana di antara barangan halal yang kita kendalikan ialah sembelihan. Begitu juga Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan juga terlibat dalam hal ini untuk memastikan bahawa barangan yang halal bukan sahaja halal, tetapi bersih dan JAKIM juga terlibat dalam persoalan-persoalan yang berkaitan dengan persijilan. Jadi kalau Yang Berhormat hendak tahu, semua kementerian ini JAKIM, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan lain-lain kementerian yang saya sebut sebagai kementerian yang memberi sokongan dalam industri hab halal. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita bercerita pasal halal haram. Kita bercerita pasal menghantar barang keluar, yang halal dan haram, tetapi apa pula barang yang masuk?

Mana satu kementerian yang memastikan bahawa barang yang masuk itu halal? Yang ada logo halal. Masuk ke negara kita dan dicop dengan logo halal. Siapa dan kementerian mana yang menentukan bahawa ini betul-betul halal? Sebab kalau kita tengok dari New Zealand, dari Australia, dari mana tempat di dunia pun ada barang yang masuk dikatakan halal, tetapi orang masih lagi ragu-ragu. Kerana kalau kita pergi ke *supermarket*, ada barang ditanda halal, tetapi mungkin dia tidak halal.

Tuan Yang di-Pertua, halal haram ini, biasanya benda yang halal dianggap orang seperti ayam, apabila dia tidak disembelih dengan sempurna, tentu sekali dia tidak boleh dimakan, dia haram bila dimakan oleh orang Islam. Jadi saya mahu tahu, logo-logo ini datang, masuk sama ada dari dalam negeri atau dari luar, siapa yang memastikan dia ini halal, betul-betul halal atau haram seperti mana yang dikatakan oleh Sri Gading. Mana satu kementerian, sebab jawapan Setiausaha Parlimen tadi tidak tepat, sebab tidak tahu siapa? Kalau saya mahu merujuk barang-barang yang dijual di *supermarket*, kepada siapa saya mahu telefon?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kita minta Setiausaha Parlimen menjawab.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Tadi kita sebutkan bahawa kementerian semua bekerjasama, tetapi kalau Yang Berhormat hendak tahu siapa yang bertanggungjawab untuk tahu barang yang masuk itu adakah halal ataupun haram, jawapannya adalah JAKIM yang bertanggungjawab. Jadi kalau kita hendak telefon kepada mana-mana, kita ada nombor telefon yang boleh telefon terus kepada talian daripada JAKIM untuk mengetahui, dan kita boleh masukkan nombor bar kod itu dan kita dapat tahu sama ada barang ini halal ataupun tidak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, proses halal yang kita buat ini ialah daripada ladang sampai ke meja hendak dipastikan bahawa barangan itu adalah halal. Untuk itu setakat ini, kita sudah ada pegawai-pegawai syariah dan kesihatan yang diletakkan di tiga tempat yang strategik iaitu di Pasir Gudang, di Pulau Pinang dan di Klang untuk memastikan bahawa barang-barangan yang masuk itu disemak terlebih dahulu bahawa ianya benar-benar halal. Di samping itu...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Sabah, Sarawak tidak ada?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Setakat ini baru tiga Yang Berhormat dan kita dalam proses untuk memperbanyakkan lagi pegawai syariah yang boleh diletakkan di situ. Bukan setakat itu sahaja, negara-negara yang paling banyak sekali kita dapati barangan yang halal umpamanya daripada India dan Australia, paling banyak kita mengimport barang-barangan produk berasaskan daging. Kita sekarang akan meletakkan seorang pegawai *attache* agama dan *agriculture* yang akan memantau bahawa barangan itu benar-benar halal sebelum masuk ke negara kita. Terima kasih.

2. **Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah kementerian berpuas hati dengan kemampuan persenjataan yang dimiliki oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM); dan
- (b) adakah negara kita mampu untuk menghasilkan senjata sendiri dan tidak bergantung pada negara asing.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan ini. Setakat ini kerajaan berpuas hati dengan kemampuan persenjataan milik Angkatan Tentera Malaysia dalam memikul peranan pertahanan negara kita. Sebagai sebuah angkatan yang *credible*, Angkatan Tentera Malaysia mempunyai rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi pembangunan keupayaan termasuk meningkatkan lagi kuasa tembakan melalui perolehan peralatan senjata yang moden, canggih dan berteknologi tinggi. Pembangunan ini adalah selaras dengan menyediakan tenaga manusia, menyediakan alat dan kelengkapan dan persediaan penyeliaan dan *services* pada keseluruhannya.

Angkatan Tentera Malaysia juga turut menambah bilangan peralatan sedia ada dalam inventornya. Sebagai contoh, Angkatan Tentera Malaysia bakal memiliki peluru berpandu MT pesawat FN6 dan menambah bilangan *Multiple Launch Rocket System Mortar* 120M, kereta kebal PT91, pesawat pejuang Sukhoi SU30MKM, *The New Generation Petrol Vessel*. Kapal *Frigate Batch 2* dan kapal selam *Scorpion* yang bukan sahaja dilengkapi peralatan senjata serba canggih, akan tetapi juga merupakan *lead form*, berkeupayaan tinggi untuk melancarkan serangan ke sasaran pada jarak yang jauh dengan pantas dan sukar dikesan. Sebagai sebuah angkatan yang sentiasa membangun dan berkembang, seiring dengan kemajuan teknologi, ketenteraan dan cabaran keselamatan serantau dan global sudah tentu Angkatan Tentera Malaysia berhasrat untuk memperoleh senjata yang lebih tinggi dan kuasa tembakan seperti peluru berpandu jarak jauh, *Cruise* misalnya.

Namun demikian, perolehan persenjataan senjata seumpama ini perlulah mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan, dan sensitiviti negara jiran agar tidak dilihat sebagai ancaman dalam perlumbaan senjata di rantau ini atau di dunia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemampuan negara menghasilkan sendiri. Pada masa ini syarikat industri pertahanan tempatan, hanya mempunyai keupayaan dalam pengeluaran bahan letupan jenis *caliber* kecil, sederhana dan besar bagi penggunaan artileri dan bom-bom pesawat udara serta mempunyai kemahiran dalam pengeluaran produk, piroteknik, dakwat, fius bom tangan dan baik pulih pelbagai jenis bom. Syarikat industri pertahanan berpotensi untuk mengeluarkan semua jenis senjata laras kecil dan sederhana. *Small and medium caliber*, dengan izin dan terlibat dalam pengeluaran senjata *steyr*, *tactical machine* pistol dan pistol.

Walau bagaimanapun banyak lagi usaha perlu dibuat untuk meningkatkan lagi keupayaan syarikat industri pertahanan tempatan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua,

mengeluarkan bahan-bahan pertahanan ini ataupun pengeluaran hasil pertahanan yang lebih besar, ia memerlukan strategi daripada segi latihan dan kemampuan kewangan serta *marketingnya*. Kita tidak dapat mengeluarkan seperti bahan makan. Lagi ada orang, lagi ada makanan, lagi orang makan, kerana perlukan makanan, tetapi ada senjata, kadang-kadang yang dipakai terlalu lama. Ada mengeluarkan bahan, orang tidak beli. Maka hasilnya juga terkandas dan penjualannya juga terbantut, sedangkan modalnya adalah besar.

Oleh sebab itu dalam strategi mengeluarkan perkara ini, kerajaan sangat berhati-hati disegi kemampuan kita, kewangan kita dan kebolehan rakyat kita dalam ilmu penerbitan ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab dengan jawapan yang begitu luas dan begitu *detail* dan memberi satu rasa keselesaan, *confident* bagi masyarakat di negara kita ini. Walau bagaimanapun apabila kita melihat...

■1020

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus soalan, Yang Berhormat, tidak payah ulaslah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini kalau tidak, timbalan menteri tidak faham dengan soalan... kalau tidak memberi sedikit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu soalan yang tidak baiklah itu, Yang Berhormat, kalau tidak faham. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini soalan yang jitu dan soalan yang kita lihat daripada apa yang pada depan mata kita. Apabila saya pertama kali ke Lumut, kita lihat apa yang ada di situ, nampak *frigate* itu, saya tertanya dengan sahabat saya bahawa inikah senjata yang kita ada? Inikah kapal yang kita ada? Itu macam rasa sedih nampak. Walaupun apa yang diceritakan ada *submarine* dengan *Scorpion*, *frigate* yang termoden tetapi apabila kita melihat kemampuan apa yang ada pada negara-negara asing terutama sekali jiran-jiran kita di rantau ini, kita sedar garis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, teruslah soalan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya. Negara kita ini luas, jauh antara Semenanjung dan Malaysia, adakah kita mampu? Mengikut jawapan timbalan menteri itu macam kita *confident* ataupun kita punya sikap ini, kalau orang tumbuk semakin kita biarkan. Memang itulah satu daripada caranya. Tetapi ada soalan. Soalan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan yang baik, Yang Berhormat, pendek dan tepat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soalannya, adakah negara kita ini walaupun kemampuan kita ini pada masa ini tidak begitu sesuai, serupa dengan Amerika

Syarikat, mereka ada satu institusi yang dikatakan NASA, adakah negara kita untuk merancang satu badan untuk membuat satu R&D – ini satu teras daripada RMK-9 – membuat satu *research* untuk industri *armament* ini, industri-industri pertahanan walaupun ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih. Soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat atas kemampuan yang ada dan kemampuan kita bagi mengeluarkan alat-alat persenjataan yang berkenaan. Yang Berhormat takut mengemukakan satu soalan lagi, takut saya tidak faham. [Ketawa] Saya pula lagi takut setelah saya jawab Yang Berhormat pun lagi tidak faham. [Ketawa] Sebab dari segi persediaan yang telah saya katakan, kita dari segi *human capital*, kita sudah sedia. Dari segi peralatan yang kita ada, kalau Yang Berhormat melihat ada perkara yang berlaku di Lumut dari segi pembaikan, pemulihan dan sebagainya, kalau Yang Berhormat pergi ke beberapa stor di dalam negara kita ini, dari segi lori dan senjata-senjata lain yang terpaksa kita baik pulih, saya percaya Yang Berhormat lagi tidak *confident*.

Kita ada 120 ribu anggota tentera kita yang *confident* untuk mempertahankan negara ini dan bila kita buka peluang untuk rakyat lain untuk menyertai dalam ketenteraan kita, ramai yang menyertai. Cuma dalam Dewan ini, saya tidak tahu yang lain, Yang Berhormat sahaja yang tidak *confident* untuk kita mempertahankan negara ini. Saya rasa kalau adalah hati jiwa Ahli Parlimen yang macam ini dan Yang Berhormat bercakap dengan rakyat, sangat sedihlah daripada 26 juta ini, Yang Berhormat seorang yang tidak ada *confident* untuk mempertahankan negara ini.

Kita sebagai rakyat ini, jatuh bangun mesti kita boleh pertahankan. Saya sebagai Timbalan Menteri Pertahanan, saya sanggup dan saya tahu kita boleh mempertahankan negara ini. Kita biasa mempertahankan negara ini apabila diserang dalam kita hendak menubuhkan Malaysia dahulu [Tepuk] dan kita mampu untuk mempertahankan negara ini kalau kita hendak bandingkan dengan negara jiran, kita juga mempunyai senjata yang canggih, tetapi kita tidak membakar semangat jiran dan kawan-kawan yang lain kalau sebenarnya mereka kawan dan jiran kerana kita tidak melancarkan satu operasi membakar semangat benci-membenci dan ada cita-cita untuk berperang.

Oleh sebab itu, kita sudah sediakan peralatan ini dan dalam masa yang sama, kita sudah isytihar. Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak sudah menerangkan bahawa kita ada polisi pertahanan negara menyeluruh dari segi *human capital* dan dari segi *education* dan ilmu ataupun dari segi persenjataan. Kalau tidak ada, kita beli seperti kita beli peluru berpandu, kita beli jet pejuang *multiple capability* dan yang *last* sekali kita beli Sukhoi, dianggarkan adalah antara yang termoden dan kita Sukhoi, kita ada M16, F18, kita ada peluru berpandu jarak dekat dan jarak jauh, udara ke udara, udara ke bumi, kita boleh mempertahankan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Malaysia ini termasuk Sabah dan Sarawak. Bukan Malaysia itu Semenanjung dan Sabah dan Sarawak. Kita Malaysia, keseluruhannya. Kita punya jet pejuang boleh sampai ke Sarawak dalam tempoh 25 minit siap dengan peluru berpandu, kita mampu mempertahankan ini. Saya hendak Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen mesti mampu. Sebab itu kita menggalakkan tenaga manusia untuk terus ada dalam *reserve strength*, tiap-tiap Parlimen kita mesti ada satu *company* askar wataniah. Kita mengatakan kita ada 120 ribu tentera yang bersedia, 400 ribu *reserve* untuk mempertahankan negara ini. Terima kasih.
[Tepuk]

Seorang Ahli: Merdeka!

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ada soalan tambahan dan soalan yang dikemukakan ini pun bukan bererti bila kita bertanya, kita tidak ada keyakinan terhadap kementerian ataupun kerajaan. Itu adalah tanggungjawab *backbenchers* untuk bertanya.

Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, soalan kedua ialah kemampuan kita menghasilkan barangan senjata sendiri dan saya ingat semasa Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, pengumuman Kementerian Pertahanan tentang usaha kerajaan hendak mengeluarkan barangan, bukan sahaja senjata, *small caliber, medium caliber*, malah pada satu masa dahulu kereta kebal kita perkatakan usaha-usaha ini.

Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah kejayaan kita setakat ini selain daripada jawapan yang mengatakan kita hanya menghasilkan barangan-barangan kecil, peluru-peluru kecil, apakah yang ada pada kita sekarang ini yang dibuat di sini seperti yang diumumkan pada tahun 80-an dahulu? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca jawapan kepada soalan yang kedua dan soalan itu memberi makna atas kemampuan kita sementara ini dan untuk menyediakan negara ini mengeluarkan kehendak bagi penerbitan alat-alat senjata yang lebih canggih dan moden, *sophisticated*, dengan izin, kita mesti menyediakan tenaga manusia daripada rakyat tempatan sendiri dalam persediaan ini. Oleh sebab itulah kerajaan, khasnya Kementerian Pertahanan telah merancang dari segi pendidikan *human capital knowledge*, dengan izin, daripada pelbagai kolej, kita pun telah mendapat kebenaran menubuhkan Universiti Pertahanan.

Di dalam sejarah negara kita ini sejak daripada dahulu kita telah sampai kepada tahap penggunaan *human capital* ini dan *knowledge human capital* ini kepada tahap untuk ada universiti dan bila ada Universiti Pertahanan ini, kita akan mencerakinkan pada masa hadapan dari segi *knowledge*, tetapi dari segi kemampuan kita untuk mengadakan satu standard mengeluarkan bahan-bahan atau alat-alat pertahanan negara ini telah saya katakan juga bahawa ianya memerlukan satu model yang sangat tinggi dan banyak.

■1030

Setelah kita mengeluarkan ini pun kita mesti melihat dari segi berapa banyak yang kita hendak pakai berbanding dengan modal yang kita telah carumkan, dan berapa banyak yang boleh kita *marketkan* untuk mendapat satu projek yang berterusan.

Oleh sebab itulah kerajaan berhati-hati dan kita harap rakyat juga mesti faham bahawa, kita tidak boleh mencambahkan peruntukan yang banyak sedangkan ia tidak boleh maju ataupun boleh dipasarkan dalam masa di mana syarikat yang menerbitkan ini boleh mendapat hasil, memberi pekerjaan dan boleh hidup berterusan. Itu yang kita dapat beritahu dan sementara ini kita tidak lagi boleh mengeluarkan *tank* atau boleh mengeluarkan kapal yang besar.

Yang kita ada, itulah yang ada kerana kekuatan kewangan kita sendiri tetapi kita bersedia untuk kebolehan rakyat ini daripada segi ilmu sekiranya kewangan kita baik, kita sediakan rakyat dalam menentukan perkara yang dikehendaki oleh rakyat sendiri. Terima kasih.

3. Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya kekurangan minyak masak peket di pasaran. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengenal pasti bahawa harga minyak sawit mentah yang semakin meningkat sejak akhir-akhir ini telah menyebabkan kekurangan minyak masak berpeket di pasaran. Harga minyak sawit mentah di pasaran dunia telah meningkat melebihi paras RM1,700 semetrik tan sejak Oktober 2006 kepada RM2,589 se metrik tan pada 19 Jun 2007. Semalam saya baca angka ini harganya sudah meningkat sehingga RM2,700.

Paras minyak sawit mentah ataupun *cook palm oil* yang melebihi RM2,000 semetrik tan telah menyebabkan hampir kesemua kilang penapisan dan pembungkusan terutamanya kilang pembungkusan minyak masak tempatan yang membekalkan 70% kepada pasaran domestik tidak dapat beroperasi. Keadaan ini berlaku kerana kos pengeluaran telah melebihi atau sama dengan harga siling yang ditetapkan oleh pihak kerajaan pada paras RM1,700 semetrik tan.

Senario ini telah menyebabkan beberapa kawasan tertentu menghadapi masalah kekurangan bekalan minyak masak pada masa itu. Untuk mengatasi masalah ini mulai 1 Jun 2007 sehingga dimaklumkan kelak, kerajaan telah memutuskan untuk mengaktifkan semula Skim Penstabilan Minyak Masak ataupun *Cooking Oil Subsidy Scheme* yang memberi kemudahan subsidi kepada kilang penapis minyak sawit.

Skim ini antara lain bertujuan untuk:

- (i) membendung kesan kenaikan harga minyak sawit mentah ke atas harga minyak masak;

- (ii) menstabilkan harga runcit minyak masak dalam bungkusan 5 kg dan ke bawah; dan akhirnya
- (iii) memastikan minyak masak di pasaran tempatan adalah mencukupi.

Sekian, terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen yang telah menjawab. Saya rasa terjawablah, saya harap rakyat-rakyat saya di Kuala Krai dapat mendengar...

Beberapa Ahli: Wah!!

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: ...kerana isu ini isu rakyat, bukan isu senjata tetapi isu yang kita perlukan harian.

Terima kasih sekali lagi dan saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian sedar penyeludupan minyak peket ini berlaku di sempadan kawasan negara jiran iaitu Kelantan, Kedah dan Perlis? Inilah yang menyebabkan kekurangan ini berlaku kerana harga pasaran negara jiran ini hampir dua kali ganda. Oleh sebab itu bila ada perayaan-perayaan maka tidak ada langsung di *market*. Inilah yang mendatangkan rakyat selalu menanya YB-YB kita.

Adakah pihak kementerian bercadang mengadakan satu pasukan perisik untuk menyelidik perkara ini kerana berlaku sepanjang 24 jam di seberang tebing sungai yang begitu sempit kawasannya? Kiranya susah hendak kita habiskan perkara ini dan inilah yang selalu berlaku selama 24 jam. Jadi, kalau adalah perisik ini untuk melihat yang berlaku sepanjang 24 jam, adakah sejauh mana kementerian ini mengambil tahu dengan kementerian-kementerian lain, polis atau sebagainya supaya perkara ini dapat dikawal? Harga minyak, harga turun, tetapi harga roti canai masih naik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sebut empat kali 24 jam. *[Ketawa]*

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Yang Berhormat. Harga minyak masak di negara kita ini kalau dibandingkan dengan harga di negara lain memang benar negara kita masih pada harga yang paling rendah kalau dibandingkan dengan misalnya di Indonesia RM3.46, Thailand RM3.60 dan Singapura RM4.00 lebih. Malaysia masih dikira pada harga yang rendah kalau dibandingkan dengan harga di negara lain iaitu kalau di Malaysia saiz botol plastik memang 1 kg RM3.30 dan kalau 1 kg untuk berpeket cuma RM2.50. Kalau dibandingkan dengan negara lain memang kita adalah harga yang lebih rendah.

Saya terima baik pandangan Yang Berhormat ataupun aduan tentang adanya penyeludupan yang berlaku di Negeri Kelantan dan sebagainya. Saya fikir penguatkuasaan yang dilakukan oleh kementerian, saya boleh beri contoh memang kita menjalankan tugas setiap hari. Saya nampak dari segi penguatkuasaan itu memang kita mampu untuk mengatasi perkara ini tetapi maklumlah kalau ada berlaku pada masa yang tidak dikawal ini mungkin pada waktu

tengah malam atau apa, saya minta Yang Berhormat boleh berhubung terus dengan saya atau pihak berkuasa supaya kita mengambil tindakan ke atas mereka.

Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak khususnya Ahli Yang Berhormat pada masa berlakunya gangguan bekalan minyak masak ini, kita telah bekerjasama untuk sama-sama memikirkan satu cara untuk mengatasi masalah ini. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan Setiausaha Parlimen tadi, kita dapati bahawa nampaknya harga minyak sawit ini juga ada kesan *control* pasaran terutamanya pasaran dunia. Saya hendak bertanya, apakah langkah-langkah positif yang dijalankan oleh kementerian selain daripada menghantar penguat kuasa dan sebagainya supaya harga ini tidak naik lagi sekurang-kurangnya untuk tahun ini? Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan bahawa kerajaan apa cara pun tidak akan menaikannya pada tahun ini? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat sebut tentang minyak masak ataupun minyak... minyak masak?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, minyak masak memang merupakan satu item kawalan. Dalam erti kata, walaupun kita nampak harga minyak sawit mentah ini meningkat tetapi kerajaan masih mencari jalan untuk mengatasi perkara ini supaya kita pastikan harga minyak masak ini masih stabil dan dalam keadaan yang dikawal. Jadi, saya boleh mengatakan di sini, Yang Berhormat tidak usah bimbanglah sebab kalau meningkat harga sawit mentah pun kerajaan akan memikirkan jalan untuk memastikan. Kita lakukan 'ses' ini untuk mengurangkan harga, jadi kita tidak akan menaikkan harga minyak masak pada masa yang terdekat ini. Terima kasih.

■1040

Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada sedikit pembetulan di mana kes itu tukar kepada kos.

4. **Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah kad pengenalan hari ini benar-benar bermutu tinggi dan berapakah kos setiap satu serta berapa ramaikah yang masih belum menukar kad pengenalan baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak merdeka hingga sekarang kita telah menggunakan empat jenis kad pengenalan yang bermula daripada kad pengenalan kertas atau dikenali sebagai

card brass, kad pengenalan plastik, kad pengenalan bermutu tinggi dan pada tahun 2001 kerajaan telah memperkenalkan MyKad.

Memang diakui bahawa kad pengenalan atau MyKad yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2001 dan dipakai sehingga sekarang adalah bermutu tinggi. Ini disebabkan oleh MyKad yang digunakan sekarang ini mempunyai ciri-ciri keselamatan fizikal dan menggunakan cip yang canggih yang tidak boleh diklon. Kos bagi setiap MyKad ialah RM28.62 dan setakat pada 31 Mei 2007, bilangan pemegang kad pengenalan yang masih menukar kepada MyKad adalah seramai 381,978 orang. Terima kasih.

Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Memanglah dari segi aplikasi kecanggihan penggunaan kad pengenalan ataupun MyKad ini cukup baik, di mana cip yang boleh digunakan untuk *transaction* di bank dan sebagainya, dan juga Touch n Go. Selain daripada itu kita dapati ia ada ciri-ciri keselamatan. Hari ini kita dapati MyKad ini lebih nampak pudar dari segi warnanya dan ada juga kes di mana MyKad ini di mana ciri-ciri keselamatan seperti gambar apabila dilihat melalui pengimbas, gambar yang tertera di hadapan ini tidak sama dengan yang terdapat di belakang.

Ini juga ada satu kes yang berlaku yang saya dapati daripada pihak yang tertentu dan kad ini juga mudah patah. Ini juga menimbulkan masalah kepada mereka, pemegang kad yang mana apabila kad ini rosak dan perlu ditukar ganti. Di sini saya ingin tahu apakah kad ini sudah difikirkan oleh kerajaan satu-satunya kad tidak perlu lagi ditukar kepada kad jenis baru ataupun yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih canggih lagi. Saya hendak tahu juga berapa ramai yang gagal mengambil kad pengenalan setelah ditukar kad pengenalan baru ini oleh pemegang kad lama. Sekian, terima kasih. .

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tanah Merah. Jabatan Pendaftaran Negara dan kementerian menyedari ada terdapat juga kelemahan-kelemahan seperti penyalut plastik kepada MyKad itu yang didapati mempunyai beberapa kelemahan. Dalam konteks inilah, maka Jabatan Pendaftaran Negara dari semasa ke semasa memikirkan dan mencari jalan untuk menambahbaikkan atau meningkatkan kualiti dan usaha-usaha ini sedang dijalankan sekarang. Buat sementara waktu, mana-mana pemegang yang didapati penyalutnya terkeluar ataupun rosak, ia boleh mendapat gantian daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

Berhubung dengan dakwaan yang mengatakan keadaan gambar dan sebagainya, sebenarnya di dalam MyKad ini melalui mesin pengimbas kita dapat melihat pelbagai ciri keselamatan yang pada mata kasar tidak dapat dilihat. Jadi, kerana itulah yang dikatakan mempunyai ciri-ciri atau mutu yang tinggi. Dari segi keselamatan fizikal dan sebagainya memanglah kita akan sentiasa memikirkan dan Jabatan Pendaftaran Negara sudah pun menyiapkan cadangan baru kepada kerajaan. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa MyKad ini adalah suatu kad yang bermutu tinggi dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang dianggap baik.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah kad pengenalan kita ini atau MyKad kita diiktiraf atau boleh digunakan sebagai kad pengenalan atau sebagai pengenalan diri selain daripada pasport yang kita bawa ke negara-negara asing. Ini sebab, kalau kita tengok kad pengenalan Amerika terutamanya senang diterima pakai dan diiktiraf oleh mana-mana negara asing.

Cuma di sini barangkali saya hendak tanya dalam negara ASEAN dahululah dan negara jiran kita. Jikalau kita masuk ke Singapura, dalam kad imigresen itu telah pun disebut nombor kad pengenalan yang boleh diterima sebagai kad pengenalan diri rakyat Malaysia. Bagaimana pula di Indonesia, di Brunei, di Thailand dan negara-negara ASEAN yang lain sebagai satu negara contoh yang boleh menerima pakai kad pengenalan kita ini sebagai pengenalan diri selain daripada passport. Ini kerana MyKad ini adalah merupakan kad yang memiliki ciri-ciri keselamatan dan yang bermutu tinggi. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Larut. Untuk tujuan perjalanan antara sebuah negara ke sebuah negara, setakat ini kita menggunakan pasport antarabangsa. MyKad walau pun mempunyai mutu yang tinggi dan dianggap kad yang terbaik di dunia pada hari ini, namun begitu penggunaan secara meluas di kalangan negara-negara lain masih terbatas.

Setakat ini misalnya, kita mempunyai persefahaman perjanjian dengan kerajaan Brunei, di mana rakyat di antara dua negara boleh menggunakan kad FTC ataupun *Frequent Travellers Card* untuk keluar masuk antara dua negara. Bagi negara-negara lain pasport masih digunakan sebagai kad untuk tujuan perjalanan. Terima kasih.

5. Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah kementerian untuk menambahkan peluang pekerjaan kepada orang tempatan agar tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, terdapat seramai 1.92 juta orang pekerja asing di negara ini. Ini adalah bagi menampung kekurangan tenaga kerja tempatan, terutama dengan mengisi kekosongan jawatan dalam pekerjaan yang tidak diminati oleh tenaga kerja tempatan bagi menjana pertumbuhan ekonomi sekarang.

Sungguh pun demikian, kerajaan sentiasa mengkaji dan mengenal pasti strategi –strategi supaya negara tidak terus bergantung kepada pekerja asing dengan menambahbaikkan polisi berkaitan penggajian dan pengurusan pekerja asing. Sebagai langkah awal, kementerian telah

mengadakan persidangan meja bulat mengenai penggajian pekerja asing di Malaysia yang melibatkan wakil-wakil daripada kerajaan, persatuan majikan dan persatuan pekerja.

Persidangan yang bersifat '*triple type*' ini bertujuan untuk mencari jalan bagaimana negara dapat mengurangkan pekerja asing dan mengurus pekerja asing yang berada di negara dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengenal pasti pelbagai cadangan semasa persidangan meja bulat tersebut yang memerlukan perancangan yang teliti supaya impak daripada pelaksanaan tidak menjejaskan pertumbuhan dan pembangunan negara. Di antara cadangan yang telah dikenal pasti dan dapat mengoptimumkan penggunaan tenaga pekerja tempatan adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan umur persaraan tenaga kerja sektor swasta;
- (ii) menjalankan kajian keperluan tenaga kerja di sektor berkaitan;
- (iii) mengadakan penetapan kuota bagi pengambilan pekerja asing; dan
- (iv) membuat penyelarasan antara agensi kerajaan berkaitan pengurusan pekerja asing ;
- (v) majikan diminta mengubah pengeluaran mereka daripada yang berintensif buruh kepada pengeluaran yang berintensif modal dan berteknologi serta meningkatkan kemahiran bekerja mereka;
- (vi) mengenakan mekanisme *levi* pekerja asing pada kadar yang berbeza oleh majikan;
- (vii) menggalakkan penyertaan kaum wanita, pesara dan OKU dalam pasaran pekerjaan;
- (viii) mengadakan program *multi-skill* dan *multi-tasking* di kalangan pekerja; dan
- (ix) mengubah sikap, mencari pekerja tempatan.

■1050

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rancangan lima tahun kerajaan, pada tahun 2010, sebanyak 1.2 juta pekerjaan baru akan wujud dengan pertumbuhan purata guna tenaga 1.9% setahun. Dengan senario ini, berserta usaha kerajaan yang menggalakkan penerokaan bidang-bidang baru oleh sektor swasta bagi mencetus pertumbuhan pekerjaan baru dan penggunaan teknologi moden yang semakin meluas, seperti dalam sektor pertanian, diharap dapat menambah peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan mengurangkan pengambilan pekerja asing di masa akan datang. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kampar

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Bercakap sesama sendiri*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi peluang la, bagi peluang. Ini abang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini kita punya abang..

Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]: Ini orang lama lah...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Masih sihat... [Ketawa]

Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]: Sihat!

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]: Terima kasih, soalan tambahan. Saya tahu sepanjang tahun 2006, Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan Kempen Orang Mencari Kerja. Jadi, saya mahu tahu, apakah status karnival berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Macam ini, soalan. Pendek dan tepat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Orang lama, dia tak ada buang masa... [Ketawa][Dewan gamat]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya pihak Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengadakan Karnival Pekerjaan ataupun juga dikenali juga *Jom Cari Kerja* semenjak beberapa tahun dahulu. Status terkini untuk 2007, kita telah mengadakan Karnival Pekerjaan di 12 tempat iaitu di Melaka, Selangor, Terengganu, Johor, Kedah, Labuan, Johor lagi sekali, Kelantan, Pahang, Selangor lagi sekali dan Negeri Sembilan. Kita akan terus mengadakan sehingga akhir tahun ini di beberapa tempat lagi. Satu di Pulau Pinang, dua di Selangor lagi sekali, Perlis, Terengganu, Perak, Kuala Lumpur, Selangor lagi sekali dan juga di Batu Pahat.

Kita telah pun membuka banyak peluang pekerjaan, lebih daripada 90 ribu peluang-peluang pekerjaan. Yang terkini, pihak Kementerian Sumber Manusia juga membuka sudut Penjodohan Pekerjaan, *Job Clearing System* atau JCS, di institusi-institusi pengajian tinggi iaitu di IPTAR sebanyak 20 JCS telah pun kita buka dan di IPTS lebih daripada 200 buah. Ini telah pun kita laksanakan mulai pada bulan Jun dan kita berikan peluang ini sebagai peluang baru bagi memudahkan urusan-urusan daripada IPTA, IPTS untuk mendaftar di tempat pengajian mereka itu sendiri. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dengan Timbalan Menteri, adakah kementerian prihatin terhadap terdapat kilang-kilang pada hari ini yang cenderung membuang pekerja tempatan untuk digantikan dengan pekerja asing? Apatah lagi pula *Human Resource Manager* kilang-kilang ini bekerjasama dengan agen-agen kerana pada hari ini Bangladesh membayar komisen lebih daripada RM3 ribu, Nepal

USD600, Myanmar RM800, India RM800, yang membuatkan mereka berpakat membuang pekerja-pekerja tempatan dan memasukkan pekerja asing.

Adakah kementerian sedar dan banyak perkara-perkara ini berlaku dan apabila kompelin kepada kementerian melalui Jabatan Buruh, lambat hendak ambil tindakan. Saya pun tidak tahu kalau dia pun sama ada *kautim*. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Soalan itu baik tapi kadang-kadang dicelah juga dengan prasangka. Saya ingin jelaskan bahawa, mana-mana kilang yang membuang pekerja-pekerja tempatan lalu diganti dengan pekerja-pekerja asing, maka sebenarnya kita akan mengambil tindakan iaitu *blacklist* kan kepada kilang-kilang berkenaan, dan kita tidak akan berikan mereka peluang untuk mendapatkan pekerja-pekerja asing dan ini telah kita lakukan di beberapa buah kilang.

Kita menyedari akan hal ini walaupun ianya tidak besar, merupakan kes-kes yang kecil dan terpinggir. Oleh hal yang demikian, kita mengarahkan pegawai penguat kuasa kita untuk menjalankan siasatan, dan kalau sesuai dan jika perlu, kita akan membuat pendakwaan kepada kilang-kilang berkenaan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan pendek dan tepat...
[Ketawa]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey. Soalan pendek dan tepat. Soalan saya ialah, kita telah banyak mengadakan program dasar mengenai, seperti bagaimana teknologi boleh mengurangkan tenaga buruh dan mengurangkan tenaga manusia. Sebagai contoh di sektor pembinaan, di sektor pertanian, tetapi hari ini kita ada lebih kurang dua juta pekerja. Asing. Adakah ini menunjukkan kita bahawa dasar-dasar kita, rancangan kita sudah gagal ataupun kurang berkesan? Jadi, bersedia kah kementerian ini mengkaji balik, apakah rancangan dan juga dasar yang lain supaya kita betul-betul mempunyai satu rancangan yang boleh menarik ramai lagi pekerja tempatan untuk menyertai tenaga buruh di negara kita, itu yang pertama.

Yang seterusnya ialah mengenai tuntutan daripada MTUC berkenaan dengan gaji minimum. Mengapa kementerian tidak mengangkat satu faktor untuk menarik lebih ramai lagi pekerja tempatan ini bekerja di dalam pasaran tenaga buruh di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Mengenai dengan kehadiran pekerja asing, sebenarnya sebelum pekerja asing itu diberikan permit, ataupun kebenaran untuk bekerja di negara ini, majikan terlebih dahulu diwajibkan, disyaratkan untuk mengiklankannya sekurang-kurangnya sebulan. Maka apabila kita berpuas hati dengan pengiklannya, bahawa majikan tersebut tidak memperoleh pekerja tempatan, barulah dibuka kepada pekerja asing.

Yang keduanya, perlulah saya jelaskan bahawa kebanyakan pekerja asing ini terlibat dalam sektor-sektor pembinaan, perkhidmatan, pertanian, perladangan dan juga pembuatan, di mana sektor-sektor ini kurang diminati oleh pekerja-pekerja tempatan. Saya hendak jelaskan kepada Dewan yang mulia ini, mana-mana orang tempatan yang melibatkan diri dalam pendaftaran untuk mencari pekerjaan di dalam sektor pembinaan, *services*, pertanian dan pembuatan adalah sangat sedikit. Walaupun sedikit, kita sering memberikan peluang kepada mereka untuk mendahului daripada pekerja-pekerja asing.

Mengenai dengan MTUC, walaupun soalan ini agak terkeluar sedikit, perlu saya jelaskan bahawa kerajaan telah pun mengadakan gaji minimum dalam beberapa sektor. Semenjak 20 tahun dahulu, kerajaan telah pun mengadakan gaji minimum dalam sektor-sektor tertentu seperti pekerja-pekerja am di klinik-klinik, kemudian sebagai sekuriti dan juga sebagai pemungkah di pelabuhan dan juga di kontena-kontena.

Kerajaan juga telah pun mengenal pasti beberapa sektor-sektor baru dalam tujuh sektor baru untuk diberi ataupun dikenakan gaji minimum iaitu antaranya yang terpenting iaitu pekerja pekebun am di Sabah dan Sarawak, pekerja-pekerja lain termasuk di hotel dan juga di restoran dan juga pekerja-pekerja di kedai-kedai runcit.

Walaupun demikian, kerajaan terpaksa dan juga masih lagi mengkaji beberapa sektor-sektor lain. Untuk itu, kerajaan telah mengadakan Majlis Penetapan Gaji bagi memastikan sektor-sektor yang berkemampuan dan sesuai untuk diberikan gaji minimum. Kerajaan sama sekali tidak boleh menetapkan secara keseluruhan gaji minimum kepada semua sektor swasta kerana jika kita berbuat demikian, kita juga perlu akur kepada kemampuan majikan itu sendiri, kepada kemampuan pekerja itu sendiri. Yang lebih membimbangkan kita lagi, kalau kita paksakan sesuatu gaji minimum, kemungkinan besar pelabur-pelabur asing tidak datang melabur ke Malaysia. Salah satu daya tarikan pelabur datang melabur ke Malaysia disebabkan upah gajinya yang sesuai dan juga sederhana.

Begitu juga kalau kita kenakan suatu bentuk minimum gaji kepada keseluruhan pekerjaan, bagaimanakah sektor-sektor yang tertentu umpamanya dalam sektor *house maid* ataupun amah.

■1100

Bagaimanakah sektor-sektor yang tertentu, umpamanya dalam sektor *house maid* ataupun amah. Amah kita ada 320,000 orang, saya tak fikir kalau kita kenakan gaji RM1,200 bagaimanakah amah ataupun majikan kepada amah yang berpendapatan seribu lebih atau pun dua ribu lebih mampu untuk menggaji atau mengadakan gaji minimum. Sebab itu kita fikir saranan yang di buat oleh MTUC itu tidak sesuai.

Kita juga fikir bahawa pekerja asing di sini ada lebih kurang dua juta orang, kalau kita kenakan gaji minimum sebanyak RM1,200 maka kita juga terpaksa memberikan gaji minimum kepada pekerja asing. Apakah sesuai dan layak kita berikan kepada pekerja asing RM1,200

sedangkan gaji yang mereka terima antara RM500 lebih ke atas ini sudah cukup lumayan jika dibandingkan gaji dengan ataupun perolehan upah yang mereka terima di negara mereka.

Sebab itu kita menetapkan gaji ini berdasarkan kepada keupayaan-keupayaan majikan, kebolehan pekerja itu sendiri, sektor-sektor tertentu, keadaan geo politik, geo ekonomi dan geografi tertentu. Tidak mungkin kita samakan gaji kerja di Kuala Lumpur dengan kerja di luar bandar.

Sebab itu saya anggap tuntutan MTUC ini adalah satu tuntutan yang tidak berasas kerana kita juga sedang membuka pintu rundingan dengan pelbagai pihak. Saya nampak MTUC ada udang di sebalik batu, mungkin ada pemilihan tahun ini dan juga didalangi oleh parti-parti pembangkang. Jadi kita menolak sama sekali hujah mereka. Terima kasih.

6. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Pos Malaysia untuk mengelak kelewatan dan kehilangan mel yang kerap berlaku, khasnya dalam musim perayaan setiap tahun.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian sentiasa prihatin terhadap usaha-usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan pos di negara ini. Pos Malaysia Bhd. (PMB) selaku pemberi perkhidmatan pos sejagat di Malaysia sentiasa mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan surat-surat dan dokumen yang dihantar oleh orang ramai dapat disampaikan kepada penerima dengan selamat.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan keselamatan penghantaran surat-surat, khasnya di musim-musim perayaan setiap tahun adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan polisi *clear flow* dengan izin atau *no carry our mail* di semua pusat pemprosesan mel dan cawangan serahan setiap hari bagi mengelakkan kelewatan mel. Bagi mencapai matlamat ini Pos Malaysia sentiasa merancang dan mengambil langkah proaktif terhadap kerja yang seimbang dengan *volume mail* yang diproses setiap hari termasuk melantik pekerja-pekerja sambilan di sebahagian besar pusat pemprosesan mel di seluruh negara. Pembekuan cuti para pekerja bagi menangani *volume mail* yang meningkat di musim-musim perayaan;
- (ii) mengkaji dan menyusun semula jadual perjalanan *line hole* dan *local shutter* di mana melibatkan penghantaran mel di antara negeri dan dalam negeri; dan

- (iii) melaksanakan sistem uji mel bagi serahan surat-surat biasa, pos daftar dan pos ekspres bagi mengukur pencapaian kakitangan pos terhadap piawaian perkhidmatan (*services standard*) dengan izin serahan mel sebagaimana yang ditetapkan.

Dari segi keselamatan mel pula, Pos Malaysia sentiasa membuat pemantauan berterusan di setiap unit kerja termasuk menggunakan CCTV di beberapa pusat pemrosesan mel. Bagi tahun 2007 ini, Pos Malaysia telah merancang untuk memperluaskan lagi penggunaan CCTV ke beberapa pusat pemrosesan mel di seluruh negara.

Di samping itu tindakan tegas telah dan akan diambil terhadap kakitangan yang terlibat menyebabkan kehilangan surat-surat termasuk membuang kerja dan melaporkan kepada pihak polis serta tindakan mahkamah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, selain daripada pos laju, Pos Malaysia masih banyak yang tidak menepati cogan kata mereka untuk cepat dan selamat. Ke Sarawak memakan masa dua minggu baru pos sampai, jadi banyaklah *frustration* berlaku di antara Sarawak-Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah.

Soalan saya, apakah tindakan terperinci kementerian supaya Pos Malaysia ini boleh betul-betul mencapai matlamat kecepatan mereka dan selaras dengan kehendak undang-undang. Apabila kita pos suatu barang dalam tempoh 24 jam mesti sampai, tapi realitinya dua minggu dari Sabah ke Sarawak dan dari Sarawak ke Semenanjung.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Suka saya maklumkan perkhidmatan pos kalau dari Negeri Sabah dan Negeri Sarawak kalau antara pekan ke dalam pekan adalah dalam masa enam hari. Sekiranya berlaku perkhidmatan yang melebihi hari ini Yang Berhormat bolehlah mengutarakan aduan ini kepada pusat khidmat pelanggan yang disediakan oleh Pos Malaysia sendiri iaitu nombornya 1-300-300-300 dan pusat ini dibuka enam hari seminggu dan beroperasi daripada pukul sembilan pagi sehingga pukul lapan malam.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Pos Malaysia juga telah memperkenalkan alat baru telah membuat satu *investment* dengan izin iaitu membeli satu alat yang dipanggil Optical Character Reader (OCR), kerana dengan adanya mesin ini secara tidak langsung ia dapat membaca alamat dengan segera dan dapat membuat agihan surat-surat dengan segera supaya surat-surat ini dapat disampaikan kepada pengguna atau penerima dalam masa yang ditetapkan.

Di masa yang sama seperti yang saya nyatakan tadi, Pos Malaysia begitu serius bagi memastikan surat ini sampai dalam masa yang ditentukan, Pos Malaysia juga mengadakan ujian-ujian mel iaitu mereka menandakan beberapa surat ini dan memastikan serta menyasat sama ada surat ini sampai dalam masanya. Inilah tindakan-tindakan yang diambil oleh Pos Malaysia dan kementerian memantau segala tindakan-tindakan yang diambil oleh Pos Malaysia ini supaya perkhidmatan yang diberikan oleh Pos Malaysia ini mencapai tahap yang diperlukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, walaupun beberapa langkah proaktif telah diambil oleh pihak Pos Malaysia seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, masih terdapat banyak salah laku terutama sekali oleh posmen dalam penghantaran surat-surat sama ada lewat atau berlaku pencerobohan terhadap mel yang dihantar.

Jadi soalan saya Yang Berhormat, selepas Pos Malaysia diperbadankan, fokus Pos Malaysia nampaknya lebih kepada keuntungan daripada memastikan kecekapan itu dapat dipertingkatkan. Nampaknya perbandingan daripada sebelum ini dan selepas diperbadankan adalah lebih kurang sama.

Tambahan pula Pos Malaysia akhir-akhirnya ini tidak langsung mempertimbangkan permintaan-permintaan orang ramai berkenaan dengan peti pos, pos mini dan sebagainya. Malah berlaku penolakan daripada permohonan-permohonan supaya surat-surat Urusan Seri Paduka Baginda juga dikenakan setem, terutama sekali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang kemerosotan ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya ingin maklumkan bahawa sebagaimana yang saya nyatakan tadi selain daripada mencari keuntungan Pos Malaysia memang berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya. Dari segi keselamatan sebagaimana saya nyatakan mereka juga telah memperkenalkan CCTV di pusat-pusat pemprosesan mereka supaya memastikan surat-surat ini dalam keadaan selamat dan mereka juga memastikan bahawa pengguna-pengguna pejabat pos tak perlu menunggu lama, mereka telah memperkenalkan sistem yang dipanggil *queue management* yang mana sistem bernombor di mana pelanggan-pelanggan mereka diambil masa dan seboleh-bolehnya mereka tidak mahu pelanggan mereka beratur lebih sepuluh minit.

Berhubung dengan surat-surat daripada Ahli Parlimen, surat-surat Urusan Seri Paduka Baginda, saya dimaklumkan bahawa adalah lazimnya surat-surat Urusan Seri Paduka Baginda dan surat-surat rasmi ini adalah percuma. Akan tetapi sekiranya berlaku mereka diminta dikenakan setem dan sebagainya Yang Berhormat boleh maklumkan kepada saya dan saya akan ketengahkan perkara ini kepada Pos Malaysia, kerana dalam perjumpaan pihak

kementerian dengan pihak Pos Malaysia mereka bersetuju sekiranya surat-surat ini merupakan surat rasmi daripada Ahli-ahli Parlimen, maka ia dikecualikan daripada setem. Terima kasih.

7. Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan memandangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini pihak Institut Pengajian Tinggi giat mengadakan program kemasyarakatan seperti Bakti Siswa, adakah kajian terperinci mengenai impak pelaksanaan program ini terhadap sesuatu kawasan itu dijalankan dan apakah hasil kajian tersebut.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan nombor 15 hari ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Libaran kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

■1110

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setiap tahun kementerian menerima sejumlah besar permohonan untuk mengadakan program-program yang berbentuk kemasyarakatan daripada pihak universiti. Kementerian yakin program dan aktiviti seperti ini dapat mengukuhkan sahsiah dan sosial para pelajar yang terlibat. Kementerian sentiasa menggalakkan program seperti ini dilaksanakan di setiap IPT yang melibatkan pelajar dari pelbagai kaum. Sebagai contoh, Kementerian Pengajian Tinggi telah pun menubuhkan satu briged yang dikenali Briged Bencana Alam yang mendapat sambutan dari pelajar pelbagai kaum di IPT. Briged yang berkenaan kini aktif dengan program bantuan yang dihulurkan kepada masyarakat setempat yang mengalami bencana alam seperti banjir dan tsunami.

Selain daripada itu, pelbagai program khidmat masyarakat turut dianjurkan oleh persatuan-persatuan di universiti yang melibatkan semua pelajar berbilang kaum. Salah satu contoh adalah penglibatan pelajar berbagai kaum dalam khidmat masyarakat semasa berlaku kejadian banjir di Johor di mana semua pihak termasuk semua pihak termasuk para pelajar tanpa mengira kaum dan latar belakang telah pun turut serta dalam usaha menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya menyokong dan menyambut baik cadangan Yang Berhormat Papar supaya diadakan satu kajian impak pelaksanaan program. Kementerian juga sentiasa mendapat maklum balas bagi setiap program kemasyarakatan yang telah pun dijalankan. Khususnya dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPT yang terlibat dan didapati bahawa sambutan dan kerjasama oleh golongan pelajar dan masyarakat setempat amat membanggakan. Dalam beberapa kes yang tertentu, pihak kementerian turut menerima cadangan dan pelawaan daripada masyarakat setempat agar program bakti siswa ini diadakan di tempat mereka. Sehubungan itu, kementerian menyambut

baik juga saranan ini dan akan mengadakan kajian secara terperinci mengenai impak pelaksanaan program ini pada masa akan datang.

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Secara dasarnya prinsip program bakti siswa ini sangat baik. Apakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk memperluaskan lagi konsep program bakti siswa ini di dalam skop yang lebih luas, terutama sekali di dalam mewujudkan penglibatan yang lebih *visible* di antara pihak institusi tinggi dengan pihak pemimpin-pemimpin masyarakat dan wakil-wakil rakyat di kawasan-kawasan yang terlibat. Terutama sekali di dalam persediaan pembuatan profil kawasan contohnya. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Papar atas cadangan yang bernas ini. Sesungguhnya untuk makluman Yang Berhormat setiap program yang berupa bakti siswa ini sesungguhnya dikelolakan oleh IPT yang berkenaan. Ianya juga banyak bergantung kepada daya usaha pelajar IPT yang berkenaan dan juga sambutan dari masyarakat setempat. Apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat iaitu perluasan skop-skop penglibatan pelajar. Sesungguhnya setakat ini program bakti siswa bukan sahaja melibatkan pelajar kita sahaja, malahan ianya juga melibatkan pelajar-pelajar antarabangsa yang sedang menuntut di IPT kita.

Saya beralih kepada apa Yang Berhormat cadangkan tadi iaitu kemungkinan program-program bakti siswa melibatkan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat dan juga Ahli Parlimen misalnya, khususnya dalam usaha mengutip ataupun memungut data-data sesebuah masyarakat, saya rasa ini boleh kita ambil kira dalam pertimbangan masa depan. Sebab ini memang tepat pada waktu dan tepatlah.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita tahu bakti siswa ini suatu yang baik untuk mahasiswa kerana mereka akan didedahkan dengan masyarakat dan mereka akan terjun ke dalam masyarakat apabila menjadi *graduate* nanti. Cuma ada banyak masalah yang timbul dan saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah ada peruntukan-peruntukan khusus, khususnya di dalam program bakti siswa ataupun OPKIM ataupun khidmat siswa, kerana kita sering menerima permohonan-permohonan daripada mahasiswa untuk mengadakan OPKIM ini kerana mereka kata pihak universiti tidak memberi peruntukan.

Jadi, apakah benar dakwaan mereka itu? Bagaimanakah sekiranya mereka berinteraksi dengan syarikat-syarikat ataupun pihak-pihak yang ingin menyumbang? Apakah mereka ini perlu mendapat kebenaran daripada universiti dulu ataupun kementerian dulu sebelum memberi sumbangan? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat setakat ini bukanlah semua program bakti siswa ini dibiayai bulat-bulat oleh pihak kementerian ataupun pihak IPTA yang berkenaan. Sebaliknya ianya bergantung kepada permuafakatan pihak

pengurusan IPT dengan kerjasama sektor korporat ataupun sektor swasta. Itulah sebabnya ianya melibatkan unsur penajaan dari pihak luar dan setakat ini saya tidak nampak sebarang masalah kewangan ataupun kekangan kewangan yang dihadapi dalam usaha menjalankan program-program bakti siswa ini. Apa yang kita hendak ketengahkan adalah perlunya daya usaha dan inisiatif dari kalangan pelajar-pelajar kita dan juga pihak IPT yang terlibat. Sekian terima kasih.

8. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pelancongan menyatakan sama ada kerajaan berhasrat mewujudkan undang-undang untuk menghukum syarikat-syarikat dan individu-individu yang terlibat dalam *sex-tourism* demi menjaga nama baik negara kita. Apakah usaha kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan sekeluarga.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga nama baik Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik di rantau ini kerajaan akan terus meningkatkan usaha, pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada terhadap mana-mana syarikat pelancongan dan pemandu-pemandu pelancong yang terlibat dalam *sex-tourism*. Usaha ini juga adalah selaras dengan tindakan yang dijalankan oleh pihak penguatkuasaan yang lain seperti polis dan jabatan imigresen. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan produk-produk pelancongan untuk memenuhi keperluan setiap pelancong yang berkunjung ke Malaysia sama ada orang perseorangan atau keluarga.

Kaedah itu kerajaan telah membangunkan pelbagai produk pelancongan yang berasaskan kekayaan sumber alam semula jadi dan warisan budaya seperti ekopelancongan, agro-pelancongan, program *homestay* serta acara-acara yang pertama seperti Citrawarna, Pesta Makanan dan Buah-buahan, Pesta Air Kebangsaan dan sebagainya yang sememangnya amat sesuai untuk menarik pelancong-pelancong yang ingin bercuti sekeluarga di negara ini. Taman-taman tema atau *theme park* juga banyak dibangunkan. Memang sesuai untuk aktiviti keluarga. Kita berharap dengan produk-produk pelancongan seumpama ini akan dapat menjadikan Malaysia destinasi pelancongan sekeluarga yang menarik. Sekian.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya apabila saya katakan ini destinasi untuk sekeluarga yang pada saya seperti Genting. *Genting* kalau kita pergi ke sana yang ibu bapa kalau hendak judi boleh pergi berjudi. Kalau tidak dia boleh buat benda lain. Dia ada aktiviti lain dan bagi anak-anaknya dia ada *theme park*. Sekiranya remaja dia ada video *game centre* iaitu sesuai untuk sekeluarga. Saya rasa apa yang disebutkan di sini seperti Pesta Makanan dan Buah-buahan ini, dia tidak ada spesifik untuk sekeluarga.

Jadi, saya rasa adakah Kementerian Pelancongan ingin mempromosi pelancongan sekeluarga dengan mengadakan lebih destinasi yang seperti Genting?

■1120

Berapa seriusnya di dalam negara kita ini *sex-tourism*? Adakah banyak *company* yang terlibat atau pun kita tidak ada, memang tidak ada *sex-tourism*. Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Memanglah hasrat Kementerian Pelancongan supaya kita mengadakan lebih banyak *theme park*. Seperti yang kita sedia maklum, kita ada Genting, kita ada *Sunway Lagoon*, kita ada *Mines Wonderland* dan juga lain-lain. Memang kita haraplah pengusaha pelancongan boleh membina lebih banyak *theme park* supaya keluarga kita boleh pergi melancong bersama.

Mengenai isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi, tentang isu *sex-tourism*, kalau Yang Berhormat ada maklumat yang lebih terperinci, boleh beri kepada kita. Kita akan rujuk kepada pihak polis dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelancong, syarikat-syarikat pelancongan atau pemandu-pemandu pelancong. Sekian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terutamanya saya ucap tahniah atas kejayaan pihak kementerian mengiklankan Malaysia ini sebuah negara yang *colorful*. Memang *colorful*. Warna-warni dengan kehidupan kita yang warna-warni berbilang kaum, bangsa dan agama di dalam satu pakatan membangunkan Malaysia tetapi Yang Berhormat saya minta juga, kita juga kadang-kadang dapat melihat Malaysia ini dikata sebagai tempat seronok-seronoklah. Saya hendak kata *sex* itu...

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: *Happy-happy*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...hendak kata *sex* itu tapi, *happy-happy* lah. Jadi dia punya *happy* itu kadang-kadang sampai di siang hari dan *happy* ini kadang-kadang berlaku di depan mata kepala kita. Jadi mungkinkah, di samping kita, kerana saya percaya Tuan Yang di-Pertua, saya percaya yang kadang-kadang datang ini keluarga dia bukan hendak sangat tengok masuk *cafe-cafe* yang muzik kadang-kadang sampai pecah otak kita. *Sound system* dia itu. Jadi adakah kementerian akan menolong negeri-negeri di dalam Malaysia ini untuk mempertingkatkan pelancongan ini. Contohnya macam Kedah, Perlis, walaupun dia kecil tetapi macam-macam ada di Perlis, di Arau. Begitu juga di kawasan-kawasan di negeri lain. Kita ada *colorful event only* di *Kuala Lumpur but not colorful event in Kedah and Alor Star*. *Yan is the most wonderful place in the world*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Soalan, ia terbaik kalau hendak dibandingkan dengan *Switzerland no way* Tuan Yang di-Pertua, but *nobody goes accept Puchong*, pergilah.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, Kepong pergi tengok saya punya kawasan. Jadi promosi ini harus kita lakukan dan kadang-kadang bila saya tengok CNN di peringkat luar negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat soalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Soalan dia. CNN di luar negara dia mengiklankan lokasi-lokasi tertentu. Sepatutnya dia iklankan *overall* kerana Malaysia ini mengandungi 14 buah negeri yang harus kita sama-sama iklankan untuk menarik pelancong. Terima kasih Timbalan Menteri sahabat saya yang baik. Terima kasih. *[Ketawa]*.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Jerai. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin dengan isu-isu pelancongan. Terutama sekali isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Kita sebagai rakyat Malaysia memang hendak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang terunggul di dunia ini dan kita di Kementerian Pelancongan memang ada satu jawatankuasa iaitu kita berbincang dengan agensi-agensi lain supaya kita jaga imej baik negara kita dan berbincang tentang isu-isu yang seperti dibangkit oleh Yang Berhormat tadi.

Kita haraplah semua rakyat Malaysia boleh membantu dalam mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang terunggul di dunia. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerai pun, saya haraplah.

Tentang isu kita adakan program di semua tempat dan kawasan. Kita memang ada banyak program di negeri Kedah, terutama sekali di Langkawi. Kita baru-baru ini telah habiskan program kita 'Cita rasa' di Miri. Kita harap satu hari kita akan pergi ke Jerai. Okey, sekian.

9. Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status dan perkembangan anak pintar Adiputra setakat ini dan apakah silibus atau sistem pendidikan yang ada atau bakal digubal untuk kanak-kanak geliga seperti ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, status terkini persekolahan Adiputra buat masa ini ialah murid tersebut telah meninggalkan *Islamic International School* ataupun IIS pada 26 Mac 2007. Buat masa ini Adiputra sedang mengikuti *home schooling* dalam persediaan menduduki *A-Level*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai perancangan untuk menghasilkan program khas untuk murid pintar, cerdas dan berbakat. Kertas konsep program tersebut akan dibentangkan pada September 2007 dan modul pembelajaran yang akan digunakan adalah menggunakan konsep yang selari dengan program pintar, cerdas yang terdapat di negara maju dengan pengubahsuaian mengikut persekitaran di negara ini. Program pintar cerdas ini akan dirintis dan dinilai keberkesanannya dalam tahun 2009 dan pelaksanaan sepenuhnya program ini akan dilaksanakan pada tahun 2010. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mengharapkan adik Adiputra meninggalkan IIS itu adalah kerana IIS itu tidak menepati keupayaan adik Adiputra. Tuan Yang di-Pertua, sedar atau tidak kita mempunyai lebih kurang 2% kanak-kanak *gifted* ini seluruh ini yang membawa kepada jumlah hampir setengah juta dan saya terima kasihlah kerana kementerian sedar mereka tidak mempunyai program khusus bagaimana hendak membela kanak-kanak ini.

Kes Adiputra di negara kita ini, memaparkan kepada kita masalah yang dihadapi kanak-kanak pintar sepertinya yang tidak dapat masuk ke program-program ini kerana disebabkan oleh umur mereka yang terlalu muda berbanding dengan keupayaan mereka. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian di dalam program yang bakal disediakan tadi menyediakan satu slot khas bagi menangani kejutan budaya ibu bapa kepada kanak-kanak pintar ini. Di mana pada hari ini kita dapati ibu bapa berjalan mengambil hasil dagangan, mengambil faedah daripada kepintaran anak-anak tadi.

Yang kedua, adakah kementerian bercadang untuk menyediakan satu program bantuan kepada guru-guru untuk mengenal pasti dan menilai kanak-kanak pintar dan berotak geliga ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menerima cadangan itu dan bawa balik kepada kementerian. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, pada masa ini di peringkat awal dan pada September tahun ini, kertas konsep ini akan dibincangkan di Kementerian Pelajaran. Cuma setakat ini, kementerian telah membuat satu kajian keperluan program Pintar Cerdas atau pun kita sudah *complete need assessment study*. Jadi kami akan mengambil kira pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dan kita akan tunggu pengumuman oleh menteri sendiri dalam beberapa bulan yang akan datang.

[Soalan No. 10 – Y.B. Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) tidak hadir]

11. Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah terjadi dengan rancangan kementerian untuk membina sebuah sekolah rendah baru, SK Triang di Kawasan Parlimen Serian yang telah diluluskan untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) tetapi sehingga kini belum dimulakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru, Kementerian Pelajaran Malaysia akan memberi keutamaan kepada tiga aspek dalam membuat perancangan untuk membina sekolah-sekolah baru, iaitu:

- (i) memastikan tapak lokasi sekolah adalah bersesuaian;
- (ii) memastikan kemudahan tapak binaan mempunyai kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan elektrik; dan

- (iii) membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat sebagai langkah mengelak daripada menghadapi masalah sekolah kurang murid.

■1130

Sehubungan itu setelah mengkaji dan meneliti keperluan membina sekolah rendah baru iaitu SK Triang di kawasan Parlimen Serian, Kementerian Pelajaran mendapati bahawa tiada keperluan mendesak untuk melaksanakan pembinaan sekolah di kawasan tersebut. Namun demikian kementerian bersedia untuk mengkaji semula keperluan pembangunan pendidikan di kawasan tersebut dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Serian.

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lebih kurang 10 tahun yang lalu kementerian telah dalam Dewan yang mulia ini menyatakan bahawa peruntukan sebanyak RM2.8 juta telah diluluskan untuk membina sekolah ini. Jadi saya ingin tahu ke mana duit RM2.8 juta itu pergi dan kalau boleh, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa setakat ini keperluan untuk membina sebuah sekolah baru yang dinamakan SK Triang ini tidak wujud. Jadi soalan tambahan saya, bolehkah peruntukan kalau masih ada yang RM2.8 juta itu digunakan untuk membaik pulih sebuah sekolah rendah yang tertua di daerah saya, iaitu SK Santrisa Serian yang telah *dicertify* oleh JKR sebagai sekolah tidak selamat untuk digunakan. Sekian, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian kami ada empat lagi sekolah di kawasan berhampiran yang masih menampung keperluan pelajar-pelajar yang inginkan pelajaran di kawasan Parlimen Serian. Namun demikian seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat memang kita telah mengambil kira keperluan untuk mengadakan SK di kawasan Parlimen Serian, tetapi memandangkan ada pemindahan penduduk jadi keperluan itu tidak mendesak pada masa ini dan peruntukan telah pun digunakan di lain-lain tempat yang memerlukan keperluan ini.

Saya akan mengambil nota tentang permohonan Ahli Yang Berhormat dan saya minta mengemukakan secara bertulis kepada saya dan saya akan bawa balik, iaitu untuk baik pulih sekolah yang berada di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: Okey *thank you*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, tetapi ini Serian punya kawasan Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Kementerian Pelajaran juga. Mengikut laporan akhbar *The Star* hari ini 27% daripada projek infrastruktur yang berkaitan dengan peruntukan untuk pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan telah atau sedang dilaksanakan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah pihak kementerian pada masa ini hanya menumpu kepada pembangunan infrastruktur sahaja, dan berapa peratuskah daripada projek-projek yang telah atau sedang dilaksanakan membabitkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat itu sudah jauh.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu soalan spesifik luar daripada tajuk, jadi saya perlukan notis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, masa pertanyaan bagi jawab lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

JEREBU DI MALAYSIA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

11.33 pg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18, Dewan ini memberi laluan kepada Ahli Parlimen Kawasan Seputeh Yang Berhormat Teresa Kok menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membawa satu usul yang mengenai perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu berkenaan masalah Jerebu melanda Malaysia semula dan dijangka akan berterusan dalam tiga bulan yang akan datang.”

Cuaca negara kita telah menjadi semakin kering dan panas, dan aktiviti pembakaran terbuka di ladang-ladang di Indonesia bermula semula. Keadaan ini menyebabkan pencemaran udara di banyak tempat di negara kita telah menjadi semakin serius. Kualiti udara di banyak tempat telah pun merosot. Mengikut kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada 1 Julai, beliau menyeru rakyat Malaysia untuk bersedia bahawa negara kita mungkin akan diselubungi oleh jerebu dalam masa tiga bulan yang akan datang.

Masalah jerebu yang disebabkan oleh pembakaran terbuka melanda negara kita hampir setiap tahun. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan warganegara kita, keselamatan penerbangan dan jalan raya, ia juga secara tidak langsung akan menjejaskan industri

pelancongan kita kerana ramai pelancong asing enggan datang ke Malaysia kerana mereka bimbang akan jatuh sakit akibat kualiti udara yang buruk.

Oleh itu adalah penting bagi Dewan Rakyat untuk mengadakan perbahasan tergempar untuk membincangkan masalah pelandaan jerebu di negara kita, kerana masalah jerebu yang akan berterusan selama tiga bulan ini bukan sahaja akan menjejaskan kesihatan dan keselamatan rakyat, tetapi ia juga akan menjejaskan usaha kerajaan untuk menarik pelancong asing ke negara kita di samping mempengaruhi pertumbuhan ekonomi kita.

Adalah penting bagi Parlimen kita untuk mengambil satu pendirian dalam masalah ini sebelum jerebu disebar ke tahap yang lebih serius dan mencari jalan untuk menyelamatkan kualiti udara, industri pelancongan dan ekonomi kita daripada dijejaskan oleh masalah jerebu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Seputeh pada hari Isnin, 2 Julai 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa, pertama ia tertentu, perkara ini adalah tertentu. Kepentingan orang ramai, ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan.

Saya difahamkan dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bahawa masa ini kualiti udara di seluruh negara masih terkawal, di mana tiada stesen-stesen pengawasan yang mencatat status tidak sihat. Pihak kerajaan juga sedang mengambil langkah-langkah bagi menangani masalah jerebu dalam negara ini dan di peringkat serantau. Oleh yang demikian saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “ Bahawa Rang Undang-undang ini dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis.” **[3 Julai 2007]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 112 -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh.

11.37 pg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memuji menteri kerana datang sebelum Mesyuarat Kabinet selesai. Ini menunjukkan tanggungjawab dan memang agak serius terhadap rang undang-undang ini. Saya puji, jangan bising.

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada muka surat tujuh tentang *preamble*. Saya tidak faham dalam muka surat ini yang menyatakan, bahawa rang undang-undang ini adalah merangkumi di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, yang ini diulangi daripada perenggan yang terakhir juga.

Jadi kalau saya tidak baca isi kandungan bahagian lain dalam rang undang-undang ini ia akan memberi saya satu gambaran, bahawa rang undang-undang ini merangkumi seluruh Semenanjung Malaysia, Putrajaya dan Labuan kecuali Kuala Lumpur. Jadi saya hendak tanya kenapakah yang *drafting* ini dibuat sebegitu, kalau hendak sebut Wilayah-wilayah Persekutuan ia harus termasuk Kuala Lumpur juga, ini pertanyaan saya yang pertama.

Saya juga ingin bertanya dalam fasal 2 di bahagian II dalam rang undang-undang ini, sisa pepejal sekarang diklasifikasikan kepada beberapa kategori. Jadi saya hendak tanya, apakah perbezaan di antara sisa pepejal khas dengan sisa pepejal di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan peraturannya. Apakah maksud sisa pepejal yang diimport dalam rang undang-undang ini. Apakah pendirian kementerian ke atas sisa pepejal yang diimport dari luar negara. Apakah sisa pepejal diimport ke Malaysia mengikut kehendak *Basel Convention on the Control of Transboundary Movements of Hazardous Waste Disposal*? Apakah klasifikasi sisa pepejal berbahaya atau *hazardous waste* sejajar dengan konvensyen tersebut?

■1140

Kenapakah definisi dan interpretasi sisa pepejal bahaya ataupun *hazardous waste* tidak terkandung dalam rang undang-undang ini. Dari segi definisi sisa pepejal *e-waste* ataupun sisa pepejal elektronik, elektrik tidak disebut dalam rang undang-undang ini. Jadi kita lihat banyak keluarga membuang banyak sisa pepejal elektrik dan elektronik. Jadi kenapakah ini tidak muncul dalam definisi sisa pepejal.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak rujuk kepada fasal 5, Bahagian II dalam rang undang-undang ini di mana kita lihat menteri diberi kuasa untuk melantik ketua pengarah dan apa-apa bilangan timbalan ketua pengarah dan jawatan-jawatan kanan yang lain dan juga dari segi peruntukan pelesenan dalam bahagian empat menteri memberi lesen kepada operator pengutipan sampah dan pembersihan awam atas syor ketua pengarah.

Jadi kalau kita baca rang undang-undang ini secara keseluruhan kita dapati menteri dan ketua pengarah perbadanan ini seolah-olah telah pun menjadi *de-facto* datuk bandar pusat. Ini ketua pengarah datuk bandar di seluruh negara. Jadi jawatan yang paling berkuasa yang tidak boleh dicabar dan apa yang saya agak tidak puas hati adalah seksyen 105 dalam rang undang-undang ini menyatakan tiada tindakan atau pendakwaan boleh di bawa, dimulakan atau dikekalkan di dalam mana-mana mahkamah terhadap ketua pengarah, timbalan ketua pengarah, pengarah, timbalan pengarah, penolong pengarah atau mana-mana pegawai lain yang dilantik atau diberi kuasa dengan sewajarnya di bawah akta ini.

Jadi seksyen ini menjadikan perbadanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini seolah-olah *untouchable*. Tiada tindakan mahkamah boleh diambil ke atasnya tapi kalau lihat sekarang, orang ramai kalau mereka menghadapi masalah yang mereka amat tidak puas hati mereka boleh bawa datuk bandar dan ketua pengarah kerajaan tempatan ke mahkamah. Sekiranya terdapat kemalangan dihadapi oleh mereka ataupun sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan oleh kerajaan tempatan tapi kenapakah dalam rang undang-undang ini orang ramai tidak diberi kuasa untuk membawa mereka, kesemua pegawai dalam perbadanan ini ke mahkamah. Ini memang amat tidak adil. Kuasa yang terlalu besar diberi kepada ketua pengarah dan pegawai-pegawai kanan perbadanan ini akan mudah disalahgunakan. Sekiranya perbadanan ini menggunakan wang yang dibayar oleh pembayar cukai kenapakah pemegang jawatan yang tertinggi ditegah daripada menikmati imuniti dari segi undang-undang. Di manakah sekatan dan imbalan jawatankuasa yang terlalu besar ataupun *check and balance* terhadap ketua pengarah dan pegawai kanan dalam perbadanan ini.

Selain itu, dari segi kelulusan bagi pembinaan perubahan atau penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan dalam bahagian tiga dalam rang undang-undang ini, kelulusannya hanya diberi kepada ketua pengarah sahaja. Memandangkan lokasi kemudahan pengurusan sisa pepejal selalunya merupakan isu yang sensitif, jadi kerajaan seharusnya

menubuhkan satu badan yang bebas untuk memutuskan isu yang melibatkan kepentingan orang ramai ini.

Tuan Pengerusi, perbadanan ini mengambil alih kebanyakan tugas dan tanggungjawab kerajaan tempatan. Bagi kerajaan tempatan di luar bandar, tugas pengumpulan sampah dan pembersihan hampir merupakan tugas utama bagi kerajaan-kerajaan tempatan. Sekiranya peranan kerajaan tempatan yang utama ini diambil alih oleh perbadanan ini, apa lagi tugas bagi pegawai kerajaan tempatan yang sedia ada sekarang selepas rang undang-undang ini diluluskan. Perbadanan ini pun merupakan pusat kepada kerajaan tempatan tetapi kita masih bayar cukai pintu kepada kerajaan tempatan

Di samping itu, perbadanan ini juga diberi kuasa untuk mengutip bayaran daripada orang ramai yang membuang sampah. Bukankah ini merupakan bayaran cukai dua kali bagi kebanyakan pembayar cukai pintu sekarang. Memandangkan perbadanan ini diberi kuasa untuk mengutip fi dan levi daripada pemunya sampah dan penghuni apa yang saya bimbangkan ialah ia mungkin akan menggalakkan lebih tapak pembuangan sampah yang haram di banyak tempat. Jadi mengenai isu ini kita tahu banyak *illegal dumping site* itu sebenarnya mereka yang membuang sampah tidak susah bagi kita cari mereka. Jadi apakah tindakan yang akan diambil. Adakah tindakan yang diambil oleh kerajaan tempatan ataupun perbadanan ini bila terdapat banyak *illegal dumping site* ini diadakan. Sekian terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point of order* Tuan Pengerusi. Semalam Tanjong telah kemukakan satu usul di peraturan mesyuarat 54(1) dan (2) iaitu supaya satu keputusan dibuat oleh Ahli Parlimen di sini supaya adakah rang undang-undang ini patut dirujuk kepada satu *select committee*. Akan tetapi bukan sahaja perkara itu tidak dibenarkan supaya diundi oleh Ahli Parlimen tetapi usul itu tidak dibahaskan atau apa-apa keputusan dibuat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi soalan saya bolehkah perkara itu dirujuk balik dan satu keputusan dibuat dan satu *ruling* dibuat mengenai perkara tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, sebenarnya saya anggap perkara ini telah pun diselesaikan semalam. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat bolehlah saya terangkan, sebenarnya usul itu perlu dikemukakan semasa ataupun sebelum rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua. Diselesaikan dalam itu. Jadi bererti semasa dikemukakan untuk diputuskan dan sebelum dipersetujui bagi bacaan kali yang kedua usul ini patut dikemukakan.

Jadi sekarang ini sudah selesai barulah hendak kemukakan, saya fikir tidak tepat. Saya bersetuju tidak perlu kalau ikut Peraturan Mesyuarat 54(2) tidak dibenarkan keluaran pemberitahuan tetapi 54(1) sesuatu rang undang-undang boleh diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali yang kedua. Jadi apabila lebih suara bersetuju rang undang-undang ini telah dipersetujui untuk bacaan kali yang kedua bererti telah diterima, jadi usul ini dikemukakan, saya putuskan sudah terlambat dan tidak tepat kepada peraturan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya difahamkan ada satu *ruling* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini bahawa prosedur yang diikuti semalam oleh Tanjong itu adalah tepat. Saya mungkin silap...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ikut pengalaman kita memang selaras dengan apa yang saya katakan tadi.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya terima sebahagian daripada hujah Tuan Pengerusi sebab dalam 54(1) dan (2) ada perbezaannya. 1 adalah apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat tadi tetapi apa yang saya pakai tadi adalah Bahagian II di mana usul masih boleh diutarakan selepas ia dibaca kali kedua. Bezanya 54(1) adalah kalau diterima usul untuk rujuk kepada *select committee*. Rangka kerja *select committee* itu boleh membincangkan keseluruhannya termasuk dasar dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Bezanya 54(2) kalau diluluskan dan ditubuhkan *select committee*, cuma fokus kepada butir-butiran sahaja. Itu bezanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya tidak cabar tujuan Yang Berhormat mengemukakan usul itu. Saya tidak cabar tujuan Yang Berhormat mengemukakan usul itu. Mungkin sebab-sebab itu munasabah. Akan tetapi mengikut peraturan mesyuarat sepatutnya Yang Berhormat bangun semasa Tuan Yang di-Pertua mengemukakan untuk diputuskan sebelum mendapatkan suara lebih atau suara kurang, masa itu Yang Berhormat sepatutnya bangun supaya kami menerima suara untuk membuat keputusan. Masa itu sepatutnya Yang Berhormat buat dan saya ingin maklumkan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 99 dan inilah *interpretation*, keputusan saya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Akhirnya saya ingin terangkan, memang ada perbezaan satu sebelum ia dibaca untuk kali kedua. Satu ia dikemukakan selepas dibaca kali kedua. Jadi saya sudah terangkan perbezaannya. Satu kalau diluluskan pada dasarnya, apa pun boleh bincang dalam *select committee*. Kalau di bawah 54(2) Cuma butir-butiran sahaja. Itu bezanya. Yang 54(2) boleh dikemukakan selepas bacaan kedua dilakukan.

■1150

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, okey kalau Yang Berhormat, saya pegang kepada apa yang saya katakan tadi dan yang kedua tentang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Saya fikir perkara ini sudah selesai kerana apabila mesyuarat ini dibawa ke dalam Majlis Jawatankuasa, perbahasan pun telah bermula bererti kes ini saya fikir tutuplah. Baiklah, Sri Gading.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan. Tuan Pengerusi, memang saya menghormati apa yang telah diterangkan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua betul, ikut sini, 54 (2) ini sebaik-baik sahaja...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... tetapi yang penting ialah ini walaupun Sri Gading, sekejap sahaja...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sri Gading, sabar sedikitlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Walaupun ini adalah akademik, tetapi untuk kemuliaan Dewan ini saya rasa pada waktu itu *Speaker* boleh menerangkan dia membuat keputusan berdasarkan peraturan yang mana. Masalah kepada kami ialah *Speaker* pada waktu itu tidak mematuhi prosedur ataupun tidak mengikut peraturan. Yang dia kata tidak perlu, tidak perlu. Dia bukan perlu atau tidak perlu. Saya rasa apa yang dijalankan di dalam Dewan ini mesti mengikut peraturan. Kalau dia hendak menolak, bukan kuasa *Speaker* untuk menolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh *Speaker* yang mempengerusikan mesyuarat ini tidak perlulah... kerana pada pandangan beliau, mungkin dia fikir tidak tepat kepada Peraturan Mesyuarat sebab Yang Berhormat hendak rujuk undang-undang ini kepada Jawatankuasa Pilihan. Jadi semasa diputuskan Yang Berhormat bangun, jadi kita anggap Yang Berhormat mungkin hendak rujuk rang undang-undang ini. Yang Berhormat mungkin tidak memberikan, jadi yang pertama perkara 54 saya anggap sudah selesai, perkara kedua, jawatankuasa kita telah mula membahaskan. Jadi teruskan perbahasan kitalah. Sri Gading, sila.

11.52 pg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa Seputeh? Seputeh tidak payah puji ini menteri, pasal menteri ini memang salah seorang menteri yang paling baik, yang paling rajin datang ke Parlimen dan menjawab sendiri. *[Tepuk]*

Jadi tidak payah Seputeh sebut pun memang inilah tabiat semula jadi kita punya Menteri Kerajaan Tempatan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berapa kali tahun ini menteri datang ke Parlimen?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sri Gading mahu dapat projek atau kontrak kah, pengumpulan sampah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Banyak kali ini menteri... sangkaan jahat. Tarik baliklah itu semua sekali.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak ada asas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa pula tidak ada asas? Kita memuji seorang menteri, *you all* juga mahu menteri datang jawab. Dia datang jawab, betullah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sri Gading apa masalah, kita puji, pun mahu bantah? Kami bantah awak pun bantah. Kami puji awak pun bantah. Apa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasihlah atas pujian. Kita sama-sama pujilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri Barisan Nasional memang sukar mendapatkan pujian daripada pembangkang. Jadi terimalah pujian itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya pun terimalah Tuan Pengerusi. Berbanyak terima kasihlah pasal puji kita punya menteri yang memang patut dapat kepujian. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa Kepong, mahu puji juga?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Perbahasan jawatankuasa itu. Jangan puji-pujian sahajalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, ini pembukaan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong baru hendak masuk kepada tajuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya masuk tajuk sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ah, baru hendak masuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya baru hendak masuk. Kepong, sabar sedikit, Kepong. Kepong pun orang baik, saya puji juga Kepong, orang baik. Yang menjadi kerisauan Tuan Pengerusi, ini berhadapan dengan Yang Berhormat Menteri. Selama ini orang-orang yang duduk ataupun rakyat yang duduk di dalam majlis perbandaran...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu fasal Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak bercerita, atau bercakap atau mengulas...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah berceritalah, masuk kepada fasal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Muka surat 15 Tuan Pengerusi. Perkara 3, Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa Eksekutif ini Tuan Pengerusi. Yang menjadi kerunsingan, tujuan ini baik kerana kita serahkan semua yang sedang diusahakan,

yang sedang dikerjakan yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan tempatan kepada agensi pusat di bawah Kerajaan Tempatan, Pusat. Bagus. Cuma yang menjadi keraguan, yang menjadi pertanyaan, apakah servis ataupun...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkhidmatan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... perkhidmatan dia, apakah ada jaminan lebih baik? Satu, yang kedua takut Tuan Pengerusi sekarang ini majlis-majlis daerah, majlis-majlis perbandaran dia ada dia punya wakil rakyat. Ahli majlis daerah umpamanya atau ahli majlis perbandaran ataupun ahli majlis bandar raya, mereka yang dilantik ke jawatan ini, dia ada rasa tanggungjawab kepada rakyat setempat. Dengan sebab itu kalau hendak dikenakan sebarang bayaran tambahan, dia akan memikirkan kemampuan, dia akan memikirkan kesejahteraan rakyat tempatan dan dengan sebab itu kadang-kadang mereka mengawal cukai-cukai yang harus dikenakan kepada penduduk tempatan.

Jadi apabila ini nanti diserahkan kepada agensi pusat, nanti agensi pusat mendesak kerajaan tempatan di peringkat pusat supaya mengenakan bayaran-bayaran yang lebih tinggi. Ini masalah yang dibimbangkan Tuan Pengerusi oleh rakyat di bawah ini. Kemudian perkhidmatannya orang-orang ataupun penduduk yang di dalam kerajaan tempatan ini Tuan Pengerusi, kemahuannya tidak banyak, yang pertama sampah dia mesti angkat, mesti disediakan satu perkhidmatan yang menentukan sampah-sampah akan diangkat. Sekarang pun kita dengan kerajaan tempatan yang berkuasa ini kadang-kadang pun ada kompelin, lima enam hari baru hendak diangkat sampah dan pihak-pihak yang diwajibkan sampah ini kata lori tidak ada, kekurangan orang, besok apabila sudah serahkan kepada Pusat, apakah lorinya bertambah? Apakah pekerjaanya bertambah?

Kalau besok soal pengangkutan sampah tidak juga selesai dan akhirnya balik seperti sedia kala, yang memang perkhidmatannya kebanyakan majlis tempatan tidak begitu menyenangkan. Gagal dari kaca mata pembayar cukai. Itu satu, kemudian ini tanggungjawab longkang-longkang, berapa panjang longkang-longkang yang harus diselenggarakan oleh pihak yang akan dipertanggungjawabkan, longkang-longkang ini termasuk longkang-longkang dalam taman-taman yang puluhan, ratusan dalam setiap majlis perbandaran hari ini. Longkang-longkang hari ini kalau tidak dicuci, tidak dibersihkan ia menimbulkan masalah dari segi kesihatan dan menimbulkan bau-bau yang tidak menyenangkan. Kemudian, rumput-rumput di jalan-jalan di tepi jalan di dalam taman-taman...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sri Gading, ini semua ucapan dasarnya, ini ucapan dalam majlis kerajaan tempatan, bukan peringkat jawatankuasa rang undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Yang Berhormat yang buat keputusan. Saya buat keputusan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, Seputeh bukan *Speaker*lah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Seputeh ini Tuan Pengerusi dia minat saya Tuan Pengerusi, sebab itu dia suka kacau saya, bukan apa-apa. Dia punya tujuan baik, dia sokong apa yang saya cakap, saya percaya dia pun sokong, pasal kita masing-masing pun berkhidmat untuk rakyat. Memang sengajalah. Dia peminat, jadi sengaja. Sudah itu bila masa dia hendak kacau?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum mula lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kemudian, itu rumput, satu. Menjadi kewajipan kalau sudah memang ini akan diluluskan, tandas-tandas yang terdapat di majlis-majlis daerah, majlis-majlis perbandaran yang hari ini kebanyakannya masih belum sampai ke tahap kebersihan di kaca mata orang luar, yang tandas-tandas ini kegunaan orang tempatan dan orang luar...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sekarang ucapan dasar bukan masa untuk Yang Berhormat memberikan ucapan dasar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dasar tidak dasar saya ingat menteri suka dengar saya cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau kerana menteri suka dengar Yang Berhormat bercakap, boleh cakap luarlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi ringkaslah Tuan Pengerusi, maknanya tandas-tandas ini pun saya harap, kualiti tandas-tandas di seluruh negara akan lebih baik daripada keadaan yang ada pada hari ini. Cukup dia punya dan kalau tandas itu ada yang buruk, robohkan, ganti yang baru.

■1200

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pekerja yang betul, dan dibuka 24 jam. Ini ada tandas buka pukul 10 sampai pukul 5 petang. Orang nak buang air ini bukan dia kira *time* macam itu Datuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, betullah Yang Berhormat. Baik, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baik, baik. Datuk faham? Menteri faham?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Faham, faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Datuk, saya menyokong, Datuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat sila.

12.01 tgh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap ringkas sahaja, khusus kepada fasal 4 rang undang-undang ini yang mengatakan perjanjian mengenai perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan sebagainya yang memberi kuasa yang berbunyi "Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis dan berlawanan, Kerajaan Persekutuan hendaklah apabila akta ini berkuat kuasa, mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa perjanjian dengan mana-mana orang yang memberi kuasa kepada orang itu mengusahakan dan seterusnya".

Ini pada saya adalah suatu kuasa yang amat besar yang diberikan kepada kerajaan dan khususnya kepada kementerian dan menteri dan kita telah mengalami apabila kuasa seperti ini diberikan, contoh khususnya ialah Kementerian Kerja Raya ataupun Jabatan Perdana Menteri dalam kes penswastaaan lebuhraya dan sebagainya. Maka berbagai-bagai perjanjian berkaitan dengan kadar-kadar pembayaran, perkhidmatan dan sebagainya juga pengalaman tenaga dengan kadar yang dikenakan terhadap IPP dan seterusnya, PPA. Kebimbangan kita ialah bahawa kerajaan akan sewenang-wenangnya kerana kuasa mutlak ini mengadakan perhubungan perjanjian dengan syarikat-syarikat yang mana terma-termannya akan merugikan rakyat. Kerajaan akan lindungi kerana perjanjian itu seperti kes yang berlaku akan dikatakan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Maka rakyat tidak dapat mengetahui apakah perjanjian tersebut, bilakah kadar-kadar akan dinaikkan? Betul, Yang Berhormat Menteri berjanji bahawa dengan undang-undang ini tidak akan dinaikkan kadar, tapi semua menteri berjanji sebelum pilihan raya Tuan Pengerusi. Apa kata kalau selepas sahaja pilihan raya, tiba-tiba kadar-kadar ini dinaikkan dengan tanpa mengambil kira kepentingan dan kedudukan rakyat? Kalau itu janji menteri hari ini, bolehkah menteri berjanji bahawa untuk 10 tahun yang akan datang, kadar fi-fi, caj-caj dan apa-apa pembayaran rakyat tidak akan dinaikkan sehingga misalnya dilakukan semakan semula selepas 10 tahun daripada hari ini. Itu saya fikir boleh memberikan jaminan kepada rakyat berbanding dengan sekadar mengatakan perjanjian ini, undang-undang ini tidak akan mengenakan apa-apa kenaikan pembayaran di pihak rakyat.

Keduanya, kuasa ini juga saya bimbang mungkin akan digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu yang terlibat dalam usaha dan perusahaan ini seperti Solid Waste, Syarikat Alam Flora dan sebagainya untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang sedia ada ini dan juga untuk memberi peluang kepada kerajaan memberikan kontrak kepada syarikat-syarikat baru yang akan ditentukan oleh kementerian, yang tidak boleh dipersoalkan oleh rakyat malah Parlimen sendiri.

Jadi apakah jaminan Yang Berhormat Menteri bahawa apabila kuasa ini ada, maka syarikat-syarikat yang sedia ada yang ada kontrak interim dan sebagainya dengan kerajaan tidak akan semudah itu mendapat geran dan kemudahan daripada kerajaan dan jaminan menteri

tentang syarikat-syarikat baru yang akan dilantik untuk Terengganu dan sebagainya itu tidak juga akan diberikan terma-terma yang cukup lumayan dan mudah untuk mereka meraih keuntungan dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong.

12.04 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, fasal 35(4) dan juga fasal 78. Jadi saya akan mengambil masa sedikit dan Tuan Pengerusi, saya semalam ada tanya dari segi pentadbiran, apakah fungsi PBT dan batasan kuasanya di dalam pengurusan sisa pepejal dengan penubuhan Jabatan Perbadanan yang telah diperuntukkan. Kemudian daripada PBT-PBT ini, berapakah pekerja yang akan diambil alih oleh Jabatan Perbadanan dan apakah kos yang akan terlibat?

Tuan Pengerusi, kemudian untuk fasal 35 itu yang memberi kuasa eksekutif kepada menteri dan ini untuk mendapat akses kepada akuan dan rekod berkenaan pembayaran dan sebagainya. Sebagai satu langkah untuk memupuk ketelusan dan sikap terbuka pihak awam dan NGO harus memainkan peranan sebagai *...stop* untuk mencegah kepincangan dalam sistem. Apakah langkah Yang Berhormat akan ambil untuk memastikan sistem keterbukaan, *open for public scope* ini dalam pengurusan sisa pepejal bebas dan sistem tidak membebankan rakyat ini. Kita perlu tahu macam mana selain daripada Ahli-ahli Parlimen, memang Ahli-ahli Parlimen akan membangkitkan hal-hal masalah ini tapi orang lain tidak ada forum.

Mengenai keanggotaan perbadanan, pelantikan perjawatan, ini Yang Berhormat pun tahu ada masalah misalnya dengan *refuse derived fuel* dan dengan adanya rang undang-undang, apakah langkah yang akan diambil untuk mengelakkan masalah seperti di Semenyih itu dan seterusnya mengenai fasal 19(2) dan (3), caj, fi dan levi. Ini memang satu perkara yang sensitif. Walaupun dia janji dua tahun tidak akan buat apa-apa ke atas sesiapa. Adakah ini bermakna cukai taksiran akan dikurangkan sekiranya *direct dealing* dibuat oleh pemunya, penghuni, PBT atau mana-mana orang dan undang-undang kerajaan tempatan langsung tidak memberi peruntukan untuk mengurangkan cukai taksiran.

Cukai taksiran adalah berkaitan dengan nilai tahunan pegangan atau nilai tambahan pegangan yang ditetapkan oleh PBT. Kuasa untuk mengenakan atau menaikkan kadar taksiran merupakan kuasa PBT dan kelulusan kerajaan negeri dan tiada kaitan langsung dengan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang akan dikawal selia oleh kerajaan persekutuan. Saya tahu rang undang-undang akan dibincangkan kelak ialah mengenai PBT dan di sini kita perlu tahu macam mana kita menguruskan cukai taksiran ini yang berkaitan dengan rang undang-undang ini. Apakah mekanisme atau formula untuk menentukan caj ini, apakah kuantum kenaikan caj, fi atau levi.

Apakah asas untuk mencaj penduduk sedangkan tidak ada jaminan kualiti servis yang akan ditambah baik. Apakah nilai tambah atau *value added* untuk menjustifikasikan caj ini. Saya tahu ada tribunal, kita boleh buat aduan kepada tribunal tapi apakah fi dan levi yang akan dikenakan?

Fasal 30, menyenaraikan pemunya dan penghuni sebagai pembayar servis. Buat masa sekarang, pemunya membayar cukai taksiran manakala penghuni tidak dikenakan cukai taksiran. Adakah ini bermakna *double billing* sekiranya pemunya, owner dan penghuni *occupy* adalah orang yang sama. Siapakah yang akan termasuk dalam kumpulan mana-mana orang lain, perlu dipastikan kumpulan yang akan membayar caj sama ada dari kumpulan pemilik atau penghuni.

Fasal 104 yang memberi kuasa kepada menteri untuk kes pengecualian sebagai cadangan kelonggaran caj harus diberi kepada premis yang kosong untuk sesuatu tempoh. Kalau premis itu kosong, apakah caj, apakah fi dan sebagainya. Tuan Pengerusi, selepas ini ada fasal 75 dan 76. Apakah mekanisme yang akan dipakai untuk menguruskan sisa pepejal yang terletak di luar kemudahan pengurusan sisa pepejal?

■1210

Kebiasaannya sukar untuk dilaksanakan kerana pesalah *illegal dumping* -longgokan sampah sukar disabitkan kesalahan di atas sebab tidak ada bukti yang kukuh. Atas sebab ini penduduk yang tinggal berdekatan akan menjadi mangsa sikap tidak bertanggungjawab ini, longgokan sampah. Ini memang Yang Berhormat Menteri perlu menerangkan macam mana kita dapat menyelesaikan.

Fasal 108, buat masa sekarang walaupun sisa pepejal diasingkan oleh penghasil sisa pepejal, pemungut sisa pepejal tidak mempunyai kemudahan pengangkutan kenderaan yang boleh menstorkan sisa pepejal sementara di kenderaan. Yang kita dapat lihat, *collector* sering menggantung beg plastik mengikut barangan yang telah diasingkan. Jadi diharapkan Yang Berhormat Menteri membuat peruntukan untuk kenderaan pemungut yang mempunyai fasiliti yang tertentu untuk memudahkan kerja pemungut. Lokasi tempat pusat pengitaran semula tidak bersesuaian. Sebagai permulaan, semua pangsapuri ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak baca habis ke?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi, tidak banyaklah, satu dua perenggan lagi habis dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, itu buku tebal.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang tebal kerana kita, cuba tanya Yang Berhormat Menteri sendiri, saya buat catatan. Dulu bila beliau memberi taklimat dan selepas itu kita buat penyelidikan sedikit untuk menolong Yang Berhormat Menteri.. Cuba tanya dia, dia memang berminat dengan cadangan dan teguran kita di sini.

Tuan Pengerusi, sebagai permulaan, semua pangsapuri dan kawasan perumahan setempat seperti *town houses* harus mempunyai pusat pengitaran semula dengan mengambil kira nisbah penduduk kepada satu pusat pengitaran semula ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini dasar ataupun?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan dasar, ini mengenai fasal-fasal yang kita bincang sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan fasal? Dasar?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini fasal, bukan dasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya dah habis dah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia campur Tuan Pengerusi, dia campur.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak campur, ini fasal bukan dasar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Fasal dia pakar kulit, dasar saja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Lokasi tempat pengitaran semula juga mestilah berdekatan dengan akses jalan supaya senang untuk orang ramai mengangkut sisa pepejal ke pusat. Kita mesti ada pusat-pusat di Tangga Batu pun mesti ada pusat untuk kitar semula. Di Sri Gading tidak ada, itu masalah banjir teruk kerana masalah sampah di situ teruk sekali. Itulah masalah kita. Mengenai saiz bekas pelupusan sisa pepejal, *recycle bin* adalah tidak sesuai untuk barangan yang besar. Yang Berhormat Menteri harus membuat peruntukan untuk bekas yang lebih besar. Saya diberitahu ada dua jenis, satu beg dan sebagainya tapi kita mestilah fikir macam mana kita boleh tolong semua.

Akhir sekali fasal 103, ini pun saya jimat masa tidak baca fasal itu, 103 itu. Di sini, Tangga Batu apa masalah sekarang ini?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi YDP ke? DYDP ke itu?

Tuan Pengerusi, akhir sekali Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia melaporkan ada lebih 20 juta pemilik telefon bimbit di negara ini. Ini bermakna akan wujud 20 juta bateri telefon bimbit yang akan dibuang dalam masa tiga tahun atau lebih. Langkah memperkenalkan sistem terima balik adalah tepat tetapi adakah pendapat *industrialize*, pengeluar, pengusaha telah diambil kira dalam sistem terima balik? Apakah kepastian kepada masyarakat bahawa kos dan perbelanjaan yang ditanggung tidak akan di *pass over, pass on* kepada pengguna? Apakah industri yang telah dikenali pasti akan mengamalkan sistem ini?

Tuan Pengerusi, yang pentingnya kita hendak menjayakan sistem kuasa eksekutif diberi kepada Yang Berhormat Menteri, kepada kementerian, kepada Kerajaan Pusat, kita mestilah menyelaraskan dengan industri-industri seperti telefon bimbit kita dengan bateri-bateri, macam mana kita dapat menyelesaikan 20 juta bateri telefon bimbit ini? Sekian, terima kasih.

12.15 tgh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berebut, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat, dia kata saya jadi YDP tidak efisien, itu sebab jadi MP. Nampak samalah kita tidak efisien Ipoh Barat.

Tuan Pengerusi, saya membawa Dewan yang mulia ini ke peringkat Jawatankuasa ini di peringkat pematuhan syarat lesen 20(1) di mana kalau kita dapat melihat hari ini pihak pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan oleh ketua pengarah ke atas lesen itu. Ini saya hendak bawa kepada satu situasi yang berlaku di Melaka dan Johor Tuan Pengerusi. Sangat terperinci di mana pihak pemegang lesen sewenang-wenangnya mengenakan tindakan mahkamah kepada anak-anak kontraktor mereka yang kata mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki. Jadi di sini saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri, hukuman yang dikenakan oleh pihak kerajaan kepada pemegang lesen adalah begitu rendah berbanding dengan hukuman yang dikenakan oleh pemegang lesen kepada anak-anak syarikat yang mengendalikan kerja-kerja pembersihan di peringkat kawasan.

Umpamanya satu kes di Johor Yang Berhormat Menteri, pihak pemegang lesen telah mengenakan anak syarikatnya RM100 ribu denda sedangkan kerja yang diperolehi hanyalah RM50 ribu. Ini sekali gus telah menampakkan yang pemegang lesen ini bersikap seperti diktator, ingin menghapuskan kontraktor-kontraktor yang kata mereka tidak menepati kehendak dan keperluan syarat-syarat pemegang lesen.

Tuan Pengerusi, saya nampak di sini ialah yang pertama sekali, mereka menggunakan kuasa yang diberikan kepada mereka untuk menidakkan perkhidmatan. Jika mereka tidak boleh bayar kepada *performance*, prestasi kontraktor-kontraktor di bawah sana, mereka mula menggunakan undang-undang yang pertamanya ialah terlalu banyak NTC (*notice to correct*), notis untuk memperbetulkan keadaan sedangkan kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak-pihak sub kontraktor ini telah mengikut syarat-syarat bahkan lebih baik dari apa yang pernah dilakukan oleh majlis-majlis daerah dan juga majlis-majlis perbandaran sebelum ini.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri dalam 21(1) supaya kuasa untuk mengenakan syarat tambahan mengubah ini dan batalkan syarat ini digunakan sepenuhnya dan memasukkan salah satu daripada elemen ialah dengan mengenakan syarat kepada pemegang lesen supaya tidak sewenang-wenangnya melakukan tindakan, mengambil tindakan mahkamah kepada anak-anak syarikat yang sememangnya mereka ini menjalankan kerja-kerja harian untuk membersihkan kawasan-kawasan di peringkat daerah dan majlis perbandaran. Itu saja Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

12.18 tgh.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya dua persoalan ataupun isu yang ingin saya bangkitkan dalam sesi jawatankuasa ini. Yang

pertama ialah mengenai seksyen 110, kita tahu di bawah seksyen ini semua mereka yang sedang mengusahakan atau menyediakan khidmat pengurusan sisa pepejal ataupun menguruskan apa-apa kemudahan pengurusan sisa pepejal, mereka ada masa satu tahun selepas akta ini dikuatkuasakan. Mereka ada satu tahun untuk terus menjalankan khidmat yang ada sekarang. Ketua pengarah di bawah 110 juga diberi kuasa, kalau hendak sambung pun boleh, enam bulan ataupun masa-masa yang ditetapkan oleh ketua pengarah.

Jadi soalan pertama saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah bolehkah kita lebih spesifik, lebih *transparent* dalam soal ini? Kerana kita tidak mahu kuasa ini kerana kalau tidak digunakan dengan baik, tidak ada ertinya kita mengambil alih semua ini,, lulus rang undang-undang ini dan kita masih lagi tertakluk kepada *investor interest* yang tertentu dengan izin.

■1220

Perkara kedua ialah soal di bawah seksyen 111. Dalam tempoh setahun ini, perjanjian yang ada kekal dan selepas setahun, maka mereka perlulah *renegotiate* dengan izin, dengan kerajaan. Dalam hal ini, saya merujuk kepada satu 114. Maklumlah dalam *negotiation* ini, dalam perbincangan ini Yang Berhormat Menteri, soal komersial, soal isu-isu tertentu akan balik kembali menghantui kerajaan dan bermacam-macam pihak akan cuba mendapat kepentingan maksimum kepada mereka, sudah tentu.

Dalam hal ini, menteri mempunyai kuasa dan kuasa itu disebut sebagai kepentingan negara yang menentukannya, dengan izin *national interest*. Saya lebih gemar dengan *public interest*, tetapi biarlah. Saya harap menteri dapat membantu kami dalam Parlimen ini kerana ungkapan, *expression national interest* ataupun kepentingan negara ini begitu luas dan kita tahu dari sejarah kita dan dalam dasar-dasar dan keputusan-keputusan yang lepas, ia selalu digunakan *national interest*. Mengapa sesuatu tindakan, sesuatu kontrak, sesuatu itu diberi?

Jadi saya harap dalam era keterbukaan, Perdana Menteri kita, saya harap menteri boleh membantu kita apakah itu kriteria *national interest*? Supaya kita tidak lagi dibebankan dengan alasan ini bila secara objektifnya, secara saintifiknya kita tidak memahami mengapa sesuatu keputusan itu dibuat? Jadi saya harap untuk keperluan seksyen 111, saya harap menteri dapat *be very generous of what is national interest* dalam menentukan semasa kita membuat keputusan dalam *negotiation* dengan pihak-pihak tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat.

12.22 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi semalam bila saya kemukakan soalan-soalan berkaitan dengan seksyen 30 iaitu mengenai fi dan sebagainya, saya ada katakan bahawa ada undang di sebalik batu. Asas saya adalah rang undang-undang ini bila dikemukakan untuk kelulusan Parlimen, hanya satu *cooling of period* kerana sebenarnya dasar yang benar adalah selepas tamat dua tahun, satu caj yang akan

dikenakan kepada semua pemilik rumah yang membuang sampah dan sebagainya. Walaupun semalam menteri telah menjawab bahawa dia tidak tahu berapakah kos ataupun caj yang akan dikenakan, yang inilah yang menjadi masalah yang sangat penting. Berkaitan di mana rakyat Malaysia ingin tahu apakah anggaran, apakah *estimation* yang sedia ada dari *studies* yang telah dibuat oleh kementerian bahawa sekurang-kurangnya kementerian tahu bahawa selepas dua tahun ada kadar di mana satu caj akan dikenakan?

Itu sangat mustahak kerana pihak yang terlibat ingin tahu mengenai perkara itu dan nombor dua adalah di mana kerajaan sendiri menjadi seorang *signatory* dalam *Local Agenda 21* di mana kerajaan telah mengakui dan bersetuju bahawa rundingan akan dibuat dengan pihak-pihak yang ada kena-mengena dengan satu-satu rang undang-undang atau satu-satu polisi di mana ada berkaitan dengan pihak-pihak berkenaan.

Dalam hal ini, bukan sahaja kerajaan telah gagal, nombor satu, kerana tidak ada apa-apa rundingan dibuat dengan pihak-pihak yang betul-betul akan *affected* dalam perkara ini dan tidak ada *wasted parties* atau *interested parties* di mana perbincangan telah dibuat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berkaitan dengan klausa 30, apakah perbincangan, apakah analisa dan dengan pihak apakah kerajaan telah membuat perbincangan untuk membuat dan dari perbincangan tersebut satu analisis telah dibuat di mana keputusan akan dibuat di seksyen 30.

Nombor dua adalah, mengenai seksyen 32. Saya rasa ini adalah perkara yang mustahak di mana jika seorang gagal untuk membayar fi, dia akan dikenakan satu caj yang terlampau. Saya pun hairan membaca, mengatakan bahawa *fine* dia tidak melebihi pada kali pertama RM5,000 dan setiap kali selepas itu RM50 sehari. Apakah rasional ini? Saya khawatir, kerana jika ada seseorang yang tidak boleh membayar, adakah dia akan dipenjarakan?

Mengikut klausa 32, nampaknya ia akan berlaku dan dalam hal ini saya dan Batu Gajah lebih kurang dua tahun dahulu telah pergi berjumpa dengan Datuk Bandar Ipoh, dan memberitahu beliau bahawa di merata-rata tempat di Ipoh, sampah-sarap tidak dikutip dan beberapa kali perkara itu telah dibangkitkan. Saya sendiri telah menulis surat, telah berjumpa, telefon dan sebagainya. Bila tidak ada apa-apa tindakan, kita sendiri telah pergi ambil sampah-sampah tersebut melalui satu lori dan terus pergi ke Dewan Bandaraya Ipoh dan buang di sana. Kami hanya ada 50 orang pada hari itu, tetapi hari itu polis ada 150 orang. Polis itu ada banyak masa dan semua pekerja Dewan Bandaran lebih kurang 300 lebih orang pun sedia berada di sana.

Saya telah mengatakan kepada Datuk Bandar bahawa perlu oleh sebab saya membuang sampah di sana, dia ambil tindakan, tetapi rasional dia ini. Ini adalah *public duty* di mana kami menjalankan dan adakah kami juga akan dikenakan di bawah seksyen tersebut? Ini nombor dua, dan ketiga adalah mengenai persidangan tribunal, seksyen 43.

Tuan Pengerusi, saya telah meneliti seksyen 43. Saya rasa walaupun tribunal ini adalah satu tribunal yang dicadangkan oleh kerajaan adalah baik, tetapi apakah masa ia akan bersidang? Kerana saya rasa yang penting, ia patut bersidang selepas waktu pejabat di mana faktor-faktor yang tidak *bercontentious* selalu didengar oleh tribunal-tribunal semacam ini. Tribunal-tribunal yang sedia ada, yang disediakan oleh kerajaan di lain-lain kementerian dan 'Kementerian Perumahan' sendiri. Saya harap bahawa cadangan ini akan diambil kira di mana orang-orang yang dicaj atau dibawa ke tribunal ini ada ruang masa dan juga pihak-pihak yang terlibat dapat datang selepas waktu pejabat untuk menghadiri di mahkamah. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian, selepas itu Pendang.

12.27 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma ingin membangkitkan sedikit tentang fasal 3 yang semua maklum Kerajaan Persekutuan apabila akta ini mula berkuat kuasa, mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara yang berhubung kait dengan pengurusan sisa pepejal dan pemeriksaan awam di seluruh Malaysia.

Di sini saya ingin bertanya kepada pihak menteri, apabila kita telah mengambil kuasa ini dan saya sebelum ini pun kita faham tentang falsafah dan matlamat pengambilan alih ini ialah kerana disebabkan faktor ketidakmampuan hampir semua PBT di seluruh negara yang menyebabkan akta ini dibawa ke dalam Parlimen. Saya difahamkan bahawa bantuan yang telah disalurkan oleh pihak kementerian kepada kesemua PBT di seluruh negara ini telah bermula daripada Rancangan Malaysia Keenam dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, siling yang diluluskan adalah sebanyak RM3.3 bilion. Menunjukkan satu peruntukan yang begitu besar yang telah pun disalurkan dan akan disalurkan oleh pihak kementerian kepada semua PBT di seluruh negara.

Perkara yang ingin saya tanyakan, apabila berkuat kuasa sahaja seksyen 3 ini, apakah tindakan pihak kementerian terhadap kesemua ataupun sebahagian besar daripada PBT-PBT yang tidak dapat menjalankan tugas mereka sebelum daripada ini? Sebagai contoh, ingin saya membawa kepada suatu maklumat di mana walaupun sehingga tahun 2005 sebagai contoh, kementerian telah memberikan peruntukan kewangan lebih kurang RM50 juta kepada pihak PBT ini, tetapi hasilnya adalah berlaku tunggakan bagi sektor, kita lihat, Kuala Lumpur, Selangor dan Pahang kepada Alam Flora, kita dapati jumlah tunggakan hutang sebanyak lebih kurang RM79 juta.

■1230

Bagi sektor Johor, Melaka dan Negeri Sembilan apabila diberikan kepada Southern Waste Management Sdn. Bhd., tunggakan lebih kurang RM84 juta, di mana kita melihat

keseluruhan hutang ini adalah lebih kurang RM163 juta. Ini adalah menggambarkan betapa tidak efisiennya pengurusan ini dan apakah apabila kuasa ini tidak diberikan, diambil alih oleh Kerajaan Pusat, maka mekanismenya, adakah sumber tenaga manusia yang sama akan digunakan. Ini yang menjadi persoalan.

Kalau ketidakcekan berlaku, adakah kementerian boleh memberikan suatu jaminan dalam Dewan yang mulia ini, boleh *identify* dan *verify* dalam Dewan yang mulia ini, maka apa sebenarnya yang menyebabkan ketidakcekan ini berlaku, yang menyebabkan rang undang-undang ini dibawa ke dalam Parlimen ini. Adakah kerana berlakunya rasuah yang begitu luas, berlakunya ketidakcekan disebabkan tidak ada satu pengurusan yang efisien, satu pengurusan yang proaktif, yang telah dibuat sebelum daripada ini ataupun apa sebenarnya yang berlaku? *What went wrong* yang menyebabkan ini berlaku, kerana kita akan membelanjakan wang yang begitu besar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini iaitu sebanyak RM3.3 bilion.

Tuan Pengerusi, yang kedua tentang seksyen 4 yang saya rasa perlu dibaca bersekali dengan seksyen 30 tentang kuasa seperti yang disebut oleh sahabat kita dari Kota Bharu tadi atas nama menteri, *the good faith*, kita tidak boleh bersangka buruk, kita mesti bersangka baik tentang kuasa menteri ini. Dahulu pun bila kita bahas tentang rang undang-undang tentang air, sebagai contoh, menteri beri jaminan tidak akan menaikkan tarif air, tetapi apabila lulus sahaja akta itu dalam Parlimen, keesokan harinya menteri menjawab, "Saya tidak ada kuasa. Saya tidak boleh memberikan sebarang jaminan bahawa tidak berlakunya kenaikan harga air dan seumpamanya ini."

Dalam masa seminggu kita melihat berlakunya satu perubahan sikap yang tidak konsisten terhadap apa yang dijanjikan dalam Parlimen. Adakah tentang fi ini, sebagai contoh, seksyen 4 yang saya rasa perlu dibaca bersekali dengan seksyen 30, di mana kita lihat kemungkinan ini akan berlaku memandangkan seksyen 30 di dalam Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dan seksyen 17. Saya baca bersekali, Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dengan jelas memperuntukkan bahawa menteri melalui Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam boleh mengenakan fi, caj dan bayaran perkhidmatan bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali di bawah seksyen ini juga, fasal ini juga, saya ingin bertanya sejauh manakah pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak kementerian terhadap syarikat-syarikat ataupun konsesi yang telah diberikan mereka mandat sebelum daripada ini, iaitu seperti Alam Flora dan Southern Waste ini. Adakah mereka juga telah dinilai kecekapan mereka? Andai katalah ada satu laporan ataupun mungkin Kertas Putih untuk dibentangkan dalam Parlimen ini tentang prestasi mereka, apa yang mereka telah buat, adakah telah diambil kira semua rungutan penduduk, khususnya di Kuala Lumpur sendiri tentang perkara ini, dan satu

kes yang berlaku yang saya terima maklumat oleh saudara saya di Batu Pahat tentang satu kes yang berlaku di Kampung Bukit Seri Wangi di Parit Yani.

Hari ini penduduk terpaksa bergilir-gilir semacam mengadakan Rukun Tetangga, jaga lori untuk masuk dalam kawasan pembuangan sampah yang seluas lima ekar ini, yang telah menyebabkan satu masalah besar kepada empat buah kampung di sekitar Kampung Parit Yani ini. Ini yang saya melihat tentang bagaimanakah kegagalan-kegagalan ini perlu diurus dengan baik, kerana saya melihat bahawa peruntukan ini bukan sedikit dan rang undang-undang ini telah diberikan kuasa yang begitu mutlak dan penuh kepada pihak kementerian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pendang. Selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

12.35 tgh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak masuk kepada fasal 2 berhubung dengan kacau ganggu. Dinyatakan di sini kacau ganggu mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan iaitu Akta 171. Apabila kita semak kepada Akta 171 ini, kacau ganggu ini bermaksud masalah kepada bunyi, kepada bau dan juga kepada penglihatan.

Jadi saya hendak mendapat penjelasan daripada kementerian, apakah bunyi dan cahaya dimasukkan juga ke dalam akta ataupun diambil tindakan di bawah fasal 2 akta yang kita luluskan pada persidangan ini. Kerana memang bau semua orang tidak suka, bunyi memang menjadi masalah kepada mereka yang tinggal di bandar-bandar besar dan juga di kawasan-kawasan yang menjadi tempat perlumbaan mat-mat rempit. Apakah ini juga dimasukkan kerana disebut digunakan bersekali dengan Akta 171. Begitu juga dengan cahaya, misalnya tempat yang mempunyai cahaya yang merosakkan pandangan, apakah ini boleh dikategorikan sebagai satu perkara yang boleh diambil tindakan dalam akta yang diluluskan ini.

Kemudian berhubung dengan kitar semula iaitu memungut dan mengasingkan sisa pepejal, siapakah yang berhak menjalankan kerja-kerja ini. Kalaulah penghuni ataupun penduduk itu menjalankan kerja mengasing dan juga memungut, apakah mereka ini akan dikecualikan daripada bayaran-bayaran tertentu seperti caj dan juga fi yang dikenakan di dalam akta ini.

Kemudian pegawai yang diberi kuasa, saya hendak sentuh tentang tugas pegawai kesihatan ataupun pegawai perubatan yang berada di dalam PBT. Apakah mereka, pegawai-pegawai perubatan ini akan diserapkan secara automatik menjadi anggota perbadanan yang akan dibentuk dalam rang undang-undang ini.

Kemudian khidmat pengurusan dan pembersihan awam. Kita tahu dua hari lepas Majlis Perbandaran Subang Jaya telah membenarkan restoran-restoran menggunakan kaki lima dan

juga jalan sebagai tempat makan dengan meletakkan meja-meja mereka. Seawalnya ia merupakan tempat awam yang diuruskan oleh konsesi yang dilantik oleh perbadanan ini, tetapi apabila dibenarkan menggunakan kaki lima, apakah ini masih menjadi hak awam ataupun ia sudah menjadi hak *private*, hak persendirian restoran berkenaan kerana ia dibenarkan digunakan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dan juga majlis-majlis perbandaran ataupun PBT-PBT yang lain.

Dalam fasal 4, perjanjian dengan mana-mana orang yang memberi kuasa. Ini sebenarnya antara kerajaan dengan perbadanan dan juga konsesi. Apakah ini juga turun ke bawah, maknanya di antara pemegang konsesi ataupun perbadanan dengan rakyat yang diberi khidmat oleh pemegang konsesi ini, kerana kita tahu caj boleh dipungut apabila adanya perjanjian. Misalnya kita dikenakan caj oleh TNB, JKR yang membekalkan air ataupun Indah Water dikenakan perjanjian dengan pengguna. Jadi apabila menggunakan perjanjian, maknanya pengguna tertakluk kepada syarat-syarat dan dikenakan bayaran. Apakah ini juga tertakluk kepada perjanjian di antara pemegang konsesi ataupun perbadanan dengan pengguna di peringkat bawahan?

Fasal 5 iaitu Ketua Pengarah boleh memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai di bawah untuk mewakili dia. Saya takut apabila kebenaran ini diberi secara yang bebas, maknanya ketua pengarah itu tidak payah buat kerjalah setiap kali mesyuarat, setiap kali apa-apa perbincangan diserahkan kepada orang bawah dia. Jadi maknanya berapa kalikah, berapa kerapkah ketua pengarah boleh memberikan kuasa kepada orang bawahan.

Fasal 30 memang seperti mana yang disebutkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, inilah yang cukup merunsingkan kita, kuasa untuk mengenakan caj memang dalam masa dua tahun tidak kena, tetapi selepas ini mungkin macam yang disebutkan oleh Kubang Kerian dan juga Ipoh Barat tadi, inilah yang merisaukan kita tentang caj-caj yang bakal dikenakan.

Kemudian fasal 34, jenis dan takat perkhidmatan. Ini memang satu perkara yang subjektif. Adakah sampah yang dikutip itu ditimbang, diukur, disukat ataupun bagaimana sebelum caj-caj ataupun levi dan juga fi akan dikenakan kerana mungkin dari segi cecair, ia diukur isi padu, dari segi benda yang berjisim, diukur berat ataupun bagaimanakah dalam fasal 34 ini jenis dan takat perkhidmatan yang diberikan.

■1240

Apakah ia diukur dulu baru dikenakan caj ataupun bayaran dan 31 notis dalam masa 14 hari untuk dikenakan caj. Ini juga merupakan suatu perkara yang perlu diletakkan di dalam notis iaitu sebanyak mana sampah yang dikeluarkan atau dibuang oleh penghuni semasa dia menerima notis tersebut. Ini kerana kalau sekiranya dikenakan caj dia kena tahu berapa banyak, macam kita menggunakan air berapa banyak yang digunakan baru kita di caj terhadap penggunaan air tersebut.

Fasal 102, berhubung dengan deposit iaitu barangan yang diambil semula oleh pengeluar, pengedar syarikat dia akan dikenakan deposit. Cerita mengenai deposit ini memang telah lama, orang kata kita berpengalaman. Kalau dulu kita beli air *lemonade* dikenakan deposit untuk botol ataupun beli biskut satu tin dikenakan deposit sebanyak RM5. Apakah ini juga akan berfungsi sebegitu?

Seandainya kita beli barang di Kuala Lumpur dan bawa balik ke Kota Bharu, kita dikenakan deposit, apakah kita terpaksa pulangkan barang itu ke Kuala Lumpur balik sebelum kita mendapat deposit tersebut? Ini persoalan-persoalan yang saya rasa perlu dijawab oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sudah habis ke minta jalan ni?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sudah habis.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya minta jalan dia bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang sudah habis ucapan atau ...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Belum bagi. Saya minta jalan tadi dia bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis. Dia sudah habis.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sudah habis. Balik jawab di rumah.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis. Sebenarnya masa yang cukup panjang lebar diberikan kepada Ahli Yang Berhormat berucap. Baiklah, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri.

12.41 tgh.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana cukup prihatin dan telah membangkitkan banyak perkara yang berkaitan dengan kepentingan rakyat.

Yang Berhormat daripada Seputeh telah menyebut sama ada rang undang-undang ini merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ya, akta ini termasuk merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana mengikut Akta Taksiran 1948 dan 1967, Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ia tidak sebut lagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana Semenanjung Malaysia melibatkan Kuala Lumpur.

Mengenai sisa khas adalah sisa daripada lapan kategori sisa yang telah ditakrif di bawah akta ini. Dari situ ia mungkin akan menjadi sisa yang membahayakan kepada kesihatan orang awam ataupun ia akan jadi sesuatu, walaupun kadang-kadang sisa-sisa ini selepas satu masa ia

akan berubah *nature*. Jadi, kita lebih selamat mengadakan satu takrif supaya sisa-sisa khas ini juga dimasukkan ke dalam undang-undang ini kecuali sisa berjadual ataupun *scheduled waste*, dengan izin. Maknanya apa-apa yang *naturenya* memang ditakrif di bawah Akta Alam Sekitar yang sudah cukup jelas, maka dengan itu dapatlah kita mengasingkan bidang kuasa kedua-dua akta.

Bagi sisa yang diimport, pada masa kini terdapat banyak pengilang mengimport, sebagai contohnya, kertas terpakai, plastik terpakai dan logam terpakai daripada negara lain. Itu kita perlu ada suatu kawalan, kalau tidak sisa orang lain dia buat kitar semula bawa ke negara kita. Pada masa yang sama kita tidak kitar semula, kita jadikan sumber kita sampah. Ini dalam pendidikan awam perlu dimulakan sampai satu hari kita kena kawal supaya jangan sisa diimport itu akan menjejaskan alam sekitar dan usaha kita untuk mengitar semula di Malaysia.

Memang ketua pengarah perlu diberi kuasa yang secukupnya kerana apa-apa kuasa yang sedia ada telah pun diguna oleh pihak berkuasa tempatan sekarang dalam pengurusan sisa pepejal akan diambil alih oleh ketua pengarah. Ketua pengarah tidak akan jadi berkesan jika dia tidak ada kuasa secukupnya. Walau bagaimanapun dalam pentadbiran kerajaan kita akan ada sistem *check and balance* terhadap kuasa ketua pengarah dan saya ambil perhatian tadi ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bimbang kalau ada salah guna kuasa, kalau tidak ada ketelusan atau sekiranya ada *conflict of interest*.

Dengan pandangan-pandangan itu saya ambil berat semua itu supaya kita adakan satu cara. Apabila kita melaksanakan undang-undang ini perlu kita diadakan peraturan yang jelas. Kita perlu ada satu sistem *check and balance* dan ini semua akan dibuat selepas undang-undang ini diluluskan dan kementerian akan juga mengadakan sesi-sesi mendapatkan pandangan daripada semua *industry players* dan juga pengguna yang terlibat.

Sebenarnya saya telah pun mula berdialog untuk mendapatkan *feedback* bagaimana hendak melaksanakan undang-undang ini. Sebelum itu kami mengumpul pandangan bagaimana menggubal dasar. Itu setakat tahun lepas ada beberapa sesi dialog untuk menggubal dasar. Dengan dasar itu wujud undang-undang. Selepas undang-undang ini diluluskan, mulai esok, dengan serta-merta saya sudah ada satu dialog yang pertama dengan *industry players* ataupun NGO-NGO yang terlibat dan maklum balas ini akan berterusan untuk memperbaiki satu sistem sebelum kita mulakan supaya jangan buat kesilapan.

Tuan Pengerusi, PBT masih diberi tugas. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah sebut. PBT masih diberi tugas, diturunkan kuasa oleh ketua pengarah untuk membantu mengawal selia, menguatkuasakan undang-undang terutamanya menjaga kebersihan dan supaya tidak ada sesiapa yang melanggar undang-undang ini, supaya kalau terdapat sesuatu yang tidak kena dari segi sisa pepejal, mereka dengan serta-merta ambil tindakan dengan cepat terhadap mereka yang bertanggungjawab, sama ada terhadap syarikat atau mereka yang bertugas ataupun terhadap orang perseorangan yang cuba mencemarkan alam sekitar. Sebagai contohnya *illegal*

dumping. Ini adalah satu perkara yang amat menjejaskan kesihatan dan juga alam sekitar dan juga semua aktiviti yang lain.

Di samping itu, sebenarnya selepas ini ada satu rang undang-undang perbadanan dan rang undang-undang perbadanan itu akan memperjelaskan kuasa perbadanan. Perbadanan itu masih mempunyai kuasa *overall* apabila mereka yang bersama di sesetengah jabatan untuk memastikan juga PBT dipantau. Ia bukan setakat PBT sendiri yang membuat sesuatu, mungkin dia juga tidak ikut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, sekiranya kita dapati ada orang yang membuang sampah sewenang-wenangnya ataupun yang mewujudkan *illegal dumping site*, siapakah yang harus kami buat aduan, kepada PBT atau perbadanan? Perbadanan ini adakah mereka mempunyai kuasa penguatkuasaan (*enforcement power*)? Adakah mereka boleh beri saman? Kalau Tangga Batu buang sampah, bolehkah saman diberi kepada dia atau saya minta PBT beri saman kepada dia?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, kuasa yang secukupnya, yang sesuai akan diturunkan daripada ketua pengarah jabatan kepada PBT dan perbadanan sendiri telah diberi kuasa yang tertentu dan fungsi yang tertentu. Jadi, kedua-dua jabatan dan perbadanan akan secara dalam satu struktur yang berkesan untuk menguatkuasakan undang-undang. PBT akan diberi sebahagian kuasa sejauh mana yang sesuai mereka boleh ambil tindakan tetapi perbadanan akan jadi penguat kuasa yang paling penting dalam akta ini dan perbadanan melaksanakan dasar. Pada akhirnya PBT juga akan diminta tolong bantu dan kalau hendak dakwa perbadanan boleh mendakwa. Perbadanan akan menguruskan proses mendakwa sesuatu kesalahan yang serius. Yang saya hendak sebutkan di sini dakwaan itu bukan terhadap orang perseorangan, dia hanya buang sedikit sampah di sini sana, kita mula-mulanya hendak *educate* mereka, hendak mendidik mereka. Yang didakwa selalunya bagi *habitual*, pesalah yang berulang kali degil.

■1250

Sebagai contoh terdapat sebuah kilang ataupun kompleks, dia keluarkan banyak sampah, dia tidak menghiraukan langsung, dia tidak membayar apa-apa fi yang lebih kerana dia hendak orang kutip, dia tidak mahu bayar dan bagi mereka yang *extremely* dengan izin kes yang *extreme* ini barulah tindakan bawa ke mahkamah sabitkan mereka sehingga denda RM5,000 atau penjara. Itulah sebagai contoh. Bukan bagi orang kampung, orang perseorangan kerana dia hanya tidak bayar apa-apa yang diperlukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Sebentar tadi pihak Yang Berhormat Menteri mengatakan ketua pengarah boleh *delegate power* kepada PBT dari segi penguatkuasaan. Sedangkan kita mengetahui sebelum ini merata-rata telah hentam PBT ini tentang kelemahan-kelemahan terutama kelemahan dari segi penguatkuasaan.

Apakah logiknya kalau sebelum ini kita hentam PBT habis-habisan, ramai dari kalangan masyarakat ini mencurigai terhadap kemampuan PBT dari segi penguatkuasaan tiba-tiba ketua pengarah pula memperturunkan kuasa ataupun *delegate power* kepada PBT yang tidak boleh dipercayai oleh sebahagian besar masyarakat dan pemimpin sebelum ini.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya akan terangkan mengenai kelemahan ataupun batasan yang dihadapi oleh PBT. Sebenarnya semua ini telah disebut dan ada penerangannya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Sri Gading telah khuatir, adakah jaminan perkhidmatan itu akan bertambah baik. Sebelum ini syarikat konsesi menghadapi masalah, PBT pun menghadapi masalah. Kedua-dua pihak menghadapi masalah. Ini jawapan untuk ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah timbulkan perkara yang sama.

PBT kekurangan sumber kewangan kerana cukai pintu atau cukai taksiran yang dikutip itu perlu digunakan untuk pelbagai perkhidmatan dan juga kemajuan setempat. Bagi konsesi masalah ia ialah hutang seperti mana Yang Berhormat Kubang Krian ataupun Tumpat tadi sudah sebut, kerana banyak PBT sama ada tidak mampu bayar ataupun dia bayar lewat kerana dia rasa boleh hutang dahulu mungkin enam bulan, mungkin sampai satu tahun.

Dengan hutang yang bertimbun itu, maka kedua-dua konsesi memang benar sehingga hujung tahun lepas, jumlah adalah sampai RM163 juta dan ini telah menjadikan kedua-dua syarikat konsesi ini susah hendak bergerak sampai hendak membayar gaji pun susah, hendak gantikan lori yang baru pun susah, hendak dapat tenaga lebih pun dia kena fikir dahulu kerana wang itu tidak cukup untuk dipusing.

PBT yang kurang mampu terutama bagi PBT yang hasil tahunannya kurang daripada RM5 juta, memang kalau hendak bayar semua RM5 juta selepas itu dia sudah tidak ada hasil untuk menjalankan sesuatu. Oleh sebab itu, memang benar kementerian telah cuba bantu tetapi kementerian hanya membantu PBT yang miskin. Kita telah tetapkan bahawa PBT yang hasilnya kurang daripada RM5 juta dapat bantuan selama ini dan kita tidak akan PBT yang kaya. Ia sepatutnya dikatakan sudah naik kepada taraf majlis perbandaran dan salah satu syarat untuk naik taraf ialah hasil tahunan itu kena cukup. Dia kena berdikari.

Dengan itu sebenarnya PBT yang mampu juga didapati tidak bayar. Ia melewatkan, dia gunakan wang itu untuk urusan lain. Ini adalah sesuatu yang kita telah pun beri teguran. Baru-baru ini Majlis Negara Kerajaan Tempatan telah memberi arahan melalui semua menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri supaya menasihati PBT yang mampu bayar. RM163 juta ini sepatutnya sebahagian boleh dibayar.

Kami telah mengenal pasti kira-kira RM42 juta daripada RM163 juta ini adalah daripada PBT yang benar-benar kurang mampu dan Kerajaan Pusat dalam usaha untuk membantu golongan ini atau kategori ini. Yang lain-lain mereka kena bayar dalam satu masa yang singkat.

Selain daripada itu, sebenarnya sampai hari ini kedua-dua syarikat konsesi tidak sampai tahap jadi macam dia sudah *insolvent* ataupun *bankrap*, tidak, kedua-dua syarikat ini masih boleh

beroperasi cuma dia hendak hutang dibayar dan dia hendak supaya perjanjian yang ditunggu selama sembilan tahun itu dimeterai dan dia dapat pergi ke bank dengan izin; *so that they are bankable*, supaya dia boleh melabur. Apa yang kita hendak mereka melabur ialah dia kena pastikan *facility* dari segi lori canggih, dari segi membekalkan tong-tong sampah yang reka bentuknya sepadan dan sesuai untuk diangkut oleh lori dan juga banyak *facility* yang sepatutnya dilabur tetapi selama ini dia tidak dapat buat. Oleh sebab itu telah pun menjejaskan prestasi.

Dengan adanya rang undang-undang ini, diletakkan KPI untuk mereka ikuti, diletakan syarat mereka mesti melabur untuk memastikan ia lengkap dan mampu dan dengan adanya penguatkuasaan, pemantauan, pengawalseliaan, dengan adanya perbadanan sentiasa menjadi suatu badan yang berkesan untuk melaksanakan semua dasar yang semangatnya telah termaktub dalam undang-undang ini maka kita memang yakin bahawa pengurusan sisa pepejal ini akan jadi jauh lebih berkesan daripada sebelumnya kerana kedua-dua pihak yang bermasalah itu telah pun dapat diselesaikan dengan kuasa eksekutif diberi kepada Kerajaan Persekutuan yang paling asas sekali ialah sumber kewangan itu dapat diatasi.

Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan sebagai permulaan RM1 bilion yang telah pun diluluskan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menubuhkan perbadanan yang sebagai permulaan akan disediakan kira-kira 2,100 kakitangan dan juga jabatan. Pegawai teknikal yang ada kemahiran juga akan diambil dengan teratur maka perkhidmatan itu tentu ada perubahan.

Oleh kerana terdapat KPI tidak boleh lagi dengan cara tersendiri apa yang Tangga Batu kata tadi, dia akan saman kontraktor. Semua perkara ini dapat diselesaikan atau diatasi kerana perbadanan akan jadi *watchdog*, ada pertikaian, perbadanan boleh bantu selesai. Kalau masalah tuntutan, siapa hutang siapa boleh pergi ke tribunal dan kalau sekiranya PBT masih ada masalah hutang, PBT berurusan dengan perbadanan. Masalah itu tidak akan pergi kepada syarikat kerana perbadanan akan pegang PBT dan perbadanan di bawah kementerian.

Kementerian ada banyak lagi sumber-sumber yang berurusan dengan PBT. Sebenarnya semua ini telah pun difikirkan apabila kami menubuhkan strategi dan dasar. Semasa dasar itu diwujudkan ia mengambil kira banyak pandangan selain daripada beberapa pihak yang cukup pakar termasuk mereka yang membuat banyak R&D dalam industri sisa pepejal termasuk juga kita rujuk kepada beberapa negara yang amat berjaya. Mereka pernah mengalami sesuatu cabaran tetapi mereka mengatasi dengan baik sebagai contoh, Germany, Denmark, Switzerland, Australia dan sebagainya. Kita telah tengok apa yang dia berjaya, apa dia alami, semua itu telah diambil kira. Tuan Pengerusi ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin tanya macam mana dengan imuniti dari segi undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua belum habis lagi. Sedang jawab lagi. Mungkin belum habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya bimbang nanti dia tidak jawab saya punya. Imuniti, pengarah dan pegawai kanan dalam perbadanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampai lagi. Ahli Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampai.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya rasa tidak ada soal imuniti. Semua pegawai ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, banyak lagi? Bolehkah kita sambung lagi?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Sebenarnya saya telah bagi satu *overall* dengan izin *answer*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habiskah?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Belum.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah hendak sambung nanti? Masa sudah suntuk. Boleh sambung selepas ini.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh kerana masa cukup untuk tengah hari ini, jadi majlis bersidang semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menyambung ucapan, sila.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Seputeh telah menyentuh mengenai imuniti yang dikatakan mengapa terdapat clause 105 yang mengatakan bahawa Ketua Pengarah dan juga pegawai lain dapat perlindungan. Seksyen ini sebenarnya bukan satu seksyen yang baru, ia juga terdapat di akta lain seperti Akta Kerajaan Tempatan dan beberapa undang-undang.

Yang maksud di sini penting ialah bukan kita baca hanya 105(b), kalau kita baca juga 105(b), terdapat ayat di perenggan yang terakhir bahawa Ketua Pengarah dan mana-mana

pegawai lain yang dilantik sewajarnya di bawah akta ini, jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati, dengan kepercayaan yang munasabah bahawa perbuatan itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya. Ini bermakna kerana apabila sesuatu diberi dalam satu undang-undang untuk pegawai yang berkenaan, mereka perlu menjalankan tugas. Kalau sekiranya tiap-tiap kali mereka hendak mengambil tindakan di dalam tugas, ia kena bawa ke mahkamah hampir tiap-tiap hari. Maka ini akan menjejaskan tugasnya dan lagi pun di dalam seksyen ini ada mengatakan jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan munasabah, jadi kalau sekiranya terdapat sesuatu yang tidak kena, banyak yang tidak baik, tidak suci hati, Ketua Pengarah yang berkaitan masih boleh dibawa ke mahkamah mengikut takrif ini dan dia adalah memang satu seksyen yang bukan luar biasa.

Yang Berhormat daripada Sri Gading telah beri beberapa pandangan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading kerana amat prihatin terhadap rakyat. Saya telah pun bagi penjelasan tadi bahawa kita tidak akan membebankan rakyat dan kita akan pastikan perkhidmatan akan bertambah baik. Saya telah menjelaskan semasa menjawab soalan beberapa Ahli Yang Berhormat sebelum tengah hari tadi dan saya yakin dengan adanya sumber Kerajaan Pusat dan juga undang-undang ini, maka perkhidmatan tetap akan diperbaiki sama ada dari segi pembersihan awam ataupun pengurusan sisa pepejal.

Yang Berhormat daripada Tumpat telah menyoal ataupun membangkitkan fasal 4, kuasa besar dan sebagainya. Sebenarnya seksyen yang disebut ini adalah *ennobler clause* untuk kita jalankan tugas dengan berkesan. Sebenarnya saya telah katakan bahawa apa-apa yang tidak kena, tidak baik pada masa kini, Parlimen adalah satu tempat yang mempunyai banyak peluang untuk menegur, akan tetapi kerajaan pada masa kini sudah pun mengambil perhatian tentang banyak kritikan sebelum dan kita hendak betul-betul menjalankan dan menguatkuasakan undang-undang ini dengan baik supaya tidak akan merugikan rakyat.

Kerajaan perlulah bertanggungjawab secara kolektif dan tidak akan cuba menolak tanggungjawab kita. Saya telah ulang banyak kali mengapa kita perlu rang undang-undang ini kerana pencemaran alam sekitar dan kita perlukan satu alam sekitar yang sihat untuk diduduki dan juga kita hendak kurangkan pengeluaran sisa pepejal. Jadi dalam pada itu, gambaran yang lebih besar itu adalah penting.

Seperti yang saya telah terangkan, kita perlu beri masa kepada syarikat konsesi dan sistem yang baru ini supaya betul-betul dapat dijalankan dengan licin. Jadi dalam dua tahun yang akan datang selepas penubuhan perbadanan selepas konsesi dapat betul-betul beroperasi dengan sumber yang baik, maka kita akan dapat ukur dengan baik apa kita kena lakukan untuk menambahbaikkan lagi selepas itu. Kerajaan tidak membuat sesuatu keputusan dan selepas itu selama-lamanya pegang keputusan itu, kalau keputusan adalah tidak baik.

Dari masa ke masa kita perlu memperbaiki dengan mengambil kira pandangan rakyat. Dalam pada itu, kementerian saya akan menubuhkan jawatankuasa juga melibatkan mereka

yang berkaitan dengan bidang sisa pepejal terutamanya wakil-wakil NGO untuk memberi pandangan pada bila-bila masa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Syarikat yang akan ambil ... di Terengganu adalah Alam Flora, ia bukan syarikat baru.

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan Yang Berhormat jelas, cuma kalau syarikat yang mendapat konsesi ini gagal memenuhi apa yang telah pun ditandatangani dalam kontrak antara kerajaan dengan dia, dan rakyat yang menerima akibat daripada kegagalannya menjalankan tanggungjawab, rakyat hanya dapat mengadu, itu sahajalah, rakyat yang boleh buat, kompelin. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri kalau konsesi banyak sangat agaknya kompelin daripada rakyat dan aduan ini adalah aduan yang benar daripada rakyat, boleh tak ditamatkan serta-merta digantikan kompeni yang lain supaya benar-benar tidak mengecewakan kerajaan dan tidak mengecewakan pembayar cukai. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini, *concessionaire* kroni kerajaan, macam mana hendak berhentikan perkhidmatan mereka?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukuplah Ipoh Barat, *you* sangka buruklah, *you* tanyalah baik-baik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau hendak bercakap beritahu *Speaker*.

■1440

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih Yang Berhormat dari Sri Gading. Bukan sahaja perbadanan dan juga jabatan, terutamanya jabatan boleh membatalkan lesen, walaupun konsesi itu dah sains, dia lain daripada apa yang disebutkan dulu. Apa yang akan dibuat ini ialah ia akan mempunyai peluang supaya kerajaan boleh tamatkan konsesi ini dari segi menarik lesen.

Dalam akta ini seksyen bahagian VII terdapat pengambilalihan kawalan, kita boleh ambil alih kawalan syarikat itu ataupun boleh juga kita membuat sesuatu supaya perbadanan boleh melalui perintah dan boleh mengambil tindakan yang amat serius.

Jadi tak boleh kita bagi mana-mana syarikat konsesi membuat sewenang-wenangnya, undang-undang ini sebenarnya saya kata banyak komprehensif dia dah ambil kira kekhuatiran Yang Berhormat kata itu. Seperti mana saya kata, kita telah banyak belajar daripada kelemahan dahulu yang apa-apa sahaja berkaitan dengan perkhidmatan daripada rakyat dan juga daripada konsesi lain.

Tuan Pengerusi, mengenai Kepong telah sebut fungsi PBT saya telah juga banyak kali jelaskan. PBT akan diminta membantu dari segi penguatkuasaan, kawal selia yang berbeza ialah

kali ini PBT akan bertindak bagi pihak Ketua Pengarah Jabatan ialah untuk menguatkuasakan pembersihan awam dan juga pengurusan sisa pepejal.

Kita akan melakukan sistem yang lebih telus, kriteria-kriteria jelas dan peraturan-peraturan jelas akan ditetapkan selepas undang-undang ini diluluskan. Kita akan panggil beberapa perbincangan seperti saya terangkan sebelum tengah hari tadi.

Soal *double billing*, telah berulang kali saya kata tidak akan dikenakan *double billing* kerana sebahagian cukai pintu itu adalah diambil kira untuk perkhidmatan yang setimpal itu dan ia tidak konsep katakan dikena lagi bayar sekali atas perkhidmatan yang sama, itu tidak akan timbul.

Jadi bagi mereka yang melonggokkan sampah telah pun ada peruntukan yang serius seksyen 76 dan sebagainya, boleh denda RM10,000 hingga RM100,000 serta boleh penjara sampai enam bulan dan sebagainya.

Bagi pusat pengitaran semula bukan sahaja perlu diadakan di tempat-tempat strategik yang sesuai selepas kita mulakan sistem bersepadu ini, syarikat-syarikat konsesi perlu juga menyediakan kemudahan dan tenaga kerja untuk pergi mengutip daripada isi rumah dengan jadual yang tetap dan jelas supaya ia akan memudahkan semua isi rumah untuk kitar semula dengan senang.

Mengenai saiz bekas dan juga tong sampah ataupun beg apa-apa yang pakai kita akan meminjam semua ini selepas undang-undang ini telah pun diluluskan. Banyak *detail* perlu dijalankan sebelum satu perjanjian jelas itu dimeterai.

Telefon bimbit di bawah Seksyen, telefon bimbit adalah sisa terjadual atau *schedule waste* ia adalah di bawah akta lain. Saya difahami bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah memulakan perbincangan dengan beberapa syarikat untuk mencari jalan bagaimana bateri telefon bimbit boleh diambil atau dikutip dengan cara yang betul. Jadi telefon bimbit adalah di bawah akta yang berlainan.

Tangga Batu telah bangkit pasal kontraktor saya telah jawab sebelum tengah hari, Kota Bharu telah sebut mengenai *grace period* satu tahun di bawah seksyen 110(1), saya ambil maklum pandangan itu supaya kita akan kenakan kriteria dan peraturan yang lebih jelas supaya ketua pengarah kita tak boleh gunakan *discretionary power* yang besar sangat, dia tentu ada sesuatu peraturan mengenainya.

Mengenai kepentingan negara, kepentingan negara yang akan kita ambil kira ialah termasuk kepentingan rakyat dan juga perlindungan alam sekitar. Kedua-dua faktor itu amat penting dalam makna kepentingan negara ini, ia juga kita akan tetapkan kriteria yang jelas.

Yang Berhormat daripada Ipoh Barat telah ulang apa yang beliau sebut semalam, saya telah menegaskan bahawa ini adalah satu masa yang di guna untuk mewajibkan semua pihak memperbaiki sistem bersepadu perkhidmatan sisa pepejal dan memastikan mutu alam sekitar kita betul-betul diperbaiki.

Ini adalah gambaran yang lebih besar dan ia bukan untuk tujuan mengutip wang tambahan, kerana setiap mengenai bagaimana kita kira perlu kita bincang dengan semua pihak berkuasa tempatan. Ini kerana setiap pihak berkuasa tempatan mempunyai beban dari segi sisa pepejal yang berlainan, tertakluk kepada penduduknya, kompleksiti sisa pepejal dan berkenaan. Tidak boleh bagi formula *across the board* untuk semua.

LA 21 amatlah dititik beratkan oleh kementerian saya. PBT masih perlu memastikan *Local Agenda 22* ini masih di amal dengan baik dan dengan peranan PBT perbadanan akan kerja dengan erat dengan persatuan-persatuan penduduk setempat untuk adakan banyak rundingan. Seajar dengan LA21 bagaimana pengurusan sisa pepejal ini dapat betul-betul juga dapat diperbaiki terutamanya dari segi kitar semula dan juga aktiviti yang berkaitan.

Bagi, telah pun saya sebut tadi..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya nak tanya mengenai *Local Agenda 21*, setakat rang undang-undang yang dibawa ke Parlimen ini adakah perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan kerana itu yang mustahak sekali. Bukankah niat dan *intention Local Agenda 21* adalah untuk mengadakan seberapa banyak yang boleh untuk mengadakan pandangan mereka, perbincangan mereka, supaya satu kompromi seberapa banyak yang boleh dibuat.

Adakah ini telah dibuat? Kerana pada pandangan orang ramai rang undang-undang ini sebenarnya membuat *reverse* daripada apa yang diterima pakai di seluruh dunia, di mana iaitu taraf *standard* digunakan adalah *decentralization*, akta ini pula kelam kabut *centralize system* ini. Ini satu perkara yang tidak boleh diterima, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dan kerajaan mengenai perkara ini?.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya tak setuju dengan pandangan daripada Tuan Ipoh Barat, sebenarnya akta ini menekankan perlindungan alam sekitar amat dialu-alukan oleh pelbagai pihak. Saya telah kata terdapat perbincangan, kami telah jemput majlis dialog mengenai sisa pepejal apabila kami menggubal dasar, dasar pengurusan sisa pepejal sebelum di bentang ke Kabinet. Sebelum itu pun banyak persatuan-persatuan penduduk telah pun melibatkan diri dengan program kitar semula dan perbincangan.

Sebenarnya apabila dasar itu telah dirangka pada peringkat awal, kementerian saya bantangkan pada satu dialog yang melibatkan banyak NGO dan juga *players* yang berkaitan dan mereka telah hadir pada bulan lalu di Eastin Hotel 23 Jun dan sebagainya. Itu adalah satu dialog formal yang secara biasa rundingan kementerian memang banyak diadakan, saya telah ulang banyak kali jaminan ini.

Kita sudah tahu di Malaysia ini apa dia kekurangan yang dihadapi dan bagaimana kita mengatasi. Rang undang-undang ini adalah satu penyelesaian, ia bukan langkah ke belakang.

Itu adalah pandangan Yang Berhormat, jadi saya rasa kita boleh ada pendirian berbeza tapi akhirnya ialah penyelesaian yang terbaik untuk rakyat.

■1450

2.50 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Cadangan Yang Berhormat kata tribunal boleh ke tidak dengar selepas waktu pejabat. Saya tertarik dengan pandangan ini. Saya rasa kementerian akan menimbangakan bagaimana merealisasikan ini. Ia adalah baik untuk rakyat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak ikut pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat. Sebenarnya dalam Peraturan Mesyuarat, tiap-tiap sidang saya pun kemukakan satu usul untuk mendesak Dewan ini membahaskan untuk memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Tiap-tiap sidang saya bantangkan ini tetapi ia tidak pernah dibuka untuk bahas.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau relevan itu tujukan kepada menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, relevan, relevan. Sebenarnya kalau kami...

Tuan Pengerusi: Tuju kepada menteriilah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang ini memang dalam bidang tugas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebenarnya kalau kita lihat yang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu isu lainlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu isu *centralization*, pengutipan sampah ini. Ini sebenarnya menunjukkan kerajaan tempatan kita telah gagal dari segi perkhidmatannya kepada rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Isu lainlah Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Isu pembersihan pengutipan sampah, mereka marah ini pun tidak dapat menjalankan tugas dengan baik sehingga Kerajaan Pusat terpaksa mengambil alih tanggungjawab dan tugas mereka. Jadi, itulah sebabnya kita tadi bantangkan apakah ini kita akan bayar *double taxes* kepada kedua-dua perbadanan ini? Jadi, sebenarnya apa yang kita perlu sekarang ialah memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan supaya kerajaan tempatan kita lebih berkesan dari segi perkhidmatannya supaya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekarang pun berkesanlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... rakyat boleh pilih Datuk Bandar, pilih Ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Ini adalah *low cost* yang boleh menjadikan kerajaan tempatan isu

seperti pengutipan sampah, pembersihan awam ini lebih berkesan dan bukan melalui cara macam ini. Kerajaan Pusat pun harus ambil alih tanggungjawab ini.

Tuan Pengerusi: Cukup, cukup.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, Parlimen ini pun dipilih oleh rakyat. Ahli-ahli Parlimen dipilih oleh rakyat kemudian Ahli-ahli Parlimen menggubal undang-undang ini. Kalau undang-undang ini tidak jalan dengan baik, rakyat akan denda kita, akan hukum kita. Saya ingat sistem demokrasi itu memang sudah wujud walaupun Ahli Yang Berhormat berulang kali bangkit satu perkara yang walaupun berlainan tetapi prinsip yang sama. Apa yang kita buat hari ini ialah menunaikan tanggungjawab rakyat yang beri mandat kepada kita.

Tuan Pengerusi, saya telah jawab beberapa perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kubang Kerian yang sebelum tengah hari dan jawapan juga adalah sama untuk beberapa Ahli Yang Berhormat. Saya kena tekankan di sini, KPI itu adalah penting untuk memastikan semua ikut dan Pendang juga sebut kacau ganggu.

Bunyi sesuatu yang menyebabkan kacau ganggu, bunyi atau cahaya dia tidak di bawah undang-undang ini. Ada terdapat di bawah PBT ataupun alam sekitar. Jadi, itu bidang kuasa yang berlainan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Itu mengenai mahkamah. Saya terima dengan baik hati cadangan bahawa mahkamah berfungsi lepas pukul empat setengah waktu malam mungkin akan *diconsider* oleh kementerian tetapi dalam hal ini saya hendak kementerian berhati-hati kerana pada tahun 1999, saya telah membuat cadangan yang sama kepada tribunal pengguna dan sudah masa lebih kurang sepuluh tahun perkara itu belum lagi diimplementasikan. Baru-baru ini, tiga bulan dulu bila perkara tribunal pengguna dibawa, jawapan yang sama bahawa ia akan dikaji. Saya harap ini diberi keutamaan kerana ini adalah desakan dari banyak pengguna-pengguna di negara ini. Di mana mereka mengatakan bahawa mereka lebih sesuai dan senang kalau kes itu didengar pada masa selepas waktu pejabat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, yang sebut itu tribunal bukan mahkamah. Tribunal, sebab apa yang menarik saya ialah kerana ini melibatkan orang awam. Sisa pepejal ini adalah satu aktiviti yang amat luas. Maka kita akan cuba mempermudah bagi orang awam. Tribunal *consumer* itu adalah di bawah kementerian lain, harap mereka ambil perhatian.

Tuan Pengerusi bagi kejadian spesifik yang dikata pihak berkuasa tempatan tertentu mengenai kaki lima, letak meja dan sebagainya. Itu adalah soal spesifik. Saya perlu dapatkan maklumat, ia tidak sebenarnya secara terus berkaitan dengan apa yang dibincangkan di sini.

Kitar semula sudah di bincang, kuasa, *charge*. Bagaimana menyukat sampah, saya rasa di seluruh dunia sukatan tentang berapa banyak dikeluarkan dari *household* tetap ada gunakan tong ataupun beg kecuali bagi mereka yang masuk *landfill* ataupun *incinerator* dia pakai berat tetapi untuk sukatan senang ialah dengan tong atau beg.

Bagi deposit di bawah fasal 102, deposit di sini bukan untuk orang awam biasa. Ini adalah untuk pengilang, pengeluar. Mereka dikenakan deposit supaya dia kena ada satu cara bersama-sama dengan kerajaan bagaimana mengambil balik *packagingnya*, botol ataupun bahan-bahan lain dan sebagainya. Jadi kena dikenakan deposit ini baru boleh senang untuk dijalankan tetapi dari segi kos bagaimana dia akan *pass back* kepada orang ini kita akan meneliti bagaimana sesuatu yang dia ambil balik itu akan diguna semula dan bukan menambahkan kos pada *consumer*.

Tuan Pengerusi, saya telah cuba menjawab perkara-perkara yang utama dan yang lain saya tetap akan ambil perhatian untuk dilaksanakan pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

Fasal 1 hingga 112 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan sisa pepejal meliputi pelbagai aktiviti termasuk penstoran, pemungutan, pengangkutan, pengangkutan, pengolahan, pengitaran semula dan pelupusan.

■1500

Ia adalah satu proses yang kompleks melibatkan berbagai pihak termasuk pihak konsesi dan juga kontraktor-kontraktor yang berkaitan. Di samping itu terdapat keperluan untuk mengubah dasar, strategi dan pelan tindakan undang-undang, peraturan dan garis panduan. Oleh yang demikian, amat perlu diwujudkan satu perbadanan yang dapat memberi tumpuan

sepenuh masa kepada aktiviti harian pengurusan sisa pepejal dan memisahkan tanggungjawab penggubal dasar, strategi dan pelan tindakan kepada agensi lain.

Dalam hal ini, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ataupun *short form* dengan ringkasnya PPSPPA dicadang untuk diwujudkan bagi memastikan supaya pengurusan sisa pepejal di negara ini berjalan dengan lancar dan berkesan tanpa melibatkan diri dengan perkara-perkara dasar dan perancangan secara terperinci. Perbadanan akan mengambil alih semua tanggungjawab mengenai pengurusan sisa pepejal daripada pihak berkuasa tempatan. Susulan daripada pewujudan perbadanan ini kelak, PBT dapat memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti pembangunan dan kemasyarakatan lain yang memerlukan penglibatan PBT yang lebih aktif.

Di samping itu dengan wujudnya perbadanan ini, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang dicadangkan, dapat menumpukan perhatian kepada penggubalan dasar, strategi dan pelan tindakan dan pengawal selia pengurusan sisa pepejal. Sehubungan dengan itu, pelan strategik bagi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 20 Julai 2005 telah menggariskan betapa pentingnya institusi-institusi baru diwujudkan bagi memastikan PSP dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Teras ketiga kepada Dasar Pengurusan Sisa Pepejal telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 September 2006 juga menetapkan supaya diwujudkan institusi baru selain undang-undang dan peraturan. Oleh yang demikian, di Dewan yang mulia ini, saya ingin membentangkan rang undang-undang bernama suatu Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Rang undang-undang ini membolehkan sebuah agensi yang bernama PPSPPA, diberi kuasa untuk pentadbir dan menguatkuasakan Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan percaya bahawa dengan tergubalnya Rang undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini, dapat diwujudkan satu *institutional frame work* atau rangka kerja institusi yang lengkap dengan keupayaan tenaga kerja yang terlatih dengan sumber-sumber kewangan dan teknikal yang mencukupi dan berkemampuan bagi menangani sebarang masalah dan isu yang timbul berkaitan dengan PSP dan PA. Kerajaan juga percaya sudah tiba masanya satu institusi yang *dedicated* atau berdedikasi diwujudkan di negara ini bagi memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dibuat secara bersepadu dan teratur. Pendekatan yang *structured* amat perlu jika kita ingin melihat negara ini mengamalkan pengurusan sisa pepejal yang lestari, berbanding dengan pendekatan secara *ad-hoc* yang sentiasa diambil sekarang.

Rang Undang-undang Perbadanan PSP dan PA 2007, terpakai di seluruh semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Rang undang-undang ini bertujuan untuk

mewujudkan satu perbadanan untuk mentadbir dan menguatkuasakan Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Rang undang-undang ini terbahagi kepada enam bahagian. Antara peruntukan penting yang termaktub dalam bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut.

Bahagian I memperuntukkan tajuk ringkas pemakaian permulaan kuat kuasa dan taksir.

Fasal 3, Bahagian II memperuntukkan penubuhan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, dan perbadanan ini adalah kekal turun temurun dan hendaklah mempunyai satu meterai perbadanan.

Fasal 5, Bahagian II memperuntukkan pewujudan keanggotaan perbadanan yang dilantik oleh menteri dan terdiri daripada pengerusi, wakil Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, wakil Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan dan tidak lebih daripada tiga orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang berkaitan.

Fasal 17, Bahagian III memperuntukkan fungsi perbadanan antara lain ialah:

- (a) untuk menjalankan fungsi yang dikenakan ke atasnya di bawah Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam;
- (b) mengesyorkan dasar rancangan dan strategi termasuk skim berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
- (c) untuk melaksanakan dasar, rancangan dan strategi termasuklah skim yang telah diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (d) untuk melaksanakan langkah-langkah yang diputus oleh Kerajaan Persekutuan bagi memajukan mana-mana perkhidmatan PSP dan PA sedia ada;
- (e) memberi cadangan tentang standard spesifikasi dan tata amalan berkenaan dengan apa-apa aspek perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam dan memastikan pematuhan terhadapnya; dan
- (f) memastikan bahawa fungsi dan obligasi mana-mana orang yang menjalankan perkhidmatan PSP dan PA dengan sepatutnya.

Bahagian IV memperuntukkan perkara-perkara berhubung dengan pegawai dan pekerja termasuklah pelantikan seorang ketua pegawai eksekutif.

Bahagian V memperuntukkan perkara-perkara berkaitan kewangan.

Fasal 27 memperuntukkan kumpulan wang yang dikenali sebagai kumpulan wang perbadanan sisa pepejal dan pembersihan awam yang ditadbir dan dikawal oleh perbadanan. Kumpulan wang ini mendapat sumber kewangannya antara lain daripada kerajaan, pendapatan

daripada khidmat perunding yang diberi oleh perbadanan dan wang lain yang diterima sah oleh perbadanan.

Fasal 28, Bahagian V memperuntukkan tentang perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Antara lain kumpulan wang yang boleh diguna untuk membiayai pengurusan dan aktiviti perbadanan seperti pembayaran emolumen, pembelian peralatan dan mesin, dan secara amnya membayar apa-apa belanja bagi maksud pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam amnya. Melaksanakan peruntukan undang-undang, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara khususnya.

Bahagian VI memperuntukkan perkara am mengenai perbadanan.

Fasal 43, Bahagian VI memberi perbadanan kuasa untuk mengambil khidmat dan membayar agen dan penasihat teknikal untuk menguruskan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk diuruskan atau dilakukan pada melaksanakan fungsi perbadanan atau bagi melaksanakan maksud akta ini dengan lebih baik.

Fasal 44, Bahagian VI memberi perbadanan kuasa untuk menubuhkan syarikat dengan kelulusan menteri dan persetujuan Menteri Kewangan untuk menjalankan dan mempunyai tanggungjawab, perjalanan dan pengurusan bagi pihak perbadanan. Ini termasuklah perjalanan dan pengurusan apa-apa projek skim atau perusahaan sebagaimana ditentu oleh perbadanan dalam menunaikan fungsinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah, Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Dengan kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Lipis.

3.09 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang lama untuk membahaskan usul ini dan memberikan sokongan. Yang pertamanya bila saya meneliti rang undang-undang ini, saya dapati pengagihan kuasa secara amnya di antara Kerajaan Persekutuan atau menteri dengan perbadanan adalah

jelas diperuntukkan dalam rang undang-undang ini. Kerajaan Persekutuan memegang kuasa mutlak untuk membuat keputusan dan memastikan pengurusan dan perkhidmatan sisa pepejal di Semenanjung Malaysia, Labuan dan Putrajaya berjalan dengan lancar. Perbadanan juga menjadi badan penguat kuasa untuk melaksanakan saranan atau dasar kerajaan.

■1510

Jadi ini jelas memberi kuasa menteri, dalam perbadanan pula dia banyak memberi, mengesyorkan dari segi pembinaan, pelaksanaanlah sepatutnya.

Yang keduanya saya melihat dari segi integritinya. Jadi dalam rang undang-undang ini juga rasa saya memenuhi syarat integriti itu sekiranya fasal-fasal tertentu diikuti dengan teliti. Syarat integriti iaitu ketelusan, *accountability* dan keterbukaan. *Transparensi, accountability and openness in the system* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, penting untuk mengurangkan yang pertamanya gejala rasuah dalam pengurusan, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Jadi antara fasal-fasal yang berkaitan dengan ketelusan, *accountability* dan keterbukaan dalam rang undang-undang ini adalah satu fasal 6 seperti saya memang menjelaskan iaitu akuan berkanun oleh anggota perbadanan yang menghendaki anggota perbadanan untuk membuat suatu akuan berkanun tentang kepentingannya dalam apa-apa jua usaha yang melibatkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam. Begitu juga dengan fasal 7 - tempoh jawatan, fasal 10 - pengosongan jawatan, fasal 12 - penzahiran kepentingan, fasal 13 - ketidaklayakan dan penamatan anggota perbadanan dan fasal 20 - penyata laporan akaun nama.

Semuanya berkait dengan integriti termasuk juga fasal 37 akaun dan laporan. Walaupun rang undang-undang ini memberi kuasa kepada menteri untuk mendapat akses kepada akaun dan rekod berkenaan pembayaran pemungutan cukai yang dikenakan oleh perbadanan dan mana-mana orang perlu juga ada satu mekanisme bagi saya untuk memenuhi syarat keterbukaan dan ketelusan dalam sistem supaya caj, fi atau levi yang dikenakan tidak membebankan rakyat. Jadi di sini saya mohon penjelasan kepada menteri sebagai satu langkah untuk memupuk ketelusan dan sikap terbuka pihak awam dan NGO harus juga memainkan peranan sebagai *watchdog* untuk mencegah kepincangan yang ada dalam sistem. Itu saya harap dapat penjelasan daripada menteri dan apakah langkah yang menteri akan ambil untuk memastikan sistem keterbukaan, *open for public scrutiny*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dalam pengurusan sisa pepejal supaya ia bebas dalam sistem ini terutamanya tidak membebankan rakyat.

Yang kedua saya hendak menyentuh tentang keanggotaan perbadanan dan pelantikan perjawatan. Jadi kalau kita lihat anggota perbadanan dan pegawai haruslah terdiri daripada pakar-pakar teknologi dan pengurusan sisa pepejal yang pentingnya yang dapat membuat kajian dan meneliti teknologi yang sesuai untuk digunakan. Kajian yang terperinci dan pendapat umum

terutamanya penduduk setempat dan pakar dari luar harus diambil kira supaya tidak berlaku pembaziran kos dan pencemaran setelah teknologi tersebut digunakan.

Ada kalanya kita sudah buat kajian, mula dan sebagainya tanpa mengambil kira kehendak penduduk dan sebagainya akhirnya kita terpaksa meninggalkan itu dan ini kadang-kadang melibatkan kos dan kadang-kadang kita terpaksa pula membayar pampasan kepada syarikat yang telah kita membuat kontrak. Jadi penyelenggaraan projek semasa pembinaan juga harus diambil kira dan dibuat dengan teliti supaya menepati spesifikasi yang dinyatakan oleh syarikat dan selepas itu tidak ada masalah-masalah kebocoran, lehan dan sebagainya.

Jadi di sini saya mohon penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri mengapakah kilang *refuse derived fuel* (RDF) di Semenyih mengalami masalah dan apakah langkah yang akan dibuat untuk mengelakkan masalah ini daripada berulang bila perbadanan ini ditubuhkan nanti. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pengkalan Chepa.

3.15 ptg.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kerana dapat menyertai, membahar dalam Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kedua-dua akta yang telah dibentang dan sedang dibahaskan ini sama ada pengurusan pepejal dan penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal ini pada hakikatnya tidak dapat menyelesaikan masalah kerajaan tempatan. Walaupun kita keluarkan sebahagian daripada tugas kerajaan tempatan ini tentang pungutan sampah dan pembersihan awam ini diletak di bawah satu perbadanan yang berasingan. Ianya tidak lari juga bebanan ini dalam menguatkuasakan nanti terletak kepada kerajaan tempatan juga sebagaimana yang ditegaskan oleh menteri tadi. Bagaimana perbadanan ini boleh memaksa kakitangan PBT ini untuk menguatkuasakan soal-soal yang bersangkutan-paut dengan pembersihan awam dan sampah.

Pada hakikatnya perbadanan ini tidak lebih daripada perbadanan-perbadanan yang lain, agensi lain kerana ia merupakan satu agensi yang *white collar* bukan *blue collar*. Orientasi perbadanan ini mestilah merupakan sebahagian daripada orientasi pegawai kerajaan yang tidak menumpu kepada kerja-kerja yang berbentuk profesional dan *efficiency*. Kalau kita tengok perbadanan yang lain sama ada SEDC, sama ada air, ianya merupakan *white collar* dan golongan *white collar* ini tidak boleh menyelesaikan masalah-masalah masyarakat sebagaimana *company* dan syarikat-syarikat.

Kalaulah Alam Flora dan juga Southern Waste Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat-syarikat yang telah diberi tugas dalam *period* ataupun peringkat interim gagal untuk melaksanakan ini kerana beberapa soal yang bersangkutan. Saya rasa perbadanan ini akan

lebih sukar lagi. Kalau perbadanan ini hendak beri kontrak kepada Alam Flora dan juga Southern Waste Sdn. Bhd. atau lain-lain syarikat, saya percaya apa yang dialami oleh syarikat-syarikat tersebut tidak dapat diselesaikan oleh perbadanan ini. Sebagai Pengerusi Kerajaan Tempatan pada masa dulu, saya mempunyai pengalaman dalam masalah ini dengan pembentukan perbadanan ini tidak menyelesaikan masalah.

Masalah yang ada di kerajaan tempatan ini, saya mengambil peluang ini Tuan Yang di-Pertua ialah masalah pertama sekali Yang di-Pertua PBT itu sendiri. Mengikut Akta 171 sekarang ini, PBT ini dilantik daripada pegawai daerah apabila hasil itu kurang daripada RM5 juta setahun ataupun sekarang ini naik RM10 juta setahun. Pegawai daerah ini dia memberi tugas yang banyak, dia menghadiri mesyuarat-mesyuarat sebulan iaitu 33 kali, kita ada 20 hari sahaja hari bekerja. Jadi bagaimana dia hendak menumpukan kepada soal-soal PBT ini sebagai Yang di-Pertua. Jadi ini yang kena diselesaikan oleh menteri, bagaimana Akta 171 ini dapat dipinda, jawatan Yang di-Pertua itu lebih terbuka bukan jawatan yang mesti pegawai daerah itu sendiri yang menjadinya.

Begitu juga bagaimana hendak menaikkan kewangan meningkatkan kewangan daripada dipungut oleh PBT ini sendiri apabila satu-satu permohonan PBT untuk perluasan kawasan itu memakan masa tidak kurang daripada dua tahun, tiga tahun. Seperti saya kata Majlis Daerah Pasir Mas, kawasannya sangat sempit, bebanannya sangat besar, permohonan untuk meluaskan kawasan itu memakan masa empat, lima tahun tidak lulus lagi. Bagaimana kewangan ini hendak menjana kewangan daripada premis cukai pintu yang ada di kawasan itu kalau hanya 300 meter sahaja daripada jalan besar itu, itulah yang dimasukkan ke dalam kawasan PBT. Lebih daripada itu dimasukkanlah katakanlah diluluskan kawasan PBT itu lebih luas daripada 300 meter daripada jalan besar tetapi tidak dikuatkuasakan untuk pungutan hasil untuk pungutan sampah dan sebagainya, tidak dikenakan cukai pintu dan sebagainya.

■1520

Lebih daripada itu walaupun dimasukkan, katalah diluluskan kawasan PBT itu lebih luas daripada 300 meter daripada jalan besar, tetapi tidak dikuatkuasakan untuk pungutan hasil, pungutan sampah, tidak dikenakan cukai pintu dan sebagainya. *Red tape* ini mesti diselesaikan lebih dahulu oleh menteri.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kakitangan yang ada di dalam PBT ini sendiri. Mengikut akta 171 kerajaan negeri pun tidak mempunyai kuasa penuh terhadap pelantikan-pelantikan pegawai-pegawai yang ada di dalam sesuatu PBT. Saya ingat Tangga Batu ini lebih arif sebab dia Yang Dipertua. Saya rasa dia arif mengenai masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi pegawai-pegawai ini merupakan segolongan pegawai yang kerajaan negeri pun tidak mempunyai kuasa, cuma ada kuasa dalam beberapa peringkat kerani yang dipinjamkan daripada kerajaan negeri kepada kerajaan tempatan. Kerajaan Persekutuan pun tidak ada kuasa.

Dahulu ada cubaan daripada menteri yang ada sekarang ini untuk mengubah akta 171 ini tetapi gagal, iaitu untuk membentuk satu PBT yang sebahagiannya pegawai teknikal yang bergaji mahal ini dipinjamkan kepada agensi Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan menghantarkan *engineer*, teknikal dan apa-apa pegawai yang mempunyai gaji yang besar ini dan mempunyai kepakaran ini kepada PBT tetapi gagal. Kerajaan negeri hanya menghantarkan pegawai-pegawai pentadbiran itu pun gagal. Jadi di dalam roh PBT ini, seharusnya pegawai-pegawai ini boleh ditukar sekurang-kurangnya di antara PBT-PBT yang ada di dalam negeri tersebut supaya semangat kerjanya dan supaya kecemuhan hidup dalam satu PBT ini dapat dikeluarkan kepada PBT lain. Semangat ini akan berkobar semula.

Jadi kalau 20 tahun duduk dalam satu PBT tak ada apa-apa yang boleh dibuat, ini tidak produktif, tidak ada penghasilan yang dibuat. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Menteri tengok ini dahulu. Di antara pegawai-pegawai yang akan dipindah mungkin saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, ini mengikut akta ini bagaimana pegawai-pegawai yang ada sekarang ini, yang berkhidmat di bawah PBT dalam bahagian pungutan sampah dan pembersihan ini boleh dipindahkan kepada perbadanan. Adakah mereka ini akan diberi opsyen? Adakah gaji mereka akan sama atau lebih baik?

Yang kedua, sekiranya perbadanan ini menolak bahawa pekerja ini malas mengikut rekod, tak sesuai tidak produktif, jadi apakah nasib pekerja ini. Berapakah jumlah? Adakah soal-soal perbincangan dengan PBT ini telah dibuat sedangkan perbincangan ini ada di bawah kuasa PBT tidak di bawah kuasa kerajaan negeri dan tidak di bawah kuasa kementerian.

Yang ketiga, kalau ada opsyen saya minta penjelasan ini. Walaupun tak ada lagi tetapi sudah tentu ada dalam fikiran menteri jadual-jadual pemindahan pekerja ini sama ada akan jadi tetap ataupun akan jadi kontrak, sama ada mereka berpencen ataupun kerja itu seperti *hire and fire*. Adakah itu sistem yang akan digunakan? Kita memberi jawatan kepada mereka tapi kalau tidak produktif kita buang. Itu *hire and fire*. Itu biasanya digunakan oleh banyak perbadanan di Malaysia ini sendiri. Adakah perbadanan ini akan menggunakan kaedah itu?

Yang keempat, Yang Berhormat Menteri, harta ini dalam bahagian II perbadanan di bawah (a) dan (b). Di bawah (b) kontrak dan berkenaan harta alih dan tak alih. Banyak harta di bawah PBT sekarang ini jadi tempat pelupusan sampah. Harta ini bukan harta PBT sebenarnya. Mungkin ada sebahagian harta PBT, tetapi ia harta kerajaan negeri iaitu tanah-tanah yang dirizabkan untuk pelupusan sampah seperti di Pengkalan Chepa adalah 10 ekar tanah tapi bukan tanah PBT. Bagaimana tempat pelupusan sampah ini perbadanan hendak ambil. Adakah kuasa-kuasa perbadanan boleh memaksa kerajaan negeri yang dari segi perlembagaannya mempunyai hak mutlak di atas tanah ini.

Saya buat contoh, misalnya Jemaah Menteri sendiri telah membuat satu keputusan supaya taman-taman awam ini diserahkan kepada PBT melalui kerajaan negeri tetapi dia tak jalan. Tak jalan sebab Akta Tanah Negara sebelum tahun 1990 tidak mewajibkan pemaju-pemaju itu

menyerahkan tanah lapang itu kepada kerajaan negeri. Jadi kalau hendak tanah lapang itu diserahkan kepada PBT pastinya kena bayar pampasan, kena buat *require* dan ini makan belanja berjuta-juta. Bagaimana hendak selesai ini. Ada satu lagi cara yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan, iaitu bila hendak serah kepada perbadanan Kerajaan Persekutuan mengambil tanah itu minta kerajaan negeri serah kepada tempat ini kepada Kerajaan Persekutuan dengan bayaran token RM10. Adakah kaedah ini akan diguna? Sepatutnya perbadanan ini beli tanah itu mengikut harga pasaran, dan kalau beli mengikut harga pasaran kerajaan negeri juga boleh untung kerana tiap-tiap tahun cukai tanah dapat dibayar kepada kerajaan negeri, kalau Kerajaan Persekutuan dia tak tolong kepada kerajaan negeri tapi hendak tolong syarikat-syarikat ini atau perbadanan ini. Dia memaksa kerajaan negeri menyerahkan tempat pelupusan sampah ini dengan harga token RM10. Apabila kerajaan negeri serah kepada Kerajaan Persekutuan maka Kerajaan Persekutuan bagi sewa RM10 juga kepada perbadanan. Adakah itu caranya? Kalau cara ini bukan sahaja tidak dapat manfaat kepada rakyat tetapi manfaat kepada syarikat perbadanan ini sendiri.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua masalah kewangan. Kita dengar kelmarin bahawa menteri telah menyebut bahawa ada satu bilion peruntukan untuk perbadanan ini untuk tempoh mungkin dua tahun. Selepas dua tahun ini saya percaya bahawa kerajaan tidak akan membuat satu bilion atau dua bilion lagi untuk perbadanan ini. Kalau kerajaan hendak buat, hendak bagi bantuan secara langsung tidak dipinjamkan kepada perbadanan ini, saya hendak tahu di bawah akta kewangan mana. Bolehkah kerajaan negeri membantu Kerajaan Persekutuan membuat dalam bajet ini langsung kepada perbadanan sedangkan perbadanan seperti SEDC juga perbadanan lain diberi pinjam dan dibayar balik.

Saya hendak tahu di bawah seksyen mana perbendaharaan kewangan ini boleh diberi. Kalaulah dapat diberi katalah mana-mana seksyen dapat diberi secara langsung dua bilion atau satu bilion setahun kepada perbadanan, apakah keutamaan di dalam pembangunan negara. Kalau pembangunan negara ini boleh diutamakan lebih baik kepada rakyat daripada perbadanan ini, saya yakin bahawa usaha untuk memberi bantuan ataupun peruntukan kepada perbadanan ini adalah usaha yang tidak begitu bijak. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalen Chepa]: Tak lama. Satu lagi iaitu mengenai penguat kuasa tadi. Jadi saya hendak tanya apa perjanjian di antara perbadanan ini yang boleh anggota-anggota PBT yang tidak ada kaitan dengan pelupusan sampah ini boleh menguatkuasakan. Boleh menjalankan kuat kuasa bagi pihak perbadanan.

■1530

Saya rasa tidak mungkin berlaku, tidak mungkin berlaku dan kalaulah pegawai-pegawai ini diambil untuk jadi pegawai perbadanan, Yang Berhormat menteri sendiri mengatakan pegawai-pegawai ini tidak mempunyai kepakaran. Gagalnya PBT ini salah satunya kewangan

tidak cukup, yang keduanya pegawai-pegawai ini tidak mempunyai pengalaman dan tidak bersungguh.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kalau dahulu, Alam Flora dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan dia mengenakan *charge* kepada PBT bukan *direct billing*, bukan caj kepada rakyat. Kalau pungutan sampah ini yang dipungut melalui cukai-cukai rumah ini, sebanyak katalah 30%, maka cukai inilah, amaun inilah ataupun peruntukan inilah akan diberikan kepada Alam Flora. Tetapi, PBT gagal untuk memungut semua pungutan yang dikenakan melalui kepada pengguna ataupun tempat kediaman. Yang adanya mungkin 30%. Sebab itu PBT terhutang kepada Alam Flora. Jadi, kalau kaedah ini juga hendak digunakan, saya percaya bahawa syarikat konsesi dan perbadanan akan menanggung hutang dan Kerajaan Persekutuan akan menambah lagi bantuan, mungkin lebih hingga RM3 bilion dalam masa 10 tahun akan datang.

Ini perkara-perkara yang kita selesaikan. Jadi kalau benda ini tidak diselesaikan, pemisahan merujukkan perbadanan ini dengan tidak memperkasakan apa yang sebenarnya patut diperkasakan di PBT, saya rasa akan timbul masalah banyak belanga, banyak periuk, sedangkan perkara-perkara yang ada mesti dalam perbadanan ini, pegawai-pegawainya berapa, mestilah bergaji besar. Saya ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. PBT sekarang ini menanggung pengurusan sahaja 70% daripada *income* dia, 30% pun tidak sampai untuk pembangunan. Ini yang berlaku, sebab itu PBT ini miskin, sebab itu PBT ini tidak ada *efficiency*, tambah lagi kerenah birokrasi yang sangat banyak.

Jadi dengan penubuhan perbadanan ini, saya tidak nampak dia dapat menyelesaikan masalah, kalau hendak *try*, memang boleh sebab dengan Alam Flora yang merupakan syarikat-syarikat profesional pun kita tidak mampu, tidak mampu mengatasi dengan Southern Waste Sdn. Bhd pun tidak mampu dan bagaimana kalau hanya perbadanan yang separuh kerajaan, separuh perniagaan, yang tidak mempunyai, saya rasa tidak mempunyai sikap *blue collar*, yang mempunyai mungkin 50% *white collar*, 50% *blue collar*. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua tidak dapat menyelesaikan masalah, itulah sahaja terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

3.33 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hanya pendek sahaja....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Eloklah itu Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Eloklah itu Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, sebab perkara ini pun sudah dibahas semalam dan kelmarin, begitu panjang lebar dan saya rasa lebih baik kalau hanya tertumpu kepada Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan. Oleh itu saya akan pergi ke beberapa perkara yang hendak saya bahaskan di sini. Pertama sekali ialah persoalan saya mengenai dengan perkara satu iaitu mengapa perbadanan ini hanya meliputi Semenanjung Malaysia dan wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan? Apakah ini tidak meliputi Sabah dan Sarawak malah kita tahu Sabah dan Sarawak juga mempunyai masalah yang sama.

Jadi, bimbang saya ialah pada masa hadapan kita hendak juga adakan akta untuk meliputi Sabah dan Sarawak, mengapa tidak dalam perbadanan ini dimasukkan juga Sabah Sarawak sebagai wilayah Malaysia? Kenapa dia terhad sangat kepada Semenanjung. Itu satu, perkara 5 pula ialah mengenai dengan ahli-ahli keanggotaan perbadanan ini, iaitu pertama sekali saya hendak tanya ialah pengerusi yang akan dilantikkan nanti apakah jenis kelayakan yang kita harap-harapkan daripada pengerusi tadi. Adakah orang yang berpengalaman ataupun orang yang mempunyai kelayakan akademik dan sebagainya.

Begitu juga dengan anggota-anggota ahli tadi mengapa tidak daripada negeri-negeri tidak dimasukkan sebagai anggota ahli, malah wakil-wakil kementerian sahaja yang dimasukkan. Bagaimana pula dengan anggota daripada negeri-negeri yang terlibat dalam akta ini? Jadi mengapa tidak, kalau kita ambil sebuah negeri, seorang wakilnya supaya kita dapat gambaran yang lebih luas mengenai dengan negeri-negeri tadi. Mengenai dengan perkara 17 pula, ialah fungsi perbadanan ini.

Apakah hanya ia akan mewakili kerajaan pusat sahaja, yang ini akan melibatkan kerajaan pusat dan negeri jadi apakah fungsi dia di peringkat negeri dan juga bagi peringkat kerajaan tempatan yang mana kita tahu kerajaan tempatan adalah di bawah arahan kerajaan negeri. Jadi persoalan *constitutional* di sini yang saya perlu bangkitkan. Apakah dalam hal ini kerajaan pusat sudah mengambil alih kuasa-kuasa kerajaan negeri apakah ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia iaitu mengenai pembahagian kuasa negeri dan pusat. Selain daripada itu adakah *service* ataupun perkhidmatan yang akan kita beri tadi adalah berbeza antara negeri dan negeri, di mana saya tahu perbadanan ini akan memberi tumpuan khas, khusus dan perkhidmatan yang baik hanya kepada bandar-bandar besar sahaja, seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru mungkin.

Jadi bagaimana kami di kawasan-kawasan seperti, kita ambil contoh bandar raya Alor Star misalnya, bandar Sungai Petani umpamanya. Bagaimanakah *service* dan perkhidmatan tadi yang akan disampaikan adakah sama ataupun ada kelainan pula peringkat negeri, pekan kecil macam ini, pekan besar macam ini, tetapi Kuala Lumpur akan diberi satu perkhidmatan yang lebih baik daripada negeri-negeri yang lain. Perkara 23 yang saya hendak bangkitkan ialah

mengenai dengan pelantikan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja, apakah terma perkhidmatan mereka, adakah kita mengikut seperti mana yang diwujudkan oleh JPJ....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bawa pergi Sabah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat hendak membawa perkara ini kepada kementerian. Siapa agaknya yang melantik syarikat-syarikat mengendalikan konsortium ini? Adakah secara tender terbuka, ataupun *direct award*, jadi walaupun dipilih siapa yang mereka agak-agak yang mahu dipilih itu? Minta pandangan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu, sebab itu saya hendak tahu pada peringkat awal pelantikan pengerusi itu terlebih dahulu, siapa yang mereka hendak lantik? Kemudian selepas itu dengan mengadakan syarikat yang mereka boleh tubuhkan nanti, adakah syarikat ini sebagai syarikat milik kerajaan ataupun syarikat persendirian dan dia dianggotai oleh orang-orang yang berkepentingan dari segi keuntungan sahaja. Apabila nanti dia rugi, semua tinggal syarikat itu dan keluar dan pihak kerajaan akhirnya akan mengambil alih dan menanggung segala macam kerugian. Oleh itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat untuk saya sama juga mengambil soalan Yang Berhormat untuk ditujukan pada Yang Berhormat menteri sekiranya ini berlaku. Adakah syarikat itu dapat kita jamin, kalau syarikat itu rugi nanti pihak kerajaan juga akan menanggung kerugian dan adalah kita sebagai pembayar cukai yang akan menanggung akhirnya bukan pihak syarikat. Saya balik juga perkara 23 iaitu saya...

■1540

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya tanya sikit boleh, Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh? Saya nak minta penjelasanlah sebelum tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sekarang ini kita tahu bahawa sisa pepejal ini banyak melibatkan vendor-vendor tempatan terutamanya kaum bumiputera. Saya tak tahulah di Kelantan, barangkali Kelantan lebih teruk lagilah daripada Semenanjung. Mungkin dengan pelantikan syarikat-syarikat ini, peluang-peluang subkontrak tender-tender kepada vendor-vendor tempatan ini yang selama hari ini mendapat peluang untuk mencari makan. Setidak-tidaknya kemahiran mereka tentang hal ini turut difikirkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, saya setuju. Jadi ia tidak menjadi sebagai satu monopoli. Dia mesti ada juga anak-anak syarikat yang lain dan inilah yang saya bangkitkan tadi, perkara 5 iaitu daripada keahlian pelantikan *board* tadi, mengapa tidak dimasukkan wakil-wakil negeri? Ini kerana di dalam itu, wakil-wakil negeri akan meluahkan kepentingan negeri-negeri tadi dan sebab itu saya percaya dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Larut untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat kecil sama. Tidaklah dimonopoli oleh syarikat yang besar...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat, sikit lagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:...dan takut saya, bimbang saya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, sikit lagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:syarikat yang besar ini akan menyerupai IWK. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit lagi. terima kasih Yang Berhormat. Kita tahu bahawa syarikat yang besar ini biasanya ada pengalaman. Tapi belum tentu mereka ini tidak akan mengambil segala, membolot segala kemewahan yang ada. Kita kena ingat bahawa syarikat-syarikat kecil inilah yang menentukan kuasa politik kita, yang menentukan kestabilan kita. Kita tidak mahu mereka ini akan terhimpit. Ini akan mencetuskan satu lagi masalah sosial dan ini akan menyebabkan akhirnya apa yang kita nak laksanakan kerajaan yang begitu tinggi cita-citanya hendak mengadakan satu sistem yang terbaik, termoden akan tercacat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tak baca seksyen 34.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Baca Yang Berhormat, saja nak bagi satu kesedaran kepada Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, baik. Terima kasih Yang Berhormat. Yang ini yang akan saya bangkitkan juga dalam perkara 44, perkara 32, perkara 33. Ini juga akan dikaitkan. Jadi, saya bersetuju Yang Berhormat. Sebab itu tadi saya kata wakil-wakil negeri mesti ada di dalam *board* ataupun perbadanan ini kerana dia akan menjaga kepentingan tempatan dan juga negeri. Bagaimana kalau saya ambil soalan Yang Berhormat Larut tadi, bagaimana syarikat-syarikat pelupusan sampah ataupun sisa pepejal ini, syarikat-syarikat kecil yang ada di setengah-setengah negeri yang berjaya, mengapakah mereka akan diberhentikan perkhidmatan mereka dan digantikan dengan syarikat yang besar dan yang mungkin perkhidmatannya juga masih boleh dipersoalkan.

Jadi, apakah akan berlaku kepada syarikat-syarikat kecil yang selama ini mendapat kontrak dengan majlis-majlis tempatan untuk pelupusan sisa pepejal dan sebagainya. Oleh itu, saya juga ingin mengajukan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri, apakah terjamin atau

tidak syarikat-syarikat kecil yang masih mampu untuk menjalankan perkhidmatan mereka di majlis-majlis tempatan ataupun PBT. Jadi, perkara yang saya nak bangkit ialah mengenai dengan servis ataupun terma-terma perkhidmatan bagi pegawai-pegawai, pekerja-pekerja yang menganggotai kemudiannya di dalam perbadanan ini. Adakah mereka ini akan mengikut segala macam peraturan, terma yang dikendalikan oleh pihak JPA? Dengan demikian, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai pengambilan pekerja-pekerja dan apakah jaminan-jaminan yang akan diberikan kepada mereka? Selain daripada itu, saya juga nak bertanya adakah pegawai-pegawai, pekerja-pekerja yang akan diambil dalam perbadanan ini diberi hanya kontrak misalnya tiga tahun, lima tahun dan sebagainya. Jadi, bolehkah kita dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri? Selain daripada itu, perkara 24 amatlah saya bersetuju sama sekali mengenai dengan biasiswa-biasiswa yang akan dikeluarkan oleh perbadanan ini untuk melanjutkan pelajaran ataupun melanjutkan pengetahuan pegawai-pegawai mereka nanti. Selain daripada itu, mengenai dengan perkara 25 mengenai persaraan. Apakah persaraan juga akan mengikut terma-terma yang sudah didapati dan dilakukan oleh pihak JPA?

Terma ini, mereka pencen; apakah pencen mereka ataupun mereka akan hanya dicarumkan kepada EPF, bukan ada pencen dan sebagainya. Mengenai dengan perkara 27 juga iaitu Kumpulan Wang. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di sini berapakah jumlah wang yang mungkin dipohon oleh pihak perbadanan ini kepada Kerajaan Pusat? Yang saya maksudkan di sini, sumber ini datang daripada mana? Kalau dia datang daripada Kerajaan Pusat, apakah sumber kewangan dia? Jadi, bimbang saya nanti hanya Kerajaan Pusat dibebani dengan segala macam peruntukan. Saya tahu kemungkinan besar mereka akan dapat pinjaman daripada perbadanan-perbadanan lain. Adakah seperti KWSP, adakah daripada Tabung Haji ataupun daripada mana-mana sumber kewangan yang dapat dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, persoalan juga timbul di sini kalaulah perbadanan ini menanggung kerugian seperti mana yang sahabat saya bangkitkan tadi, bagaimanakah kedudukan selanjutnya? Adakah kerajaan akan menamatkan, mengantungkan perbadanan ini dan digantikan dengan perbadanan yang lain. Kalau dia menanggung rugi, kerajaan terpaksa tutup sama sekali perbadanan ini kerana dia tidak berdaya menanggung kerugian.

Akhirnya dia terpaksa ditutup dan apakah ia akan digantikan dengan perbadanan yang lain? Mengenai dengan perkara 32 dan 33 iaitu kuasa untuk meminjam. Kuasa meminjam tadi, saya tahu iaitu untuk kegunaan perbadanan ini dalam menjalankan perkhidmatan mereka, tapi soalnya kalaulah mereka meminjam wang ini dan kemudian dilabur wang ini, kalau mereka tidak gunakan untuk perbadanan tetapi menggunakan sebahagian sumber kewangan ini untuk melabur misalnya kononnya melabur wang ini dalam *stock exchange* dan akan mendapat pulangan yang baik dan mereka lupa balik tujuan khusus mereka untuk memberi perkhidmatan dan akhirnya mendapat sedikit sebanyak ganjaran kemudiannya. Begitu juga dengan perkara 44

iaitu memberi ruang untuk menubuhkan syarikat. Saya nak bangkit balik dalam perkara tadi, apakah syarikat ini akan terus menerus dikuasai ataupun tanggungannya oleh perbadanan.

Kalaulah syarikat itu tidak menjadi, menanggung kerugian, apakah pihak perbadanan akan tutup, tamatkan syarikat tadi dan di manakah pula kemudian kewangan tadi akan diganti? Oleh itu, saya juga minta Yang Berhormat jelaskan juga kepada kita mengenai dengan pelaburan membeli tanah untuk pelupusan sampah. Apakah mereka berhak untuk memiliki banyak hartanah ataupun tanah-tanah kosong tadi dibeli dan kemudian tidak digunakan untuk pelupusan sampah. Mereka beli dan kemudian mereka jual balik tanah itu untuk membawa balik keuntungan kepada perbadanan. Akhirnya saya berharap benar dengan tertubuhnya Perbadanan Pengurusan Sisa-sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, harapan kita ialah agar mereka dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat tempatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bera.

3.49 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya nak ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian di atas keprihatinan pihak kementerian dengan menubuhkan perbadanan ini yang saya kira akan cuba menyelesaikan masalah sisa pepejal di dalam negara kita.

■1550

Cuma persoalan yang ingin saya bangkitkan ialah apakah sebenarnya peranan perbadanan ini? Apakah ia ingin menjadi satu badan kerajaan yang memantau dan memastikan semua masalah tentang sisa pepejal diselesaikan ataupun ia merupakan sebuah entiti perniagaan? Kerana ada sedikit kekeliruan di sini, mungkin badan ini menjadi kedua-duanya sekali, perniagaan dan juga menjadi sebuah badan yang mengawas. Saya sebutkan ini kerana kita pergi kepada yang pertama iaitu entiti perniagaan. Di dalam akta ini jelas bahawa perbadanan boleh menjadi entiti perniagaan, sebab badan ini bukan sahaja akan mempunyai pengerusi dan jawatankuasa yang lain tetapi mempunyai Ketua Eksekutif.

Di bawah bahagian IV, seksyen 21(7) misalnya jelas menyebutkan tentang kuasa Pegawai Eksekutif. Di bawah 23(1) tentang Pegawai Eksekutif melantik pekerja-pekerja, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja maknanya ia mungkin akan menjadi seperti sebuah badan perniagaan. Lebih jelas lagi apabila kita merujuk kepada seksyen 27(2)(b) dan juga 27(2)(g) yang mana hasil atau pendapatan daripada perbadanan datangnya daripada pendapatan dari pelaburan, bermakna perbadanan ini boleh melabur. Itu di dalam seksyen 27(2)(b), perbadanan boleh melabur dan 27(2)(g), pendapatan daripada projek-projek. Seksyen 33 iaitu perbadanan boleh melabur mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh menteri. Bermakna perbadanan boleh melabur. Seksyen 44 mengatakan kuasa perbadanan untuk menubuhkan

syarikat-syarikat. Ini jelas bahawa perbadanan boleh melabur dan perbadanan boleh menjadi seperti sebuah syarikat.

Apabila perbadanan boleh menjadi seperti sebuah syarikat, bermakna perbadanan akan tertakluk kepada masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat lain. Perbadanan boleh rugi dan perbadanan juga kerana menjadi sebuah syarikat akan mencari keuntungan. Jadi timbul persoalan bagaimanakah tanggungjawab sosial akan dijaga? Saya takut akhirnya perbadanan yang menjadi syarikat ini akan menjadi seperti syarikat-syarikat milik kerajaan yang lain, GLC-GLC yang lain. Memang pada peringkat awalnya bertujuan untuk berniaga dan mementingkan tanggungjawab sosial tetapi kerana ia entiti perniagaan, akhirnya syarikat ini mengutamakan keuntungan. Maka timbullah kebimbangan kita seperti yang kita bincangkan semalam iaitu *fees*, caj dan lain-lain yang akan ditetapkan oleh syarikat ini. Kalau syarikat ini merupakan syarikat yang mempunyai entiti perniagaan, kita bimbang akhirnya untuk mencari keuntungan, pengguna yang akan menghadapi bebanan.

Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dari segi entiti perniagaan syarikat ini. Kalau syarikat ini menjadi sebuah syarikat yang mengawasi ataupun yang memantau syarikat-syarikat yang ada untuk memastikan segala masalah di dalam soal sisa pepejal dapat diselesaikan. Bermakna syarikat-syarikat yang ada dikekalkan dan perbadanan cuma mengawasi mereka. Saya hendak maklumkan, saya kira semua Ahli-ahli Dewan Rakyat bersetuju dengan saya mengatakan bahawa banyak daripada syarikat-syarikat itu gagal di dalam menjalankan tugas masing-masing. Alam Flora misalnya, tidak berjaya.

Di kawasan saya masalah longkang, sampah sarap tidak dikutip, tong sampah, kita berkempen di dalam televisyen soal tong biru, tong kuning, tong hijau yang membeza-bezakan sampah. walau bagaimanapun, di bandar-bandar kecil seperti di Bera dan sebagainya, tong satu sahaja, tidak ada tong merah, tong biru, tong hijau. Lori yang mengangkut sampah pun tidak mempunyai *compartment* ataupun kawasan-kawasan yang membezakan antara plastik, sampah, kertas dan sebagainya. Di dalam lori yang mengangkut sampah, sama sahaja, ini Alam Flora.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat fikir adakah ini kesalahan PBT ataupun Alam Flora semata-mata. Kalau itulah kelemahan Alam Flora, mengapa sekarang sembilan tahun kemudian kita hendak kekalkan syarikat itu? Apakah isi kandungan perjanjian? Ini kerana saya tidak pernah melihat hal seperti ini. Dalam dunia kita adakah syarikat yang membuat kontrak interim, kemudian kalau gagal inilah rang undang-undang kita luluskan kemudian dia boleh terus dengan perniagaan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Kepong.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh saya sambung sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ya, sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Masalah sampah tadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Adakah perbadanan ini akan mengambil alih semua bandar-bandar yang di bawah kerajaan tempatan, kemudian di luar daripada kawasan kerajaan tempatan? Misalnya bandar kecil yang tidak masuk di bawah kerajaan tempatan, kawasan dia tidak masuk. Adakah perbadanan ini akan mengambil alih untuk pungut sampah dan sebagainya. Bagaimana?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Soalan Kepong, kesalahan PBT ataupun Alam Flora. Saya lihat bahawa tujuan kerajaan menswastakan pungutan sampah kepada Alam Flora kerana untuk mengambil alih soal pungutan sampah daripada PBT. Jadi saya kira mestilah apabila diberikan kepada satu syarikat untuk mengambil alih kerja-kerja PBT, maka semua kerja itu sepatutnya dipikul oleh Alam Flora. Jadi yang salah tentu sahaja Alam Flora.

Suka saya maklumkan bahawa waktu Alam Flora dipaksakan kepada PBT-PBT, banyak PBT-PBT yang tidak bersetuju untuk menyerahkan kerja kepada syarikat seperti Alam Flora ini. Ini kerana Alam Flora datang seperti sebuah *manager*, mengambil alih semua yang telah ada kepada PBT waktu itu. Lori-lori sampah PBT, mereka tidak beli lori yang baru, mereka menggunakan lori yang PBT sudah ada. Pekerja-pekerja, *transfer* sahaja daripada pekerja PBT kepada pekerja-pekerja Alam Flora. Jadi mereka mengambil alih perkara yang ada dan mendapat keuntungan atas perkara yang telah ada.

Jadi kita tidak tahu *fees* yang akan diperolehi oleh pihak sekarang, perbadanan. Adakah Alam Flora mengutip *fees* daripada PBT dan dalam masa yang sama perbadanan akan mengenakan *fees* pula kepada Alam Flora. Kalau begitu bermakna kita takut *fees* yang dikenakan akan bertambah tinggi kerana pihak Alam Flora juga terpaksa membayar *fees* kepada PBT. Jadi sebenarnya kepada Kepong, saya rasa yang patut dipertanggungjawabkan adalah Alam Flora.

Soalan daripada Pengkalan Chepa. Saya minta jadikan soalan ini, saya tujukan juga kepada pihak menteri. Saya mungkin tidak boleh menjawab soal bandar kecil atau bandar besar ini. Apa yang jelas adalah jikalau syarikat yang lama dikekalkan, kelemahan yang ada tentulah tidak akan banyak berubah. Kalau saya sebutkan tadi bahawa bandar-bandar kecil tidak dibekalkan, tidak dibekalkan dengan tong sampah berbeza-beza, lori tidak dikekalkan dengan lori yang berbeza-beza untuk membahagi-bahagikan sampah yang dua tiga jenis tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1600

Adakah dengan adanya perbadanan ini, yang mengawasi syarikat-syarikat ini, maka syarikat-syarikat itu terpaksa akan menukarkan jenis lori, akan membeli tong- tong sampah yang lain dan sebagainya, ataupun mereka akan terus kekal seperti ini. Jikalau mereka terus kekal

seperti ini, tidak ada makna perbadanan ini ada kerana perkara yang sama akan terus berlaku. Saya tengok juga di dalam... Okey. Okey, di dalam soal kita...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Bangun untuk meninggalkan Dewan].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, okey apa?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ingatkan Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun, mahu tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik, baik.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey, kita lihat dari segi kelulusan pelan, kelulusan tapak. Adakah pihak Perbadanan mempunyai *authority* untuk meluluskan soal tapak dan sebagainya? Ya, mungkin. Di dalam akta semalam, kuasanya luas, memberi lesen dan sebagainya. Di segi pemilihan tapak, apakah pihak Perbadanan mempunyai cukup anggota untuk menilai soal tapak di mana sesuai dan sebagainya? Saya rasa mungkin tidak.

Bagi pandangan saya, betul atau tidak mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjawabnya, bagi saya, apabila sesuatu permohonan hendak dihantar kepada pihak perbadanan, soal kesesuaian tapak misalnya tentu pandangan-pandangan dari PBT akan diambil kira. Saya tidak yakin bahawa pihak perbadanan mempunyai cukup anggota untuk menilai semua tapak-tapak pelupusan dalam negara ini. Jadi, caranya mungkin kelulusan, penilaian-penilaian dan sebagainya akan mendapat pandangan dari PBT. Jadi kalau inilah yang berlaku, bermakna...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun][Mengetuk pembesar suara].*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekejap, Yang Berhormat Pasir Puteh, sekejap saya akan bagi. Kalau ini berlaku, bermakna akan timbul masalah yang sama. Sekarang, soal pemilihan tempat dan sebagainya diluluskan kawasan pembuangan sampah secara terbuka atau tempat pelupusan sampah yang tidak sepatutnya diluluskan oleh PBT, diluluskan. Semalam saya sebutkan, tentang tempat pembuangan sampah di tepi sungai dan juga di hulu sungai. 47 tapak pelupusan sampah yang tidak sepatutnya diluluskan oleh PBT seperti di tepi sungai, di hulu sungai, di bawah tempat mengambil air, pusat rawatan air dan sebagainya. Di hulu sungai ada kawasan pelupusan sampah sehingga terdapat serapan sampah di dalam sungai dan menimbulkan kekotoran, pencemaran, tetapi diluluskan oleh PBT. PBT luluskan 47 kawasan yang tidak sepatutnya diluluskan, diluluskan.

Kalau pihak perbadanan pada kali ini, kerana kuasa mengawasi dari segi kelulusan tapak, polisi dan sebagainya dibuat oleh perbadanan untuk meluluskannya, tidak cukup kakitangan, mendapatkan pandangan dari PBT dan PBT akan memberi pandangan dan akhirnya timbullah perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, tempat yang tidak sepatutnya diluluskan

mungkin PBT akan memberi pandangan, boleh diluluskan. Akhirnya balik kepada perkara yang asal, timbul masalah lagi. Pasir Puteh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa hendak tanya?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak tanya, penting Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak ada berkaitan dengan Islam Hadhari.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Bera, penting. Pendek ya, penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Oleh sebab sebuah negeri sahaja dalam Malaysia yang masih lagi tidak diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional, saya hendak tahu adakah Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini adakah terpakai kepada Negeri Kelantan? PBT-PBT, apakah masih terus diberi peruntukan untuk memperelok bandar? Sebab saya dengan Yang Berhormat Pasir Mas, saya tidak bergaduh. Saya nak Kelantan ini 'comel', saya nak Kelantan ini cantik, tetapi saya nak tahu kalau Yang Berhormat Bera tak boleh jawab, minta menteri jawab. Saya nak, supaya ada satu dasar yang jelas. Terima kasih Hadhari.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Ketawa]*. Terima kasih. Hadhari, okey. Jadi...*[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu tiap-tiap harilah... *[Ketawa]*.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Semua Hadhari, sampah pun Hadhari. Okey, jadi kalau boleh saya menjawab yang pertama tadi. Saya kira, kalau salah Yang Berhormat Menteri akan betulkan. Inilah kebbaikannya rang undang-undang ini iaitu apabila diperbadankan, ianya akan meliputi semua negeri kecuali Sabah, Sarawak dan juga Kuala Lumpur, termasuklah Kelantan. Kalau timbul masalah di Kelantan selepas ini, semua masalah Kelantan akan diletakkan di bawah perbadanan ini. Inilah bagusnya undang-undang ini.

Saya tidak kata undang-undang ini tidak baik, cuma persoalan saya, apakah sebenarnya fungsi perbadanan ini? Adakah menjadi pengawas dan pemantau kepada semua syarikat yang ada ataupun perbadanan sendiri menubuhkan syarikat untuk berniaga seperti yang saya telah bangkitkan tadi. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri akan menjawab soalan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...dan saya harap..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, baru masuk. Apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya dengar, luar sana ada sate sedikit. Dengar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa nak tanya Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mahu tanya perbadanan ini, adakah stadium-stadium Tuan Yang di-Pertua, stadium-stadium ini dimasukkan di bawah perbadanan ini untuk mengurus dan mentadbirkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini jaga *rubbish*lah. Tak kenalah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal dalam stadium, dia orang buang sampah, dia orang buang mercun. Macam-macam dia orang buang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betullah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kemudian kita tengok di Stadium Batu Kawan, Tuan Yang di-Pertua, bilik air VIP pun tak dak. Tengok saya punya Tuanku Sultan sudah masuk hospital. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya banyak susah hatilah Tuan Yang di-Pertua. Panas hati...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuanku sudah sakit, masuk hospital kerana di stadium itu pun bilik air pun tak dak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sekarang ini sisa pepejal.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak dak, ini sisa dia orang buang barang punya sisalah Tuan Yang di-Pertua. Ini buang air kecil ini sisa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Yang Berhormat Bera pun tak tahu jawablah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bera pun tak tahu jawablah. Biar Yang Berhormat Larut datang, baru jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cuma saya nak tanya kepada Yang Berhormat Bera, supaya Perbadanan ini yang untuk membuang dan menjaga sisa-sisa pepejal, apa semua itu, ini, termasuk sisa-sisa manusia yang kita buang, harus dijaga kebersihannya dan saya melihat bahawa stadium-stadium, tempat-tempat membuang sisa-sisa manusia, harus diambil kira.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Supaya tengok macam di Stadium Batu Kawan. Nama Batu Kawan, tetapi betul-betul batu itu tak berkawan di tempat itu. *Not*

friendly. Bilik air tidak ada dan Tuanku berjalan dua kilometer sampai hari ini Tuanku Sultan Kedah gering dan masuk hospital.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, terkeluar daripada tajuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kerana Tuanku pun di situ, dia pi *toilet*, tak dak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terkeluar...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat Bera? Saya tanya Bera Tuan Yang di-Pertua. Macam mana pandangan Yang Berhormat Bera dengan cara begini? Saya sebagai rakyat Kedah merasa amat dukacita di atas berlaku kepada Ke bawah Duli Yang Amat Mulia Tuanku saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah Yang Berhormat. Selepas ini boleh bawa perkara ini kepada Dewan Negeri, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Jadi macam mana Yang Berhormat? Tolong saya sikit Yang Berhormat Bera. Kita kawan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sokong, sokong, saya sokong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Takkan itu sahaja?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya sokong ini. Nak beri pandangan ini. Saya berpendapat, soal pembuangan sampah ini, mungkin syarikat-syarikat perbadanan seperti stadium dan sebagainya menguruskan sampah sendiri, tetapi yang pentingnya saya harap, selepas ada undang-undang ini, selepas adanya perbadanan ini, ada koordinasi di antara syarikat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, ini tengah menjawab Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah jawablah...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...mesti ada koordinasi di antara syarikat swasta dengan pihak perbadanan. Soal Stadium Batu Kawan tadi, mungkin Stadium Batu Kawan, Stadium Bukit Jalil, saya sendiri pernah berada di Stadium Bukit Jalil. Kita mempunyai syarikat yang dilantik untuk menguruskan soal sampah sarap di dalam stadium. Saya harap syarikat-syarikat yang diberi tanggungjawab untuk menjaga sampah sarap di dalam stadium-stadium ini dan syarikat-syarikat yang lain juga mesti mempunyai kerjasama yang rapat dengan pihak perbadanan. Kalau tidak ada kerjasama, mungkin akan timbul masalah seperti yang berlaku, yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jerai tentang sampah sarap tadi yang menyebabkan kesesakan dan sebagainya yang akhirnya menyebabkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah terpaksa menerima akibat daripada kecuaiannya oleh pihak stadium.

■1610

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kebetulan, Tuan Yang di-Pertua, Sultan Kedah juga adalah Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Ini untuk memberitahu kepada yang bertanggungjawab, Tuanku juga adalah Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan pernah menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia, seorang raja yang berdaulat, raja yang cukup baik, takkanlah kita hendak buat kepada dia macam itu. Ini adalah satu pengajaran.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini semua adalah kesalahan Yang Berhormat Jerai...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak tanya sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...tidak menjaga Tuanku dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak tanya siapa?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tanya Bera..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak boleh, peraturan tidak boleh tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia belum duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bukan berucap, Dato'. Mother Teresa pun silap, saya bukan berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan sebut nama.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan sebut nama, sebut kawasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan, fasal nama Teresa, jadi Mother Teresa fasal dia baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Sister, sister!*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Sister.* Auntie Teresa. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja yang kita lakukan, penghormatan kita, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah perkara ini berkaitan dengan rang undang-undang ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Berkaitan, Tuan Yang di-Pertua, fasal sisa-sisa pepejal di stadium-stadium ini tidak dijaga, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak percaya, saya boleh bawa Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bawa kita pergi melawat tengok. Stadium Batu Kawan, stadium yang biasa buat sukan yang terbesar, sampai bilik untuk VVIP pun tidak ada. Bila Tuanku terpaksa berjalan dua kilometer hendak pergi ke tandas, Tuan Yang di-

Pertua, terpaksa pergi ke tandas awam. Di sini tidak ada kebersihan, tidak ada jagaan daripada majlis kerajaan tempatan, PBT ataupun lembaga stadium dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Bera? Ini adalah satu perkara yang bagi saya bukan hendak dibesarkan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenapakah Jerai tidak beri peruntukan untuk membaiki stadium?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa perkara ini harus dibesarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bila saya lihat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini kemuliaan raja-raja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kemuliaan raja-raja, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh kita perkecilkan. Tidak boleh. Raja-raja ini, ia lambang ketuanan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan masanya. Sekarang kita bincangkan rang undang-undang ini bukan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya setuju dengan Jerai, Tuan Yang di-Pertua. Sakit hati, panas hati ini belum terubat lagi, Tuan Yang di-Pertua, dengan apa yang dilakukan oleh mereka kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya baca surat khabar...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sultan Kedah ini mewakili juga Sultan-sultan Melayu yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa yang berucap sekarang, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya? *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, bila saya baca surat khabar tengok muka Ke Bawah Duli Tuanku Sultan masuk hospital, saya kecil hati, saya susah hati, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya marah kepada yang berbuat demikian dan mereka sampai hari ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...belum menghadap Tuanku lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Jua, jua!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *Jua* itu panas. Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita punya Tuanku, kita punya raja, tidak boleh macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Ini *last* ya saya bagi *warning*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lagi sekali kalau berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau berlaku, saya salahkah, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi *you* tunjuk kepada saya. Jari tangan macam ini kepada saya. [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya berucap kena tengok Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangan jangan macam itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tangan memang begitu. Kalau bubuh tangan dalam poket, saya tidak boleh cakup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan marah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berharaplah pihak yang bertanggungjawab supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, semua faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Supaya mengerti. Kita jangan main-main. Ini satu perkara, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bera....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...sebagai Ahli Parlimen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri kita tunggu bukan untuk jawab soalan ini. Dia hendak jawab rang undang-undang. Jadi berikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri ada cukup masa, ada cukup bahan-bahan untuk jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri takkan dia jawab Tuan Yang di-Pertua, fasal sana Ketua Menteri Gerakan, dia MCA, nanti dia takut kecil hati dia tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebab ini tidak kena mengena.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dato' Menteri, dia baik punya orang. Dia bukan marah. Ini presiden parti mana boleh marah-marah orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Ini tidak berkaitan. Sekarang adakah cara Yang Berhormat berucap...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini bukan Presiden Parti DAP, ini Presiden MCA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...mematuhi Peraturan Mesyuarat atau tidak, masalahnya sekarang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak. Saya keluar sedikit, masuk balik, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baliklah, duduklah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam kereta terbabas, masuk baliklah, ikut *line*. [*Ketawa*] Ini sedikit terbabas, ini fasal mahu beritahu, Tuan Yang di-Pertua, kepada semua orang bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...negara kita negara beraja. Negara kita negara ada Agong. Jadi kita harus menghormati mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu saya hendak *register* di sini supaya lain kali jangan kita ini orang beradat, orang Malaysia ini orang beradat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya sokong Jerai, Tuan Yang di-Pertua. Sampai sekarang pun tidak ada orang ambil respons tentang apa yang dibangkitkan di Parlimen tentang masalah raja jalan dua kilometer ini, tidak ada orang ambil respons. Kita di Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat Jerai dan Sri Gading keluar dan bincang. Ha, baik. Atau hendak bawa usul, bawa usullah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Takkan serius, Tuan Yang di-Pertua. Janganlah suruh saya keluar. Saya mahu Yang Berhormat Bera...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Keluar, keluar, Jerai, keluar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya cakap dengan Bera, macam mana Bera, tolonglah Bera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Buat Usul 18(1) lah, saya sokong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tahulah, saya biasa jadi *Speaker*. Usul berapa pun saya tahu. Haiya!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Janganlah marah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan marah, *jua* eh. [Disampuk] [Bercakap dalam bahasa Cina] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Cakap bahasa Malaysia dengan baik-baik ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey. Sebenarnya Dato' Jerai, kita semua pun, seluruh Parlimen pun bersimpati dengan apa yang dihadapi oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah kerana berjalan kaki tersebut.

Akhirnya sebagai kesimpulan, penutup, kepada pihak kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri, walau apa pun peranan perbadanan ini, sama ada menjadi pengawas, penyelia atau akan menubuhkan syarikat, yang pastinya saya harap supaya segala masalah tentang sampah-sarap, tentang pelupusan sampah dapat diselesaikan dan dalam masa yang sama, pengguna tidak dibebankan. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai lagi hendak berucap. [Disampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jerai jangan bagi dia cakap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita semalam, pagi ini, memang sudah dua hari, jadi saya hendak tumpukan supaya ucapan Yang Berhormat tumpukan kepada rang undang-undang ini. Jadi saya cadangkan kalau 10 minit pun lebihlah. Yang Berhormat...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta lima minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, tunggu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...kerana mengizinkan saya untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya berikan peluang kepada...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tangga Batu kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepada Baganlah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oh, saya ingat Tuan Yang di-Pertua sebut Tangga Batu tadi. [Ketawa]

4.17 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbahas berkenaan dengan perbadanan ini. Saya mendapati bahawa cara yang diguna pakai sekarang oleh PBT ialah kawasan-kawasan dizonkan dan diswastakan kepada syarikat-syarikat individu untuk menjaga, memungut, membersihkan semua jalan-jalan, longkang-longkang, parit, potong rumput dan memungut sampah-sarap. Sampah-sarap dikutip sekali

dalam dua hari, tiga minggu sekali memotong rumput, cuci longkang sekali seminggu, akan tetapi jadual ini tidak dipatuhi dan genap satu bulan, upah bulanan dibayar oleh PBT kepada kontraktor-kontraktor juga.

Kenapa PBT tidak ada orang atau inspektor kesihatan atau mandur untuk menjalankan pemantauan. Kalau didapati bahawa kontraktor tidak mematuhi jadual kerja atau kerja tidak memuaskan, maka bayaran bulanan kepada kontraktor perlu dipotong upahnya mengikut kadar-kadar tertentu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak menteri, sekiranya rang undang-undang ini diluluskan dan nanti akan dikuatkuasakan, bagaimanakah kawal selia, pemantauan oleh pihak-pihak tertentu ke atas kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya bahawa sisa-sisa masakan di kedai makan seperti minyak yang telah dipakai, saki-baki makanan, mereka terus curah ke dalam longkang. Saya baca dalam surat khabar ini bahawa McDonalds di England, mereka mempunyai 155 buah van dan lori penghantar dan mereka menggunakan minyak-minyak selepas pakai sebagai *biofuel* untuk menjalankan lori-lori mereka ini. Masalah sekarang ialah sisa-sisa, minyak-minyak masak dari kedai makan dicurahkan dalam longkang sahaja.

■1620

Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mereka ini? Mengapa kerajaan tidak menjalankan satu kempen menggunakan beg membeli-belah (*shopping bag*) dengan izin, yang mesra alam. Beg-beg plastik dan kotak-kotak *polyfoam* yang tidak boleh *degradable*, dengan izin banyak dipakai pada masa sekarang. Mengapa tidak menggalakkan penggunaan beg kertas seperti dahulu atau daun pisang seumpamanya untuk menggantikan beg plastik. Saya agak ini boleh dijalankan dengan mengenakan cukai yang lebih tinggi ke atas bahan-bahan plastik iaitu beg plastik dan lain-lainnya.

Juga terdapat ramai yang duduk di tepi sungai atau di tepi laut, jadi di manakah sampah-sampah mereka ini dibuang. Saya dapati di muka air lautan banyak sampah terapung-apung. Ini membuktikan bahawa penduduk-penduduk di tepi sungai dan pantai perlu diambil kira dalam membersihkan sampah sarap ini. Selama ini di kawasan Butterworth tiada orang mengambil peduli tentang kebersihan pantai atau tepi sungai melainkan tempat-tempat pelancongan seperti di Pulau Pinang di mana ada orang membersihkannya, tetapi di tempat saya ini langsung tidak ada orang peduli.

Akhirnya, katakanlah ada orang individu atau persendirian sudah membina rumah atau mengubahsuai rumah, maka sisa-sisa pepejal pembinaan itu hendak dibuang. Di kawasan saya, pembuangan sisa-sisa adalah di Ampang Jaya iaitu satu *transfer station*, dan dari *transfer station* ini dibawa ke Pulau Burung kira-kira 60 kilometer jauhnya. Bagaimanakah orang individu hendak membuang sisa-sisa ini dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu cara dan juga kadar caj untuk membuang sisa-sisa sebegini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jasin dua hari yang lepas tidak dapat peluang. Silakan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai duduk dululah, bantu saya kawal keadaan. Akhir sekali jika ada masa saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Jerai.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan saya penuh yakin dan percaya dengan adanya rang undang-undang ini dan rang undang-undang yang baru lepas. Kita menghadapi masalah berkenaan dengan sisa-sisa pepejal dan pembersihan awam yang begitu teruk sekali.

Kalau kita lihat dari segi sejarah, sebelum kerja-kerja ini diswastakan, ketika dulu dijalankan oleh majlis daerah ataupun majlis perbandaran sendiri dan kita lihat ketika itu tidak berapa banyak masalah, kerana tiap-tiap majlis daerah dan juga majlis perbandaran dia mempunyai pekerja am rendah. Kemudian pekerja am rendah yang kerja mengangkat sampah ini dia mempunyai seorang mandur mengawasi pekerja-pekerja ini. Apabila sudah ada mandur dia ada *overseer* pula lagi, seorang kerani rendah untuk mengawas mereka ini.

Biasanya dulu, orang yang kerja mengangkat sampah ini apabila diawasi oleh mandurnya, selesai sahaja kerja mengangkat sampah mereka akan mencuci longkang. Pekerja yang sama. Yang saya hairan, dulu, kita lihat di bandar-bandar kita, di kawasan-kawasan kita, apabila majlis daerah meluluskan pelan-pelan pembangunan, kita dapati bahawa longkang-longkang itu disediakan *sandpit*. Beberapa meter longkang ada *sandpit*, yang mana pasir-pasir itu akan masuk ke dalam *sandpit* dan pekerja-pekerja ini akan mengeluarkan pasir, tetapi di akhir-akhir ini kita lihat banyak di antara longkang-longkang di majlis perbandaran mahupun di Wilayah Persekutuan ini tidak ada *sandpit*. Itulah sebabnya kita lihat baru-baru ini bandar raya dan juga bandar-bandar kita ini mudah banjir, Tuan Yang di-Pertua.

Kita lihat bandar raya satu hari 400,000 - 500,000 kenderaan. Kalau satu kenderaan bawa pasir ke Kuala Lumpur ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh kaitkan perkara ini dengan perbadanan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ada, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita hendak minta supaya perbadanan ini akan memandang kepada soal ini yang lebih baik kerana dulu kita lihat pekerja ini keluarkan pasir daripada situ, tetapi sekarang sudah tidak buat lagi.

Apabila diswastakan pula kerja ini kepada - kalau di selatan Southern Waste, sebelah utara Northern Waste dan di kawasan tengah ini kepada Alam Flora, saya lihat hanya jalan-jalan

protokol sahaja yang dibersihkan. Kalau di Kuala Lumpur, Jalan Tuanku Abdul Rahman sahaja yang dibersihkan, tetapi lorong-lorong yang di belakang Jalan Tuanku Abdul Rahman, dua tiga lorongnya kalau kita lihat amat mendukacitakan.

Saya semasa *attend* Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua, pagi-pagi saya selalu pergi *jogging* dekat kawasan Pan Pacific. Kalau tengok di bawah jambatan itu dan lorong-lorong di tepi itu amat mendukacitakan seolah-olah tidak berusik langsung sampah sarapnya tetapi jalan protokol, Jalan Putra itu, *yes number one*, memang cantik, memang bersih tetapi kalau masuk lorong, masya-Allah!

Jadi kita berharap dengan tertubuhnya Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini ambil kira semuanya ini. Pada hari ini kita lihat Kuala Lumpur ini mudah banjir kerana longkang-longkang ini, kalau dulu longkang-longkang *very open* longkang, longkang yang terbuka tetapi sekarang ini longkang yang tertutup. Jadi, kalau pasir dan sampah sarap tersumbat dalam longkang ini orang tidak boleh lihat - dengan mata kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Datuk, Datuk, baru...enjin diesel, Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua ini sudah dibangkitkan semalam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Semalam tidak ada can, Tuan Yang di-Pertua, hari inilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi Ahli Yang Berhormat yang lain telah membawa perkara ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya berharap supaya dengan adanya perbadanan ini tidak adalah timbul masalah lagi dan saya berharap kontraktor pun tidak ada alasan lagi. Ini kerana pada hari ini kalau kita lihat kebanyakan lori yang mengangkut sampah ini amat mendukacitakan. Kadangkala dia pula tukang merata-ratakan sampah, dia pula yang 'menyampahkan' lagi kawasan bandar kita. Bukan kata dia membersihkan tetapi dia menambah kepada sampah yang ada kerana lori-lori ini buruk dan sebagainya.

Oleh yang demikian kita berharap, dengan penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini, masalah ini kita harap janganlah timbul lagi dalam keadaan negara kita menyambut 50 tahun merdeka - kita sudah merdeka 50 tahun pastinya lebih baik daripada dulu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat. Tangga Batu. Apa yang telah dibangkitkan tidak perlu diucap lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kepong kerana berdiri. Yang Berhormat Kepong saya hendak bercakap.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Duduk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ha, sudah duduk baru saya boleh bercakap. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Rang Undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini akan memberikan satu suasana yang untung-untung (*win-win*) kepada bukan sahaja pihak berkuasa tempatan, pihak kerajaan bahkan kepada pihak kontraktor, pihak yang akan menerima perkhidmatan dan sebagainya. Dalam proses ini, Tuan Yang di-Pertua, kita kena melihat secara terperinci bagaimanakah pelaksanaan tadi boleh memanfaatkan kepada PBT-PBT yang miskin. PBT yang miskin ini Tuan Yang di-Pertua, masalahnya tidak akan selesai. Kalau pendapatannya satu tahun RM5 juta yang pastinya PBT ini akan tetap berhutang. Pihak menteri ada menjanjikan yang pihak Kerajaan Persekutuan akan membantu PBT-PBT yang miskin ini tetapi sampai bilakah kita perlu membantu mereka, maka saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya melihat bagaimana satu proses yang produktif iaitu tentang pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan dan cekap.

Umpamanya pasar-pasar borong yang terdapat di PBT-PBT yang kecil ini mengeluarkan hasil-hasil ikan, sisa, daging, tulang dan sebagainya, kita cadangkan supaya setiap pasar-pasar borong ini dibina satu kilang memproses baja dan baja ini pula boleh dijual di pasaran dengan harga yang berpatutan di pasaran dan boleh mendatangkan pendapatan kepada majlis-majlis tempatan yang miskin ini. Ini kerana sampah sisa pepejal ini akan ada tiap-tiap hari dan mereka sedang mencari ruang bagaimana hendak melupus dengan cara yang baik daripada ia dibiarkan terbakar menjadi asap di udara, lebih baiklah kita menjadikan ia satu proses yang produktif dengan mengadakan *combine cycle*. Sisa pepejal diproses dijadikan baja, tanam bunga dan bunga ini ditanam di majlis-majlis tempatan, pihak berkuasa tempatan supaya negara kita menjadi indah dan berseri.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sebutkan di sini ialah walau pun saya sudah sebut tentang sikap kontraktor-kontraktor atau pemegang-pemegang lesen ini, pihak perbadanan berikan perhatian. Pemegang lesen ini sedang menggunakan berbagai-bagai kaedah dan cara untuk menganiayai kontraktor-kontraktor yang kecil di bawah sana.

Ada di antara kontraktor yang kecil ini dikenakan tahanan selama 12 bulan Tuan Yang di-Pertua. 12 bulan, jadi bayangkan bagaimana kontraktor kecil ini boleh melaksanakan tugas mereka dan mereka didesak tiap-tiap hari untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, ketiga?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, macam mana saya hendak bagi satu perbahasan yang terbaik kalau Tuan Yang di-Pertua ganggu saya macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang bagus. Memang bagus.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta Ahli Parlimen berbahas dengan baik, kalau Tuan Yang di-Pertua kacau susah saya hendak baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kacau... ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang akhir sekalilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Kepong berdiri, sila. Ada apa hendak tanya Yang Berhormat Kepong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia bukan tanya, dia ingat Yang Berhormat sudah cukup.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Belum. Berkenaan dengan perbadanan juga perlu memberikan satu pandangan ataupun nasihat berupa rundingan kepada pihak yang ingin mendirikan *incinerator* perlu ada suatu garis panduan dari perbadanan bagi menasihatkan pihak-pihak pemegang lesen yang ingin berhubung dengan pemeroses-pemeroses sisa pepejal ini di mana saya dapati *incinerator* ini adalah suatu idea yang baik, yang bernas yang boleh meletakkan negara kita sama dengan negara maju di dunia tetapi pelaksanaannya perlulah mengambil kira keperluan-keperluan setempat, sensitiviti di mana kawasan-kawasan yang mungkin tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan pelupusan sisa pepejal yang cekap dan berkesan ini akan menjadi suasana yang *chaos* atau yang tidak terkawal.

Teknologi-teknologi tinggi seperti teknologi plasma, bakar pepejal hingga menjadi abu kemudian ditukar kepada sumber tenaga yang baru adalah merupakan ciri-ciri yang kita galakkan dan perbadanan seharusnya meletakkan ini sebagai agenda utama kerana lama-kelamaan tanah di negara kita ini Yang Berhormat Menteri, akan habis, hendak buat tapak pelupusan pun sudah tidak ada, jadi inilah teknologi yang perlu kita bersedia menghadapinya di masa hadapan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau.

4.33 ptg

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut sama membahaskan rang undang-undang PSPA pada petang ini. Saya yakin dengan tertubuhnya perbadanan ini, usaha-usaha kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat khususnya dalam usaha untuk mewujudkan suasana alam sekitar yang lebih baik di peringkat PBT akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan memuaskan dan dalam masa yang sama dapat mewujudkan suasana yang ceria, bersih dan cantik.

Saya cuma hendak memberikan beberapa pandangan, soal keanggotaan perbadanan. Saya cadangkan seperti yang telah disebutkan oleh Sungai Petani tadi seharusnya ditambah lagi bilangan daripada sembilan kepada sekurang-kurangnya 12 dengan memasukkan wakil daripada kerajaan-kerajaan negeri. Saya bukanlah bermaksud untuk supaya setiap 14 negeri itu ada wakil tetapi mungkin kita boleh bahagikan mengikut kawasan. Ini selaras dengan semangat perlembagaan negara yang mana soal kebersihan ini adalah dalam senarai bersama dalam Jadual ke-9 kepada Perlembagaan Persekutuan.

Dengan adanya penyertaan daripada kerajaan-kerajaan negeri dalam perbadanan ini, pandangan-pandangan daripada kerajaan negeri akan boleh diambil kira dalam melaksanakan sesuatu dasar dan juga program yang melibatkan rakyat daripada peringkat akar umbi. Saya hendak cadangkan supaya perwakilan daripada kerajaan negeri ini misalnya dipilih mengikut zon, Kelantan, Terengganu, Pahang mungkin kita boleh pilih daripada Pahang atau Terengganu dan kemudian sebelah Selatan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, kita boleh pilih Johor atau Melaka. Kemudian sebelah tengah dan utara, kita boleh pilih satu negeri.

Mungkin kita boleh gilir-gilirkan tiap-tiap dua tahun, sebab saya difahamkan tempoh pelantikan anggota perbadanan ini ialah untuk tempoh enam tahun iaitu tiga penggal berturut-turut. Dalam masa yang sama juga saya mencadangkan supaya tiga wakil daripada anggota lain seperti di para 5(g) itu juga dimasukkan mungkin daripada NGO, para akademik dan juga industri supaya dengan itu penyertaan dalam keanggotaan itu lebih menyeluruh, mengambil kira pandangan semua pihak dalam merangka sesuatu dasar yang melibatkan masyarakat setempat.

Saya juga hendak mencadangkan ... saya lihat di negara kita ini soal apa juga soal penyenggaraan, soal *maintenance* mentaliti itu masih lagi belum sampai ke tahap kelas pertama. Sebab itu saya hendak cadangkan kalau boleh di peringkat PBT atau daerah diwujudkan satu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Pemeliharaan Alam Sekitar yang lebih luas bukan setakat sisa pepejal sahaja tetapi lebih luas yang merangkumi alam sekitar juga dan keanggotaan jawatankuasa ini ialah termasuk kalau boleh Ahli Parlimen sebagai Pengerusi dan termasuk wakil-wakil NGO, wakil-wakil PBT dan diurus setiakan oleh PBT sendiri ataupun pegawai daripada PPSA tadi untuk merancang, memantau, memberi maklumat balas kepada perbadanan ini tentang program-program pemeliharaan alam sekitar termasuk juga soal kebersihan dan juga pengurusan sisa pepejal dari semasa ke semasa supaya dengan itu rungutan rakyat akan dapat tindakan yang lebih cepat.

Kita sedia maklum soal pungutan sampah dan juga pengurusan sisa pepejal ini sebenarnya dia lebih berupa perkhidmatan yang di peringkat akar umbi dan sebab itulah kalau boleh saya juga hendak mencadangkan dalam pelantikan pegawai-pegawai untuk perbadanan ini juga dipertimbangkan pegawai-pegawai yang difikirkan sesuai dan berpengalaman daripada PBT sendiri iaitu mungkin ada kakitangan *technician* dan sebagainya yang boleh diambil sebagai

kakitangan selain daripada kakitangan baru. Mereka yang ada ijazah untuk pihak pengurusan dalam bidang-bidang sains, kejuruteraan dan sebagainya.

Dari segi pendekatan untuk melaksanakan program pengurusan sisa pepejal ini saya hendak cadangkan juga supaya kalau boleh untuk kita mendapatkan sokongan daripada semua pihak dengan izin *to win the heart and mind* sebab saya nampak yang terlibat ini ialah PBT sendiri dan juga rakyat terbanyak iaitu pengguna. Di pihak PBT saya difahamkan adalah mereka yang mungkin ragu-ragu dengan penubuhan perbadanan ini mungkin mereka menganggap akan mengambil kerja sebahagian daripada kerja mereka tetapi saya rasa PBT yang kecil seperti majlis-majlis daerah, tentunya akan menyokong penubuhan perbadanan ini sebab secara langsung atau tidak langsung akan mengurangkan beban mereka sebab selama ini seperti kata Tangga Batu tadi kebanyakan PBT termasuk PBT di tempat saya di Rembau, Negeri Sembilan itu kecuali Majlis Bandaran Nilai, Seremban dan PD, yang lain itu semua kecil-kecil yang terpaksa bergantung kepada sumbangan peruntukan daripada Kerajaan Pusat setiap tahun.

Kadang-kadang untuk hendak dapat gaji, hendak bayar gaji pun tidak cukup peruntukan sebab ramai yang tidak bayar cukai pintu dan sebagainya. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, taklimat tadi saya cadangkan supaya dibuat kepada kerajaan-kerajaan negeri oleh pihak kementerian bersama agensi yang lain untuk menerangkan tentang rasional, sebab dan tujuan penubuhan perbadanan ini dan dalam masa yang sama juga dibuat *road show* di mana taklimat juga diberikan kepada semua PBT, semua pengurusan dan kakitangan PBT dan akhirnya diadakan majlis dialog dengan rakyat terbanyak, sekurang-kurangnya satu majlis dialog di setiap daerah ataupun PBT sebelum pengambilalihan tugas ini dijalankan sepenuhnya oleh perbadanan ini.

Seperkara lagi yang saya hendak sentuh ialah soal pelaburan. Saya hendak cadangkan, kalau boleh dalam perkara 33 yang disebut itu sebagai wang perbadanan boleh dibelanjakan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh menteri dan Menteri Kewangan.

■1640

Saya mencadangkan supaya pelaburan itu tidak merugikan, supaya ditubuhkan satu panel pelaburan yang dianggotai oleh mereka yang profesional dalam bidang berkenaan termasuk *investment manager* yang ada di pasaran, supaya dengan itu apa-apa wang yang dilaburkan oleh perbadanan akan dapat pulangan yang berpatutan dan tidak merugikan.

Kemudian dari segi akaun dan laporan perkara 37, saya cadangkan supaya dalam bab itu disebut, "... laporan hendaklah disediakan seberapa segera, tidak ada *time frame*." Saya cadangkan kalau boleh, maknanya oleh kerana tahun kewangan berakhir pada 31 Disember, seboleh-bolehnya laporan kewangan hendaklah disiapkan dalam tempoh tiga bulan berikutnya, maknanya sebelum akhir bulan Mac.

Selain daripada itu saya juga hendak mencadangkan perkara 37(2) supaya diwujudkan juruaudit dalaman, supaya dengan itu sebelum dipanggil juruaudit luar sekurang-kurangnya ada

check and balance dalam perbadanan itu sendiri. Dengan itu tidak akan timbul salah guna ataupun penyelewengan di masa akan datang.

Akhir sekali saya berharap supaya perbadanan dapat menubuhkan pejabat-pejabat cawangan di peringkat PBT, di peringkat daerah. Ini penting sebab saya katakan tadi, sebab hendak berkhidmat yang berkesan, soal kutipan sampah dan juga sisa pepejal tadi, pegawai-pegawai *underground*...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih saya hendak *check in* sedikit sahaja, tidak payah berucap. Berkaitan dengan keberkesanan, saya sangat bersetuju supaya dalam konteks keanggotaan jawatankuasa perbadanan ini saya harap orang-orang yang mahu dan tahu harus dipastikan untuk mereka berada di situ. Kerana daripada pengalaman yang lepas dalam majlis kita tengok orang yang berada di situ sebenarnya diletakkan di situ atas pilihan tertentu tapi sebenarnya dia tidak tahu mengenai peranan dan tugasnya. Apa pandangan Yang Berhormat supaya mereka yang sama ada menjadi anggota tambahan kepada perbadanan ataupun jawatankuasa dipilih berdasarkan kepada kriteria khusus, dia boleh menyumbang kepada keberkesanan agenda ini.? Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih, saya bersetuju penuh 110% dengan cadangan Yang Berhormat Sabak Bernam. Jadi, tentang soal penubuhan pejabat cawangan saya hendak cadangkan supaya yang penting di peringkat PBT, di peringkat negeri tidak begitu penting. Cuma lebih kepada soal *liaison* atau hubungan dengan kerajaan negeri sahaja. Di peringkat PBT untuk menjimatkan kos dan juga masa mungkin perbadanan boleh memikirkan untuk menyewa pejabat di PBT itu sendiri.

Misalnya di Rembau, kita ada pejabat Dewan Majlis Daerah jadi tidak perlu sewa bangunan baru, tidak perlu buat bangunan baru, sewa di situ sahaja dan ditempatkan tiga atau empat pegawai supaya apa juga aduan daripada rakyat, boleh diambil tindakan dengan cepat. Jadi dengan itu, rakyat akan melihat adanya perbadanan ini, khidmat yang diberikan lebih baik dan berkesan seperti mana yang dihasratkan oleh kerajaan. Dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Ucapan Yang Berhormat adalah berhubung kait dengan rang undang-undang ini. Tahniah.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Gajah.

4.43 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bangkitkan beberapa perkara dengan rang undang-undang ini. Kita telah luluskan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang amat berkaitan rapat dengan perbadanan rang undang-undang yang kita bahas ini.

Seksyen 4 dalam Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal, memberi Kerajaan Persekutuan untuk membuat perjanjian dengan mana-mana orang yang akan menguruskan, mengusahakan, mengendalikan aktiviti berkenaan dengan sisa pepejal. Perbadanan pula, Menteri mempunyai kuasa bahawa seksyen 30(2), Menteri boleh memberi kuasa kepada perbadanan untuk menutup, memungut dan menyimpan caj dan *fees* daripada pemunya, penghuni, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana orang lain.

Yang saya prihatin ialah berkenaan dengan perjanjian. Perjanjian yang bakal dibuat atau yang telah ditandatangani dengan konsesi atau mana-mana syarikat. Saya rasa ia tidak boleh diklasifikasikan OSA. Ia mestilah diberitahu kepada orang ramai. Maklumat untuk orang ramai, sebab kita perlu tahu sekiranya undang-undang memperuntukkan bahawa di masa akan datang, ada satu caj atau *fees* kerana undang-undang memperuntukkan menteri mempunyai kuasa itu. Walaupun menteri ada kata, kita jangan fokus dengan caj itu sahaja, kita fokus dengan pengurusan. Kalau sedemikian kita boleh batalkan caj, batalkan seksyen yang memperuntukkan caj ini.

Jadi saya hendak tanya menteri. Apakah menteri sudi, biar ada ketulusan dalam aspek penswastaaan, pengurusan sisa ini, perjanjian dengan konsesi ini menjadi satu dokumen untuk orang ramai, dokumen umum dan tidak diklasifikasikan sebagai OSA atau sulit?

Seksyen 9, kuasa Menteri melantik pengerusi di bawah seksyen 5 dan wakil-wakil yang lain juga tidak lebih 3 orang anggota lain jadi anggota perbadanan. Seksyen 9 memperuntukkan Menteri boleh membatalkan pelantikan pengerusi dan 3 tiga anggota lain yang dilantik yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan tanpa apa-apa sebab kalau jawatan mereka dibatalkan. Mengapa sedemikian? Mengapakah kedudukan seorang pengerusi dan tiga anggota yang dilantik menteri itu boleh dibatalkan bila-bila masa dan tidak perlu beri apa-apa sebab? Mengapa kuasa menteri diperuntukkan begitu kuat sekali? Macam kedudukan pengerusi dan tiga anggota yang berpengalaman ini di atas jasa baik Yang Berhormat Menteri.

Mana ada ketulusan dan keberanian boleh diberi oleh pengerusi dan 3 orang wakil yang lain, yang berpengalaman untuk memberi pandangan, memberi kritikan kepada sebarang pengurusan perbadanan ini, kepada menteri. Jadi saya hendak tahu sebab mengapa memperuntukkan menteri boleh batalkan pelantikan tanpa beri apa-apa sebab ke atas pengerusi perbadanan dan tiga anggota lain yang akan dilantik.

Satu seksyen lagi, seksyen 19 Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi perbadanan arahan yang bersifat am, yang selaras dengan peruntukan akta. Saya rasa kuasa

ini terlalu luas kepada Menteri. Kalau Menteri kata ini penswastaaan agar ia lebih efisien, apakah beza kalau kita tidak ada rang undang-undang ini? Kalau sebab ambil kuasa, sebab ini sudah ada dalam *congruent list*. Sebab menteri boleh bila-bila masa menjalankan tanggungjawabnya dalam *congruent list*. Jika sedemikian, mengapa masih lagi memperuntukkan seksyen 19(2)? Sebenarnya saya mahu tahu mengapa perlu lagi ada kedua-dua rang undang-undang ini?

Ini perkara yang lain. Saya hendak tahu apakah pengiktirafan khasnya untuk penubuhan perbadanan dan jangkaan setiap tahun berapa peruntukkan akan diberi kepada perbadanan ini untuk menjalankan tanggungjawabnya di bawah rang undang-undang ini. sebab ada seksyen di bawah ini mengatakan perbadanan akan menerima ada satu kumpulan wang yang ditubuhkan dan boleh menerima peruntukan dar Parlimen. Jadi jangkaan, sekurang-kurangkan berapa, untuk mengiktiraf perbadanan ini.

Saya amat terharu kalau kita semua sudah bangkitkan dengan begitu kecewa dan kesal dengan perkhidmatan sedia ada yang diberi oleh PBT, tubuh perbadanan, mahu undang-undang pengurusan sisa pepejal ini diadakan agar satu efisiensi disediakan untuk orang ramai, tapi seksyen 24 pula memperuntukkan perbadanan memberi pinjaman, memberi biasiswa kepada pekerja dan pegawai. Bukankah ini telah lari dari fokus sebenar perbadanan? Memberi pinjaman, memberi biasiswa, memberi wang pendahuluan kepada pegawai dan pekerjanya.

Sebab perbadanan ini bakal menerima peruntukan daripada Parlimen. Jadi saya hendak satu ketulusan dan satu jaminan daripada kementerian, daripada Yang Berhormat Menteri bahawa jangan disebabkan kelemahan dalaman perbadanan sendiri dari segi pengurusan kewangannya, yang akhirnya membabitkan keperluan penambahan atau keperluan pemberian peruntukkan yang banyak untuk membolehkan perbadanan menjalankan tugasnya.

■1650

Perbadanan boleh tubuh syarikat, *it is a business domain*, atau benar-benar untuk menjalankan tanggungjawab sosial dan asas untuk orang ramai. Jadi saya persoalkannya, kalau nak buat perniagaan - buat perniagaan. Kalau nak jadi Jabatan Kebajikan, jadi Jabatan Kebajikan. Jangan lari pula, kalau ada peruntukkan perbadanan boleh bagi pinjaman, boleh bagi derma. Saya mohon penjelasan dalam aspek ini.

Begitu juga seksyen 40, setiap kali apabila ada masalah kelemahan, kelalaian atau kegagalan dalam apa-apa projek pun apa-apa keputusan yang dibuat, tak ada orang bertanggungjawab punya. Akhirnya orang ramai yang kena buat ganti rugi dengan duit mereka, yang mereka bayar cukai.

Kita boleh tengoklah bangunan bocor, Parlimen, Mahkamah Jalan Duta, Putrajaya, Indah Water dan hospital. Jadi pihak kementerian ini ada memperuntukkan dalam rang undang-undang seksyen 40, di mana tiada apa-apa prosiding boleh diambil terhadap kegagalan dan peninggalan serta keabaiannya yang dijalankan terhadap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ..mana-mana perbadanan kalau mereka ada kelalaian. Tengok Highland Towers kerana imuniti ada diberikan, jadi mereka tidak salah dalam aspek itu keputusan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, *last* sekali. Seksyen 41 kita melibatkan orang ramai bersama-sama menjayakan sistem pengurusan sisa ini, tapi segala perbincangan diperuntukkan dalam seksyen ini mesyuarat yang dijalankan oleh perbadanan ini adalah rahsia, Obligasi Kerahsiaan! Jadi mengapa demikian?.

Mengapa tidak boleh adakan satu sistem yang lebih telus melibatkan orang ramai kalau kita mahu keadaan di perbaiki, kalau kita mahu jayakan harapan, impian dan hala tuju Yang Berhormat Menteri dalam pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien. Kita sokong! Tapi ini seksyen 41 Obligasi Kerahsiaan.

Semalam saya ada bangkitkan ketua pengarah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri, perbadanan pengerusi juga oleh menteri dan saya boleh lihat rang undang-undang semalam dan sekarang ada kaitan dengan perbadanan. Setiap keputusan oleh ketua pengarah nampaknya perbadanan boleh kemudiannya mengeluarkan syor-syor atau syarat-syarat tambahan. Sebagai contoh kelulusan diberi oleh ketua pengarah lepas itu perbadanan boleh bagi syor-syor tambahan, syarat-syarat tambahan.

Jadi mengapa perlu tambahan begitu banyak *redtape*, siapa berkuasa? Perbadanan bagi perbadanan, ketua pengarah bagi ketua pengarah. Pada hal dua-dua pun dilantik oleh menteri, mengapa tanpa *redtape*? Pohon lesen pun, pantau lesen pun, ini dua-dua boleh bila-bila masa perbadanan boleh meminta lesen yang telah diluluskan oleh ketua pengarah untuk mengkaji semula keputusan ketua pengarah.

Jadi ini meletakkan pemegang-pemegang lesen ini tidak tentu hala, saya rasa dan lebih banyak *redtape*. Permohonan diserahkan kepada perbadanan kelulusan oleh ketua pengarah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ..tapi kedua-dua pihak boleh bila-bila masa tambah apa-apa syarat. Ini yang saya nampak banyak *redtape*, dua pihak kedua pengarah bawah jabatan, perbadanan bawah perbadanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Salah satu *plan* melibatkan dua-dua pihak ini. Jadi saya pohon perkara-perkara yang saya bangkitkan itu, satu penjelasan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai ya, Pasir Puteh.

4.55 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi menunggu menjawab, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya kasihi.

Saya ambil satu sahaja seksyen 39 - Perkhidmatan Awam, fungsi kepada anggota ini perbadanan mana-mana jawatankuasa, pegawai pekerja dan agen perbadanan hendaklah disifatkan sebagai perkhidmatan awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan 574.

Saya amat yakin Tuan Yang di-Pertua, apabila lulusnya rang undang-undang ini dinamakan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Saya akan melihat bandar raya contoh yang bertaraf *world class*. Kita nak tengok Bandar raya Kuala Lumpur *world class*, bukan sahaja sampah sarap, bukan sahaja sungai bersih antara pertembungan Sungai Klang dan Sungai Gombak tapi kita nak tengok juga lorong-lorong bersih.

Saya tidak mahu tengok lagi Lorong Haji Taib tidak lagi bersih, saya tidak mahu lagi Lorong Haji Hussein tidak bersih, ini juga saya kira sampah sarap yang boleh membawa...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh minta jalan sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Allah. Baru nak panas enjin. Saya kalau Pengkalan Chepa, saya terpaksa bagilah Tuan Yang di-Pertua tapi minta *throw to the point*.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya, bersih ini bersih daripada apa? Sampah sarap ke, maksiat ke ataupun bersih daripada apa?.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu tempat dekat dengan ibu pejabat PAS ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh, Seputeh!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Maksud saya bersih tadi itu Yang Berhormat Pengkalan Chepa, kita nak aman dan harmoni, hidup dalam suatu kawasan bandar, sebab itu kita wujud undang-undang ini! dulu bersih juga tapi tidak bersih semua.

Saya yakin kalau kita gunakan *method* perkhidmatan awam 'Bersih, Cekap, Amanah' dalam melaksanakan tanggungjawab, insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat apakah cadangan untuk kerajaan?.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya cadangkan bahawa apa yang ada nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam termasuk Tonggak 12 yang diperkenalkan oleh KSN dulu ataupun sekarang, dan juga nilai-nilai universal yang telah diterima oleh semua masyarakat majmuk dalam masyarakat Malaysia ini *multi-racial, multi-religious, multi-culture*.

Maka nilai-nilai murni tidak bercanggah, saya nak supaya diterapkan apabila pelaksanaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Akhir sekali, kita nak supaya semua kakitangan-kakitangan yang kita lantik ini mesti cari yang kuat iman, yang telus dan integriti. Kita sebut integriti ini, kita nak supaya diterapkan. Jikalau tidak saya bimbang, hantar duit ke PBT, duitnya habis tunjuk dalam laporan tahunan zero tetapi bandar masih kotor.

Hari ini pun kita dapat begitu Tuan Yang di-Pertua, saya sedih. Saya tengok bukan sahaja di Kelantan, semua negeri kita belum puas hati soal *survival* dalam masyarakat di bandar ini masih lagi banyak kena sisa-sisa toksik.

Saya sendiri pun baru ini terhidu, tapi saya tak masuk hospital. Jikalau saya masuk hospital, gambar besar keluar. Saya terpaksa mengubati diri saya sendiri, selain daripada makan ubat, saya baca doa, Alhamdulillah selamat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup Yang Berhormat, baik.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasar Puteh]: Maka saya amat menyokong undang-undang ini supaya dapat kita lulus, walaupun ada pembangkang tidak berapa setuju, kita lulus. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Minta penjelasan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa perkara yang saya nak sentuh dalam Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini.

Pertamanya kita tahu tugas utama PBT sebenarnya adalah untuk merancang pembangunan sesuatu kawasan perbandaran, di mana asal penubuhan adalah untuk membersihkan bandar dan kediaman rakyat. Dari itulah PBT asalnya di namakan *Sanitary Board*, rakyat sebenarnya berhak untuk mendapatkan dari segi keselesaan hidup, suasana yang aman dan juga suasana yang bersih dalam persekitaran mereka.

Antara perkara yang tergolong dalam agenda bersama PBT dan kerajaan adalah untuk membebaskan rakyat dari masalah kacau ganggu yang saya sebut pagi tadi dari segi bau, bising dan juga pencahayaan yang begitu menyesak mata dan juga menjahanamkan penglihatan.

■1700

Ini perlu diberi perhatian dalam pembangunan sebuah PBT sebab cukai yang dipungut daripada rakyat adalah untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut. Selain daripada pengurusan sisa pepejal, perbadanan ini juga perlu memberi perhatian kepada keselamatan dalam PBT. Kalau disemak Akta 171 keselesaan dan keselamatan merupakan satu aspek yang cukup penting kerana kalau rakyat merasa selamat dan selesa mereka tidak merasa keluh kesah apabila membayar cukai pintu dan juga cukai-cukai yang lain.

Mewujudkan kawasan kemudahan untuk rekreasi padang permainan yang bersih dan terjaga dengan landskap yang menyejukkan mata memandang. Ini merupakan satu yang pasti dan perbadanan ini diharap dapat menuju ke arah itu. Sebenarnya peranan PBT dalam *maintenance* dan juga *planning* ini merupakan satu *core business* bagi mereka. Sebab itulah kita tidak boleh menyerahkan seratus peratus kepada syarikat-syarikat konsesi yang bakal dibentuk kerana PBT juga mempunyai tanggungjawab terhadap masalah *maintenance and*

planning. Sebab kalau *planning* tidak betul maknanya longkang pun sudah tersumbat dan banjir kilat akan terus berlaku di mana-mana juga PBT tersebut.

Cuma apa yang saya hendak tahu apakah dengan terlaksananya Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini, maka Akta 171 akan menjadi *redundant* dan tidak berfungsi lagi terutamanya pada Bahagian IX iaitu mengenai kebersihan yang dikendalikan oleh pegawai kesihatan atau juga pegawai perubatan. Sebenarnya kewujudan pengerusi perbadanan dan pegawai yang boleh membuat keputusan sudah pasti akan melibatkan percanggahan tugas di antara pegawai-pegawai di PBT seperti Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua.

Ini sudah pasti akan melibatkan *conflict of interest*. Pengalaman yang ada di dalam Alam Flora dan Southern Waste ini merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh perbadanan ini kerana kita tidak mahu ada mereka-mereka yang akan jatuh ke dalam lubang yang sama sebanyak dua kali.

Kemudian dalam rang undang-undang ini sendiri kita lihat penggunaan perkataan perbadanan adalah kekal turun-temurun. Jadi saya rasa ini agak tidak sesuai digunakan kerana kalau kita kata turun-temurun ini maknanya benda itu akan kekal selama-lamanya seolah-olah ianya tidak akan habis, tidak akan musnah, tidak akan hilang. Kita tidak mahu perkara-perkara ini berlaku walaupun dalam istilah-istilah undang-undang kita.

Satu lagi adalah antara anggota perbadanan. Sekiranya seorang anggota perbadanan itu mengisytiharkan kepentingan beliau dalam perbadanan, menteri tidak semestinya memberhentikan beliau dari terus menjadi anggota. Jika ini berlaku sudah pasti ia akan menjejaskan perjalanan perbadanan itu seperti mana yang pernah berlaku kita lihat kes Datuk Z misalnya di Klang. Sekiranya menteri tidak berhak untuk memberhentikan beliau jika sekiranya ada masalah dalam perbadanan tersebut, maka sesuatu perkara yang buruk akan berlaku dalam perbadanan ini.

Kemudian, berhubung dengan pengosongan jawatan kerana perlakuan yang memburukkan nama perbadanan harus diberi perhatian serius dalam perkara ini kerana selama ini pun jika perangai buruk dalam PBT jarang kita lihat individu tersebut akan mengosongkan jawatan sehingga mahkamah terpaksa menentukan bila bersalah barulah dia meletakkan jawatan. Padahal dalam Fasal 10(c), beliau sudah layak untuk melepaskan jawatan ataupun adakah menteri pula mesti mentafsirkan maksud kelakuan yang memburukkan nama perbadanan itu. Keanggotaan ahli jawatankuasa yang dilantik oleh perbadanan tidak ditentukan tarikh di sini seperti mana anggota perbadanan. Maknanya ini lain. Ini jawatankuasa dalam anggota perbadanan yang tadi anggota perbadanan itu sendiri iaitu selama dua tahun dan boleh disambung sampai tiga kali berturut-turut. Apakah jawatankuasa perbadanan ini tidak mempunyai tempoh had mereka seperti mana anggota perbadanan? Bermakna anggota jawatankuasa tidak

mempunyai tempoh had tetapi anggota perbadanan mempunyai tempoh had dua tahun, dua tahun.

Dalam fasal 14 berhubung dengan prosiding dan tindakan perbadanan, yang tidak terjejas oleh perkara (b) dalam kecacatan dan kelayakan melantik anggota amat tidak munasabah. Kalau sudah kelayakan dipertikai, apakah perbadanan masih lagi boleh mengesahkan *prosiding* tersebut? Kalau begitu tidak perlulah ada apa-apa syarat dalam pelantikan anggota perbadanan.

Kemudian, penggunaan kaedah terkini sistem multimedia yang dimasukkan dalam akta ini semasa menghadapi mesyuarat. Misalnya menggunakan sidang video, TV dan juga sistem perhubungan yang lain. Saya rasa ini perlu diberi pujian kerana kita tidak mendapati perkara-perkara ini dimasukkan ke dalam rang undang-undang yang lain. Ini merupakan satu perkara yang patut yang diberi insentif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi Yang Berhormat?

Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]: Sikit lagi, sikit lagi. Kemudian satu perkara yang saya hendak bawa kepada pengetahuan kementerian ialah tentang masalah sekam padi yang saya harap diberi perhatian oleh anggota perbadanan kerana kami di Kedah banyak kilang padi yang mengeluarkan sekam-sekam ini. Ada di antara sekam-sekam ini digunakan oleh setengah-setengah kilang untuk menghasilkan tenaga.

Jadi, saya harap anggota perbadanan juga memberi perhatian supaya kebanyakan sekam-sekam padi ini tidak hanya dibuang di tepi-tepi jalan setelah dibakar tetapi dibawa kepada satu penempatan ataupun satu kilang yang dapat memproses menjadi tenaga kerana kilang Beras Jati telah menunjukkan perkara ini dan mereka mendapat satu insentif kalau tidak silap saya ialah RM1 juta untuk membangunkan teknik-teknik menghasilkan tenaga daripada sekam padi ini kerana kalau dibiarkan lepas bebas ia akan merosakkan kesihatan penduduk. Sekian terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada fasal 3(4)(a) iaitu perbadanan boleh membuat kontrak. Saya rasa tugas utama selepas tertubuhnya perbadanan ini adalah untuk menjalankan urusan memilih syarikat konsesi iaitu membuat kontrak dengan mereka untuk mengendalikan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan-kawasan yang digariskan oleh perbadanan atau kementerian.

Keputusan untuk menswastakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal ini dibuat sejak tahun 1995 dan selama ini Alam Flora dan Southern Waste Management telah dipilih sebagai syarikat untuk tempoh *interim* ini. Jadi saya ingin tahu sebab '*the corner stone*' penggubalan undang-undang yang kita giat bahas ini adalah ketidakpuasan dari segi prestasi syarikat-syarikat yang mengendalikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal. Jadi, saya ingin tahu mengapa syarikat yang sama akan dilantik untuk mengendalikan perkhidmatan ini di kawasan-kawasan yang berkenaan? Syarikat E-Idaman Sendirian Berhad yang selama ini dipilih untuk menjalankan

perkhidmatan di Zon Utara Semenanjung masih tidak dapat mengambil alih perkhidmatan ini. Namun, ianya juga dipilih untuk satu tahun secara *interim* untuk mengendalikan perkhidmatan ini.

Jadi saya ingin tahu mengapa tidak ada pertimbangan ke atas syarikat-syarikat yang lain yang mungkin berminat untuk mengendalikan atau terlibat dalam penswastaaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal ini? Mengapa kementerian tidak mengadakan *open tender* untuk memilih syarikat-syarikat konsesi ini? Cuma mengekalkan dua syarikat yang sudah menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan dan satu lagi syarikat yang langsung tidak berupaya untuk mengambil alih perkhidmatan itu walaupun dipilih beberapa tahun dahulu.

Jadi, saya ingin tahu mengapa satu tender terbuka tidak dapat diadakan untuk memilih syarikat-syarikat konsesi? Sebab kita inginkan syarikat-syarikat yang dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik di bawah rancangan untuk menswastakan pengurusan sisa pepejal dan menubuhkan perbadanan ini.

Saya juga setuju dengan pandangan Yang Berhormat Batu Gajah sebab akhirnya pembayar-pembayar cukai adalah terlibat juga dalam pengurusan dan pembayaran untuk menyokong perkhidmatan pengurusan sisa pepejal.

■1710

Kita ingin melibatkan pembayar-pembayar cukai dalam segala aspek khususnya dalam memilih syarikat konsesi. Saya setuju dengan cadangan beliau supaya kementerian tidak akan menggunakan Akta Rahsia Rasmi untuk menyekat akses kepada informasi berhubung dengan kontrak-kontrak yang akan ditandatangani oleh kementerian, perbadanan dengan syarikat-syarikat konsesi atau pun lain-lain *players* dalam perkhidmatan ini. Saya juga ingin cadangkan bahawa kontrak-kontrak ini dijadikan dokumen umum supaya orang ramai dapat meninjau kontrak-kontrak yang melibatkan mereka ini.

Berhubung dengan fasal 3(4)(b) iaitu berhubung dengan harta alih dan tidak alih dan kepentingan dan sebagainya. Saya ingin tahu sama ada PBT-PBT akan diberi pampasan atau sebagainya apabila perbadanan ambil alih harta-harta yang dimiliki oleh PBT-PBT selama ini dari segi membekalkan perkhidmatan jentera dan sebagainya dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 - keanggotaan Perbadanan. Saya juga memerhatikan bahawa tidak ada wakil negeri langsung dalam keanggotaan perbadanan. Walaupun ini merupakan satu pengambilalihan kuasa kerajaan negeri, tetapi sekurang-kurangnya Kerajaan Pusat hendak jugalah menunjukkan keikhlasan mereka untuk melibatkan kerajaan negeri dalam perbadanan dan urusan mengenai sisa pepejal dan pembersihan awam. Sebab tanpa penglibatan mereka secara geografi, zon-zon yang dipilih melibatkan kerajaan negeri dan jentera kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah ya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ya. Haruslah saya memohon menteri untuk melibatkan wakil-wakil negeri dalam perbadanan dan mungkin dalam peringkat fasal 11

berkenaan dengan jawatankuasa, kementerian bolehlah melibatkan lebih ramai wakil dari negeri-negeri dalam jawatankuasa atau pun menduduki jawatankuasa-jawatankuasa untuk mewakili kepentingan negeri.

Akhirnya fasal 27, berhubung dengan kumpulan wang. Saya mendapati bahawa walaupun ada beberapa cara di mana kumpulan wang itu boleh memungut wang untuk tabung atau kumpulan wang ini, tetapi saya melihat bahawa sumbangan daripada PBT yang menjadi satu asas rang undang-undang ini tidak dapat disenaraikan di dalam kumpulan wang atau pun sumber kumpulan wang ini. Selama dua, tiga hari ini menteri ada menyebutkan sumbangan PBT kepada kumpulan wang untuk menjayakan penswastaan pada kali ini tetapi nampaknya dalam fasal 27, dengan spesifiknya tidak menunjukkan sumbangan daripada pihak berkuasa tempatan. Saya ingin tahu mengapa ini terjadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ya. Apakah jaminan peratusan sumbangan PBT dapat dikekalkan selepas dua tahun tempoh interim ini. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh. Yang Berhormat Seputeh saya harap akan beri peluang kepada Kepong.

5.04 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, akan beri. Tidak panjang pun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya tidak akan panjang. Saya hendak tanya. Pagi tadi saya ada tanya kenapakah rang undang-undang ini dalam mukadimah ia tidak termasuk perkataan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi menteri kelihatan tidak jawab, jadi saya minta esok dia boleh jawab. Isu kedua ialah ikut 5G...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...ada? Tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak ada. Ada jawab. Ha, jangan salahkan orang lain.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak apalah esok menteri boleh ulangkan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekali sahaja. Bila menteri hendak jawab, saya akan berhenti, satu kali cukup. Baik, sambung ucapan lain. Kalau tidak ada cukuplah Yang Berhormat. Saya boleh kasi peluang kepada...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Nanti. Mengikut 5G dalam rang undang-undang ini menteri sepatutnya melantik tiga orang anggota dalam perbadanan ini. Pelantikan ini harus dipilih daripada..., saya cadangkan dipilih daripada anggota NGO atau pun akademik yang pakar dalam bidang sisa pepejal dan alam sekitar.

Fasal 9(1), menteri diberi kuasa untuk membatalkan pelantikan mana-mana anggota perbadanan yang termaktub dalam 5G. Iaitu tiga anggota yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan. Jadi saya ingin tanya, kenapakah menteri diberi kuasa untuk membatalkan pelantikan mereka tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan? Kenapakah tanpa sebab dimasukkan dalam fasal ini? Apakah fasal ini memberi kuasa kepada menteri untuk memecat mana-mana anggota perbadanan yang berpegang teguh kepada prinsip kebenaran atau pun penjagaan alam sekitar dan kritikal terhadap penyelewengan yang berlaku dalam perbadanan ini.

Isu yang ketiga ialah jawatan ketua pengarah dan pengerusi perbadanan. Siapa yang lebih berkuasa? Jadi, kerana kalau kita baca rang undang-undang ini, struktur pengurusan organisasi di perbadanan ini adalah agak mengelirukan. Apakah perbezaan di antara peranan dan tanggungjawab pengerusi perbadanan dan ketua pengarah perbadanan kerana kedua-dua mereka juga bertanggungjawab kepada menteri. Jadi siapakah lebih berkuasa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenapakah ketua pengarah perbadanan tidak muncul dalam senarai keanggotaan perbadanan dalam fasal 5 dalam rang undang-undang ini. Selepas itu adalah fungsi perbadanan. Saya hendak tanyalah seperti apa yang dibangkitkan tadi oleh Bera dan Sungai Petani tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah perbadanan ini satu agensi kerajaan atau pun GLC atau macam mana? Kalau rang undang-undang ini, kakitangan dalam perbadanan ini mereka adalah berkhidmat kerajaan atau pun kakitangan kerajaan tetapi dia adalah *profit oriented* dan adakah pekerja dalam perbadanan ini boleh dipecat kalau mereka tidak menunjukkan prestasi yang baik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup. Kepong sudah tunggu lama.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah mereka diberi bonus sekiranya perbadanan buat keuntungan? Jadi saya juga hendak tanya, tentang fasal 27(2)(d) yang menyatakan "*Semua wang yang didapati daripada perkhidmatan perlindungan dan penasihat dan apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Perbadanan*". Jadi ia kelihatan ia memberi kuasa kepada anggota perbadanan ini untuk mengutip wang daripada orang ramai bila mereka memberi perkhidmatan perundingan. Jadi siapakah *client* kepada perbadanan ini? Jadi apakah perbadanan ini merupakan satu *public authority* yang memberi *consultation* dan nasihat dengan mengguna caj dan fi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah, cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi akhir saya hendak tanyalah kepada menteri kerana dalam isu perundingan, kementerian telah melancarkan kempen kitar semula.

Jadi pada tahun-tahun yang lepas, sekarang perbadanan ini dikatakan akan memberi pendidikan dan kesedaran kepada orang ramai tentang isu kitar semula. Jadi apakah rancangan kementerian untuk menjayakan pendidikan kitar semula melalui perbadanan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata sedikit, sudah banyakkah. Sudahlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhirnya adalah isu penguatkuasaan. Jadi adakah perbadanan ini diberi, apakah peranannya dari segi penguatkuasaan? Sekiranya wujud perselisihan di antara PBT dan Perbadanan, jadi apakah yang akan berlaku, siapa yang *in charge*? Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ledang dua minit selepas itu Kepong. Dua minit Yang Berhormat.

5.08 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya satu minit sahaja. Saya bangun hendak menyokong. Satu perkara sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, iaitu seksyen 33. Iaitu, Tuan Yang di-Pertua kalau syarikat-syarikat gergasi, industri *player* dan sebagainya dengan izin boleh melabur dalam R&D, tadi Yang Berhormat Tangga Batu juga sebut R&D, saya minta sangat-sangat Tuan Yang di-Pertua supaya perbadanan ini juga menyediakan setiap kali dibuat bajet menyediakan peruntukan paling tidak pun 10% untuk tujuan pendidikan kepada orang bagaimana mereka boleh menguruskan sampah secara bersama.

Pada saya Tuan Yang di-Pertua ini penting. Kalau bajet setiap tahun tidak diadakan, saya takut, saya bimbang orang ramai gagal memberikan kerjasama, mereka lupa, mereka tidak boleh terus dikenakan tindakan undang-undang sebelum mereka diberikan pendidikan yang sebaik-baik dan berkesan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, selepas Kepong, menteri jawab.

■1720

5.20ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua. Jangan buang masa kerana Yang Berhormat Menteri dua hari sudah datang, kita pun seronok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah menteri sudah dua hari datang, Yang Berhormat hendak menteri jawabkah nanti? Yang Berhormat bagi Kepong, hendak menteri sendiri jawabkah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak, tolong pendekkan perbahasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya mesti, tetapi saya pun seronok kerana ramai Ahli Yang Berhormat yang berminat dengan perkara ini dan Yang Berhormat Menteri pun mesti bergembira, sebab ramai orang yang menumpukan perhatian kepada perkara yang penting ini. Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dengan perbadanan ini untuk melaksanakan 17 fungsinya.

Yang pertama, seperti yang disebutkan oleh beberapa Ahli di sini, kita tidak tahu dengan adanya perbadanan ini sama ada ia boleh berfungsi sebagai GLC, seperti KWSP, seperti PERKESO ataupun seperti Petronas. Kita tidak tahu dan Yang Berhormat mestilah memberi keyakinan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, apakah jenis badan yang akan diluluskan di dalam Dewan ini, kerana kalau kita ikut fasal-fasal yang termaktub di dalamnya kita dapati ada unsur-unsur yang boleh menyebabkan birokrasi dan *red tape*.

Satu gergasi birokrasi dan *red tape* termasuklah pelantikan misalnya ketua pegawai eksekutif, pelantikan anggota-anggota perbadanan, mesti kita adakan kriteria-kriteria yang lebih jelas. Walaupun ada dalam peruntukan kewajipan bagi setiap orang yang dilantik, itu memang diperlukan. Walau bagaimanapun kalau kita lihat atas apa sebab Alam Flora dilantik ataupun Southern Waste dilantik ataupun e-idaman dilantik, apakah kriteria yang digunakan untuk melantik syarikat-syarikat. Adakah kerana pihak yang tertentu mengenal orang ini, adakah kerana ahli-ahli UMNO belaka? Kita hendak tahulah itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini sangkaan buruk ini 36(6).

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, masuk UMNOlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Menteri jangan kita melayan ahli-ahli UMNO atau ahli politik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan Mesyuarat 36(56) .

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Masuk UMNOlah Kepong, Kepong, masuk UMNO.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan Mesyuarat 36(6) sangkaan buruk. Jangan main-main.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini sangat sensitif.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu baik ke buruk tidak tahulah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan sangkaan buruk ini, Titiwangsa pun tahu kita hendak lantik orang yang berkaliber, mampu untuk menjalankan tugas, itu sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: UMNOlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: UMNOkah? Kalau Alam Flora UMNO matilah kita semua, sembilan tahun tidak boleh berfungsi. Tidak mampu, saya serius dengan ini saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimana setiap orang dilantik termasuk ketua pegawai eksekutifnya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lantik Yang Berhormat bagi Keponglah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Boleh juga, tetapi mesti mengikut kriteria yang tertentu. Jadi jangan kita pilih yang bulu apa pun kita ikut peraturan dan kriteria yang ditetapkan sebab tidak bolehlah buat macam itu. Kalau kita ikut fasal-fasal ini misalnya Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika negeri Selangor, kerajaan sudah mencadangkan satu konsep *sustainable city*. Misalnya di Batang Kali, baru sahaja ada pilihan raya kecil tetapi dibatalkan kerana kekangan kewangan. Perbadanan ini pun diwujudkan kerana kekangan-kekangan yang tertentu termasuk teknikal, kewangan, ekonomi, sosial dan sebagainya kerana itu kita perlu adakan perbadanan.

Yang Berhormat tolong beritahu kita kalau kita perlukan satu konsep *sustainable city* di satu bandar misalnya di Ketereh, kerana Ketereh itu mundur sangat sekarang kan, dia hendak *sustainable city* di Ketereh. Tangga Batu, batu sahaja macam mana kita boleh adakan *sustainable city*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan meleret-leret dalam ucapan kerana saya pun hendak berucap saya tunggu dari tadi tidak boleh Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat berucap itu semua orang sudah berucap. Cuba Yang Berhormat cakap yang baru idea baru Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, tidak, *sustainable city* adakah ucap, siapakah yang ucap di sini *sustainable city*?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya hendak berucap itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Niat sahaja sahajalah, niat itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itulah *point* saya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Point sustainable city* misalnya, kita ada *city* kita pilih Ketereh, kita hendak adakan jenis *handover prosper project* seperti itu untuk jimat tenaga, solar *city*, untuk *wind turbine*, dan untuk pengurusan air hujan, sisa pepejal, termasuk sisa pepejal, tanah, landskap dan sebagainya. *Handover Prosper project* seperti itu dan bolehkah Yang Berhormat beritahu kita kalau konsep ini ditimbulkan macam mana kita boleh luluskan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh minta jalan sedikit? Saya hendak tanya Putrajaya ini bolehkah dianggap sebagai *sustainable city*, bolehkah tidak atau di mana contoh di Malaysia ini yang lebih hampir kepada *sustainable city*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita di Malaysia macam ada *sustainable* tidak *sustainable*. Kalau *sustainable* kita tidak perlulah perbadanan ini kerana ia gagal sama sekali.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, kerajaan cuba buat yang terbaik, pelan-pelanlah buat, jadi kalau bil ini pun Yang Berhormat tidak bersetuju dok bangkang semua jadi bila kita hendak capai matlamat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat Kepong, Kepong, Kepong gulung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita tanya Yang Berhormat Menteri, saya buat beberapa cadangan. Saya hendak gulung sudah itu, saya berharap kita boleh mengatasi birokrasi, *red tape* dan kita boleh mewujudkan *sustainability, sustainable city* dan sebagainya, itu konsep ini sebab pihak kerajaan pun belum lagi bersedia untuk mengadakan *sustainable city* kerana kekangan-kekangan yang tertentulah itu, termasuk Ketereh yang tidak begitu bernas hari ini. Di sini saya berakhir dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pantun?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Boleh juga, ini kita hendakkan satu pengurusan perbadanan yang termoden yang 'bercekap', yang bersih dan beramanah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 'Bercekap' tidak ada perkataan cekap ada, 'bercekap' tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak adakah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak ada bahasa nama 'bercekap', cekap ada tidak ada 'ber' dalam cekap, pembetulan bahasalah. Yang Berhormat, jadi kalau tidak tahu jangan gagah ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh, sekarang dia sudah pakar bahasa. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat dapat memberitahu kita macam mana kita boleh adakan pengurusan perbadanan yang cukup hebat dan cekap, yang bersih dan beramanah, beramanah ada ya? Ha, ada, kita mesti tanya pakar bahasa kita. Itu sahaja...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Kepong, Kepong, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak tanya Ketereh? Ketereh tanya apa?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Hendak tanya dia sekejap, boleh?

Tanam padi dalam huma,

Mari disimpan dalam peti,

Kepong cakap sudah lama,

Bila hendak berhenti?

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, dia sebenarnya sudah hendak berhenti.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya cakap tak lama, kalau ucapan itu daripada hati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak buat pantunkah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Boleh juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cepat buat, cepatlah Yang Berhormat, buatlah cepat.

■1730

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Negara....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Negara apa?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dewan kita memerlukan ucapan yang lama tapi ada orang tidak mengerti ucapan saya memang tak lama sebab semuanya ada bererti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. Besok menteri jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi saya sudah buat keputusan selepas Kepong, menteri ada usul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi Tuan Yang di-Pertua kata saya hendak jaga ketenteraman. Jadi saya keluarlah Tuan Yang di-Pertua.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

5.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang."

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PENYALAHGUNAAN KUASA PEGAWAI PENGUAT KUASA DBKL SEWAKTU OPERASI

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila.

5.31 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. mengapa dalam usaha kerajaan untuk membangunkan mentaliti masyarakat Malaysia kelas satu dan DBKL berusaha untuk menjadikan bandar raya Kuala Lumpur bertaraf dunia. Terdapat pegawai-

pegawai dan kakitangan yang masih berfikiran tidak selari dengan dasar dan hasrat kerajaan. Tidak melaksanakan dasar dan sistem penyampaian kerajaan dengan berkesan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa insiden yang berlaku pada 30 Mei 2007 di Jalan Petaling, Kuala Lumpur sewaktu pegawai-pegawai penguat kuasa DBKL bertugas dan menjalankan operasi di situ mereka telah merampas dan menyita barang-barang jualan penjaja-penjaja ke atas lori secara kasar dan terlebih dahulu mengeluarkan atau menyerahkan senarai barang penjaja yang disita dan ditahan kepada setiap penjaja yang terlibat. Mereka terus membawa pergi barang-barang tersebut ke stor DBKL tanpa ada bukti bertulis di tangan penjaja-penjaja bahawa barang-barang mereka telah disita oleh pasukan penguat kuasa DBKL.

Jika mereka melakukan operasi secara kasar seperti ini bagaimanakah mereka boleh mengetahui bahawa sesuatu barang-barang itu kepunyaan seseorang penjaja melainkan penjaja tersebut dapat mengecam dari jumlah bilangan dan jenis. Jika barang-barang itu tidak ada dalam simpanan stor seperti jenis makanan dan pasar apakah bukti yang boleh penjaja tunjukkan kepada pegawai stor bahawa barang-barang tersebut kepunyaan mereka. Oleh sebab itu biasanya penjaja yang datang mengadu kepada pejabat wakil rakyat memberitahu bahawa barang sekian sudah tiada lagi selepas dibawa ke dalam lori penguat kuasa. Maka tuduh-menuduh berlaku antara penjaja dan penguat kuasa mengenai kehilangan barang-barang yang disita.

Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan saya dan naib pengerusi persatuan penjaja sedang berada di Jalan Petaling sewaktu operasi tangkapan dijalankan. Pasukan penguat kuasa secara kasar dan keras telah merampas barang-barang penjaja tanpa belas kasihan dan tanpa memberikan bukti bertulis senarai barang yang disita. Atas aduan penjaja-penjaja terbabit kepada kami dan berlaku soal jawab dengan pegawai berpangkat sarjan penguat kuasa maka barulah senarai tangkapan dikeluarkan kepada penjaja. Menurut kata para penjaja barang-barang sitaan yang hilang itu boleh dijumpai dalam bentuk dan jenis yang sama di pasar-pasar malam di kawasan lain.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi barang-barang yang disita itu bukan boleh diambil dengan mudah oleh penjaja. Mereka perlu pergi ke pejabat stor penguat kuasa dan ibu pejabat penguat kuasa untuk mendapatkan surat senarai barang di situ. Barang-barang itu akan ditahan selama sebulan dua sebelum boleh dilepaskan dan dikompaunkan. Bagi penjaja-penjaja yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang mereka berada dalam kesusahan untuk mencari nafkah keluarga sedangkan barang-barang jualan telah disita dan ditahan bagi tempoh yang lama. Ini bukan sahaja menafikan para penjaja berniaga tetapi menutup pintu rezeki keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu DBKL hendaklah mengubah dasar mereka ke atas penjaja. Jika melakukan operasi tangkapan atas kesalahan yang dilakukan oleh penjaja-penjaja laksanakan dengan adil, berikan senarai barang yang disita. Pastikan barang-barang itu tidak

dihilangkan kerana ia sesuatu amanah yang membenarkan barang-barang itu dikembalikan tanpa dikenakan kompaun yang tinggi dan di dalam tempoh tahanan yang pendek. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang, dalam melaksanakan tugas-tugas pengawalan dan penguatkuasaan ke atas penjaja dan perniagaan kecil, Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai WPKL 1989 telah menggariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi. Mengikut subseksyen 3 undang-undang kecil, berkenaan menjalankan aktiviti penjajaan tanpa lesen adalah satu kesalahan. Subseksyen 37 undang-undang kecil yang sama memperuntukkan tindakan sita boleh diambil terhadap penjaja yang berniaga tanpa lesen. Undang-undang kecil membenarkan pelesen mengambil pembantu untuk bekerja. Walau bagaimanapun, pelesen tetap diwajibkan hadir menjalankan perniagaan bersama-sama ditapak perniagaan sebagai mana subseksyen 18(1) undang-undang kecil pelesenan penjaja dan gerai tersebut dan pembantu tersebut mestilah dari kalangan warga tempatan. Adalah menjadi dasar kerajaan untuk tidak membenarkan mana-mana warga asing melibatkan diri sama ada sebagai penjaja atau pembantu. Kawasan sekitar Jalan Petaling merupakan kawasan tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara yang ingin membeli belah serta menginap di sekitarnya. Di atas sambutan yang amat baik dari pengunjung, ada di kalangan penjaja-penjaja telah mengambil kesempatan dengan menambah bilangan gerai menggunakan lesen yang sama. Perkara ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan penjaja lain yang terpaksa bersaing serta berhimpit dengan penjaja tersebut.

Di samping itu terdapat juga penjaja yang mengupah warganegara asing untuk menjalankan perniagaannya dan apabila tindakan penguatkuasaan diambil, pemilik akan tampil mendakwa barang yang disita adalah kepunyaannya. Tempoh penahanan barang-barang yang disita milik penjaja tanpa lesen warganegara adalah tidak melebihi tempoh tiga bulan. Berkenaan dengan isu kejadian yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, kronologikal kes dan tindakan-tindakan pegawai penguat kuasa adalah seperti berikut:

Pada 30 Mei 2007, kira-kira jam 11.10 pagi, pasukan penguat kuasa DBKL telah mengadakan tindakan sita ke atas dua penjaja bukan warganegara di Jalan Petaling Kuala Lumpur. Seorang penjaja adalah warganegara Myanmar dan menjalankan perniagaan jam dan seorang lagi adalah warganegara Bangladesh yang menjalankan perniagaan minyak wangi. Penguat kuasa DBKL telah menyita sebanyak 306 unit jam yang diniaga oleh peniaga warga asing Myanmar dan sebanyak 18 buah botol minyak yang diniagakan oleh peniaga warga Bangladesh.

■1740

Semasa tindakan penyitaan dibuat, seorang lelaki Cina telah mendakwa dirinya sebagai pemilik jam yang disita tersebut, manakala peniaga minyak wangi warga negara Bangladesh telah menghilangkan diri. Kedai ini di lokasi agak kurang memberi ruang untuk pegawai penguat kuasa mengira dan menyerahkan borang sitaan kepada lelaki Cina itu yang mendakwa jam tersebut adalah miliknya. Walau bagaimanapun, setelah memikirkan agar keadaan tidak menjadi lebih rumit, pegawai penguat kuasa telah bersetuju untuk mengira jumlah jam dan menyerahkan borang sitaan berhampiran lori DBKL kepada lelaki tersebut walaupun pada dasarnya barangan tersebut tidak boleh dituntut kerana ianya diniaga oleh warga negara asing.

Setelah mengira jumlah jam pegawai penguat kuasa telah menyerahkan borang sitaan kepada lelaki Cina tersebut. Beliau berpuas hati dan seterusnya menandatangani borang tersebut. Semua barangan yang disita telah dihantar ke stor sitaan Pejabat Cawangan Cheras. Pegawai penguat kuasa DBKL telah menjalankan tugas mengikut bidang kuasa yang ada dan telah melaksanakan tindakan dengan sebaik mungkin.

Walaupun keadaan pada masa tersebut agak rumit, tidak timbul sebarang isu kekasaran atau penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai penguat kuasa DBKL. Jabatan Keselamatan dan penguatkuasaan DBKL telah memberi penerangan kepada semua pegawai dan anggota penguat kuasa agar memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua warga kota. Di samping itu sebarang tindakan penguatkuasaan yang timbul adalah mematuhi prosedur dan berlandaskan bidang kuasa yang ada. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

5.41 ptg.

**KEENGGANAN TELEKOM MALAYSIA MELUNASKAN HUTANG
KEPADA MOBIKOM SDN. BHD.**

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada bulan Mei tahun 1996, Inmiss Communications Sdn. Bhd pernah mengadakan satu perjanjian dengan Mobikom Sdn. Bhd di mana Inmiss mewujudkan TM Leasing Line kepada Mobikom System Server untuk membekal Perkhidmatan Premium Penambahan Nilai (*Value Added Premium Service*) kepada Mobikom iaitu satu perkhidmatan yang memberi maklumat saham dan Horoscopes dan lain-lain kepada pelanggan Mobikom. Lesen perkhidmatan ini diluluskan oleh Malaysia Communication Multimedia Commission (MCMC).

Terma pembayaran ialah 30 hari selepas Inmiss menghantar invois dengan “*verification of call traffic database via synchronization of both parties’ servers.*”

Pada Februari 2000, TM sebagai pemegang saham minoriti Mobikom mengambil alih kesemua pegangan saham Mobikom. Perjanjian antara Inmiss dengan Mobikom pun dihentikan oleh TM.

Pada asalnya, Mobikom berhutang sebanyak RM7.48 juta kepada Inmiss. Selepas timbangtara selama tiga tahun, pada 31 Mac 2005 penimbangtara memutuskan bahawa TM harus membayar RM27.4 juta kepada Inmiss, tetapi TM memohon injunksi kepada mahkamah untuk mengetepikan keputusan penimbangtara ini.

Tindakan TM ini menyebabkan Inmiss terpaksa mengambil tindakan mahkamah untuk menggulungkan Mobikom Sdn. Bhd, tetapi usaha untuk mendapat balik hutang melalui proses penimbangtaraan ini telah pun gagal.

TM menggunakan pelbagai alasan untuk mengelakkan bayaran kepada Inmiss. Ini termasuk urusan niaga di antara Inmiss dengan Mobikom melibatkan penipuan, tetapi TM gagal membuktikan dakwaannya di hadapan Arbitrator Datuk Abu Mansor. Selain itu kesemua penipuan tersebut adalah dilakukan oleh kakitangan Mobikom dan ini dibuktikan oleh laporan polis Mobikom. Kesemua kakitangan yang melakukan penipuan telah pun ditangkap oleh polis.

Dalam mesyuarat di antara Inmiss dan TM, TM tidak ingin mengiktiraf perjanjian yang dimeterai di antara Inmiss dengan Mobikom, dengan alasan perjanjian ini mengandungi elemen penipuan. CEO TM hanya ingin membayar RM3 juta kepada Inmiss sebagai pampasan secara percakapan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kesalahan penipuan dalam Mobikom tidak harus ditanggung oleh Inmiss. TM sebagai pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang terbesar di Malaysia haruslah mengiktiraf segala perjanjian urusan niaga yang ditandatangani di antara Mobikom dengan semua syarikat yang dibuat sebelum Mobikom diambil alih sepenuhnya oleh TM.

Tindakan pengelakan pembayaran hutang oleh TM telah pun menjejaskan imejnya sebagai salah satu syarikat berkaitan dengan kerajaan (GLC) yang terbesar di negara ini. Ia mungkin menakutkan pelabur asing untuk berurusan niaga dengan GLC di negara kita.

Memandangkan tindakan mahkamah Inmiss ke atas Mobikom telah berakhir atas alasan teknikal, saya ingin minta pihak Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi untuk campur tangan dalam masalah pengelakan bayaran hutang yang dilakukan oleh TM tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

5.44 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah amalan Telekom Malaysia Bhd. (TM) untuk menjelaskan obligasi kewangannya mengikut tata cara komersial yang lazim digunakan oleh semua entiti komersial.

Pada tahun 2003, sebelum pengambilalihan pengurusan Mobikom oleh TM, yang telah bersetuju untuk membuat pembayaran balik *reimbursement* dengan izin kepada Mobikom bagi

sebarang pembayaran yang akan dibuat oleh Mobikom. Walau bagaimanapun, pembayaran tersebut terpaksa diberhentikan akibat dari petisyen penggulungan Mobikom yang telah difailkan oleh Syarikat Inmiss Communications Sdn. Bhd. Inmiss pada 11 Ogos 2005 yang mempunyai tuntutan sebanyak RM27.4 juta berdasarkan satu timbang tara yang dipertikaikan oleh Mobikom.

TM tidak boleh membuat bayaran bagi pihak Mobikom kerana Mobikom merupakan sebuah entiti yang berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan Inmiss sebanyak RM27.4 juta adalah berdasarkan *award* timbang tara yang dipertikaikan oleh Mobikom dan pihak Mobikom telah pun membuat permohonan kepada mahkamah tinggi untuk mengetepikan *award* tersebut. Setakat hari ini, tarikh pendengaran permohonan Mobikom masih belum ditetapkan oleh mahkamah tinggi.

Berdasarkan *award* timbang tara, satu petisyen penggulungan syarikat telah difailkan oleh Inmiss terhadap Mobikom dan telah ditetapkan untuk sebutan pada 27 Julai 2007. Mobikom tidak dapat membuat apa-apa bayaran kepada Inmiss atau kepada mana-mana pihak yang lain selaras dengan peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965. Adalah ditegaskan bahawa tindakan mahkamah oleh Inmiss adalah terhadap Mobikom dan bukannya TM.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak dapat campur tangan dalam urusan ini kerana ia merupakan pertikaian komersial dan masih dalam proses tindakan mahkamah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, selesailah ucapan penangguhan. Dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.46 petang.